Bil. 53

Khamis
10 November 2011

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2012

Jawatankuasa-

Jadual-

Maksud B.25 (Halaman 18)

Maksud B.27 (Halaman 35)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2012

Jawatankuasa-

Maksud P.25 (Halaman 18)

Maksud P.27 (Halaman 35)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN Malaysia
2011

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.

2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB

3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO

3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*

4. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO

5. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO

6. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO

7. " Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO

8. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO

9. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

10. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO

11. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO

12. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO

13. " Menteri Sains,Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS

14. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB

15. " Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

16. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. " Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

18. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*

19. " Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO

20. " Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA

21. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

22. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC

23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

24. " Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

25. " Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

26. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*

27. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO

28. " Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*

29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*

30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*

30. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M. (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

2. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

3. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

4. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

5. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

10. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

11. " Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M. (Sungai Besar) – UMNO

12. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

13. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA

14. " Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

15. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB

16. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

17. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

18. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

19. " Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

20. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

21. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

23. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO

24. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*

25. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO

26. " Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO

27. " Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*

28. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. - *Senator*

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

30. " Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

31. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO

33. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

34. " Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

35. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB

36. " Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*

37. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*

38. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*

39. " Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP

40. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS

2. " Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO

3. " Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO

4. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO

5. " Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO

6. " Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO

7. " Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO

8. " Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB

9. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO

10. " Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO

11. " Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB

12. " Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB

13. " Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO

14. Yang Berhormat Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. " Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. " Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. " Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. " Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. " Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. " Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. " Dato' Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. " Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. " Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. " Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. " Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. " Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. " Dato' Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. " Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. " Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. " Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. " Dato' Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. " Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO

44. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. " Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. " Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. " Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. " Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. " Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. " Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. " Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. " Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. " Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. " Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. " Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. " Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. " Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. " Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. " Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. " Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. " Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. " Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. " Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. " Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. " Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. " Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP

72. Yang Berhormat Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. " Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. " Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. " Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing,S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. " Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. " Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. " Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. " Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. " Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. " Dato' Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. " Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. " Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. " Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. " Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. " Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)

3. Yang Berhormat Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. " Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. " Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. " Tuan John Fernandez (Seremban)
12. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. " Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. " Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. " Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. " Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. " Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. " Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)

10. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. " Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. " Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. " Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. " Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. " Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. " Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. " Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. " Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. " Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. " Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. " Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. " Tuan Adek Hussinzli Samsuri (Bagan Serai)
5. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. " Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. " Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)Baru)
8. " Dato' Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

Kosong

1. Tiada (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 10 November 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah langkah Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam memastikan "peminta-peminta sedekah jalanan" berstatus warganegara Malaysia diberikan bantuan sara hidup serta apakah langkah susulan yang diambil dalam memastikan golongan ini dapat meneruskan kehidupan dengan berdikari dan berdaya saing tanpa mengharapkan bantuan secara berterusan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat amat peka dan memandang serius tentang isu peminta-peminta sedekah jalanan tanpa mengira status kewarganegaraan mereka. Bagi peminta sedekah warganegara asing, mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk dihantar balik ke negara asalnya manakala bagi peminta sedekah warganegara Malaysia, mereka akan diberi bantuan sewajarnya supaya tidak terpinggir daripada menikmati arus pembangunan negara.

Bagi menangani isu peminta sedekah jalanan, JKM sentiasa menjalankan operasi menyelamat secara berkala di seluruh negara. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2011, sebanyak 541 operasi telah diadakan di mana seramai 582 orang peminta sedekah telah pun diselamatkan. Antara langkah yang diambil oleh JKM dalam memastikan peminta sedekah jalanan warganegara Malaysia diselamatkan dan dibantu adalah melalui peruntukan Akta Orang-Orang Papa 1977 [*Akta 183*]. Akta ini memberi peruntukan di mana pengemis dan kutu rayau yang diselamatkan akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD) manakala bagi warga emas yang berumur 60 tahun ke atas pula diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan.

Langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin. Di kedua-dua Desa Bina Diri dan Rumah Seri Kenangan ini, mereka akan menjalani pemulihan dan latihan kerjaya bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Mereka akan diberikan rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan serta bimbingan kaunseling.

Selain itu, mereka juga diberikan latihan vokasional, pertanian, kraf tangan, bimbingan agama dan juga rekreasi. Bagi peminta sedekah yang mempunyai keluarga pula, mereka akan diserahkan kembali kepada keluarga masing-masing dan akan dipertimbangkan bantuan kebajikan yang bersesuaian sekiranya layak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan golongan ini meneruskan kehidupan secara berdikari dan berdaya saing tanpa mengharapkan bantuan secara berterusan daripada kerajaan, kementerian telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah pusat sehenti intervensi yang dinamakan Anjung Singgah. Pusat ini dikendalikan oleh Yayasan Kebajikan Negara yang terletak di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur dan telah pun mula beroperasi pada 9 April 2011. Anjung Singgah menyediakan perkhidmatan secara holistik bagi membantu golongan gelandangan termasuk peminta sedekah jalanan dari segi pendaftaran mengenai latar belakang mereka. Pembersihan diri dan penyediaan khidmat bantuan untuk mendapatkan pekerjaan, kemudahan perumahan, kaunseling dan bantuan kebajikan kepada mereka yang layak.

Bagi memantapkan proses intervensi, Anjung Singgah menyediakan kemudahan tempat penginapan kepada mereka. Ia boleh memuatkan seramai 76 orang gelandangan lelaki dan perempuan pada satu-satu masa untuk tempoh satu hingga dua minggu. Dalam tempoh tersebut, pihak Anjung Singgah akan membantu mereka untuk mencari pekerjaan bagi tujuan membantu mereka untuk berdikari serta mendapatkan penginapan yang sesuai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak ditubuhkan sehingga bulan Oktober 2011, seramai 325 orang gelandangan telah pun berdaftar di Anjung Singgah. Daripada jumlah ini, seramai 120 orang gelandangan telah diberi pekerjaan dengan majikan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu golongan gelandangan yang layak akan diberi bantuan kewangan bulanan mengikut skim bantuan JKM sehinggalah mereka benar-benar berkeupayaan untuk menjalani kehidupan harian. Mereka juga boleh dipertimbangkan pemberian bantuan geran pelancaran bagi memulakan projek perniagaan kecil atau pertanian mengikut kesesuaian dengan bimbingan oleh pihak JKM.

■1010

Dalam perhubungan ini kementerian telah membuat permohonan lesen penjaja khas daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada golongan ini yang berminat untuk menceburi dalam bidang perniagaan. Sekian terima kasih.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum mengemukakan soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengalu-alukan kehadiran kepimpinan Pemuda PBB Negeri Sarawak... *[Tepuk]*

Kalau kita lihat suasana sekarang peminta-peminta sedekah sekarang sudah menjadi satu profesion. Saya mendapat maklum ada di kalangan mereka sudah mempunyai gaji tetap secara bulanan. Bermakna negara kita ini adalah sebuah negara yang penyayang. Pagi ini kalau kita baca dalam akhbar *Berita Harian* kita terkejut mendapati bahawa balu Abuya Khatijah Am didakwa menerima keuntungan kira-kira RM800,000 sebulan. Sebahagiannya hasil kutipan derma oleh anak-anak yatim yang dikerah berbuat demikian menerusi rumah kebajikan.

Soalan saya, apa yang membezakan peminta sedekah jalanan yang benar-benar perlukan simpati dan kewangan dengan peminta sedekah orang buta yang menjual tisu? Adakah kementerian bekerjasama dan memohon bantuan daripada institusi zakat bagi membolehkan golongan peminta sedekah ini diberikan dana. Untuk memulakan sesuatu perkara yang boleh membantu kehidupan mereka seperti contohnya berniaga kecil-kecilan. Bagaimana pula dengan peminta sedekah di kalangan kanak-kanak yang begitu ramai dikesan terutama menggunakan alasan mengutip derma atas dasar badan bukan kerajaan dan sekolah agama yang berkeliaran di medan-medan selera, di pusat rawat dan rehat. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Pertama sekali ialah tentang isu kanak-kanak yang telah pun dijadikan sebagai peminta sedekah. Di bawah seksyen 32, Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis ataupun untuk terima sedekah sama ada secara membuat persembahan jalanan ataupun menjaja, menjual loteri, judi ataupun lain-lain aktiviti yang akan memudaratkan kesihatan dan kebajikan mereka. Sebarang ataupun mana-mana pihak yang didapati melanggar peraturan ini bolehlah dikenakan iaitu denda tidak lebih daripada RM5,000 ataupun penjara tidak lebih daripada dua tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Merujuk kepada isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang sama ada kerajaan memberikan bantuan untuk membantu orang papa atau peminta sedekah untuk berdikari. Yang Berhormat, seperti mana yang saya terangkan dalam jawapan saya tadi saya telah nyatakan bahawa sekiranya terdapat peminta sedekah yang telah pun diselamatkan, kita akan masukkan mereka kepada iaitu sama ada Rumah Seri Kenangan bagi mereka yang berumur lebih daripada 60 tahun. Bagi mereka yang di bawah 60 tahun tetapi lebih daripada 18 tahun kita akan masukkan ke Desa iaitu Desa Bina Diri.

Dalam kedua-dua iaitu institusi ini mereka ini akan diberikan pelbagai latihan vokasional ataupun latihan yang bersesuaian dengan minat dan kecenderungan mereka selama tiga tahun. Untuk membantu mereka mencari pekerjaan dan berdikari di masa kelak. Jadi, sekian terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua ada dua aspek dalam situasi ini di mana pengemis adalah saya rasa ada dua sektor. Satu di mana dia betul-betul miskin, betul-betul tidak tahu cara untuk berdikari dan perlukan pertolongan.

Kedua adalah situasi di mana pendatang-pendatang dari luar negara kerap kali kita nampak di kedai-kedai di mana mereka datang untuk mendapat wang dari kita, dari masyarakat. Mereka ini saya rasa adalah yang terlibat dengan satu boleh dikatakan profesional, sindiket yang di belakang mereka. Kerap kali di Brickfields dan tempat-tempat di sana saya nampak ramai di antaranya terlibat dalam perkara ini dan *Buddhist-Buddhist* yang sedang mengutip wang.

Saya difahamkan mereka ini adalah dari luar negara dan diketahui oleh pihak-pihak berkenaan tetapi tidak ada tindakan yang tegas diambil. Apakah cara dan cadangan oleh kerajaan supaya kita tidak ada satu situasi di mana ini menjadi satu cara untuk cari wang oleh sindiket-sindiket?

Pertama adalah pengemis di seluruh negara bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di Ipoh, Kampar di banyak tempat. Usaha-usaha yang sedia ada yang dijalankan oleh kerajaan nampaknya tidak efektif kerana tidak ada satu *reach out* kepada pihak yang betul-betul *hardcore poors* untuk menolong mereka. Ramai di antara mereka yang pergi ke pejabat mengatakan ada penyiasatan akan dijalankan lepas itu satu keputusan akan dibuat mengambil banyak masa.

Dalam masa proses ini mereka bukan sahaja mereka susah anak-anak mereka terlibat dan ramai di antara anak-anak mereka tidak pergi ke sekolah. Jadi dalam hal ini macam mana kerajaan, macam mana kementerian ada usaha yang konkrit untuk cari jalan untuk menyelesaikan perkara ini? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sebenarnya untuk peminta sedekah warga asing peruntukan perundangan sedia ada yang dapat menangani isu ini adalah antaranya ialah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Jadi di bawah akta ini mana-mana pihak yang didapati disabitkan kesalahan bolehlah dikenakan denda sebanyak RM500 daripada, *sorry* ya minimum RM500 hingga RM1 juta. Ataupun dipenjarakan kurang daripada 20 tahun ataupun kedua-duanya sekali. Jadi akta ini adalah mengikat warga asing ataupun juga warga Malaysia yang terlibat dengan isu yang berkenaan. Ini termasuklah kes di mana kanak-kanak diculik dan dijadikan pengemis.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya di Malaysia kementerian ini dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia kita sentiasa melakukan iaitu operasi secara berkala seperti mana yang saya terangkan. Daripada hasil tangkapan kita sebanyak 541 operasi telah pun dijalankan. Daripada operasi ini pengemis tempatan adalah berjumlah yang ditangkap untuk tahun 2010 sahaja ialah 1,181 orang dan pengemis asing adalah 253 orang.

Mengenai isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tentang dakwaan bahawa kerajaan tidak membantu mereka yang miskin tegar. Saya rasa dakwaan ini tidak berasas ya. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya bagi tahun ini sendiri kerajaan di bawah kementerian ini kita telah pun berjaya membebaskan iaitu sebanyak lebih daripada 44,000 orang di bawah miskin tegar ini ataupun keluarga yang mendapati di mana gaji atau pendapatan bulanan mereka kurang daripada RM440.

■1020

Walau bagaimanapun, sekiranya di kawasan Yang Berhormat, didapati masih terdapat keluarga yang miskin tegar, bolehlah rujuk kepada kementerian kita untuk diambil tindakan yang selanjutnya. Sekian, terima kasih.

2. Dato' Rashid Din [Merbok] minta Menteri Pelajaran menyatakan, berapakah hitung panjang perbelanjaan kerajaan bagi satu murid untuk satu tahun untuk pendidikan di IPTA, IPTS, kolej matrikulasi, sekolah menengah dan sekolah rendah bagi tiga tahun kebelakangan. Juga bandingkan perbelanjaan tersebut dengan perbelanjaan yang sama di negara-negara ASEAN.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah diperuntukkan dengan bajet yang cukup besar setiap tahun dalam memastikan pengoperasian pendidikan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Misalannya pada tahun ini, Kementerian Pelajaran diperuntukkan sejumlah RM37 bilion yang merangkumi RM30.9 bilion iaitu 83.5 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan RM6.1 bilion iaitu 16.5 peratus bagi perbelanjaan pembangunan. Usaha ini adalah sejajar untuk melahirkan modal insan berdaya saing sebagai persediaan ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Secara umumnya, hitung perbelanjaan bagi seorang murid di sekolah rendah dan di sekolah menengah untuk tiga tahun kebelakangan secara puratanya adalah RM3,354 untuk sekolah rendah dan RM4,039 bagi sekolah menengah. Malahan kerajaan turut juga menyediakan 22 lagi bantuan persekolahan berjumlah RM3 bilion setahun kepada murid berdasarkan kriteria-kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

Selain itu, kerajaan juga membiayai sepenuhnya pelajar program matrikulasi Kementerian Pelajaran dengan peruntukan secara purata setiap tahun sebanyak RM9,100 bagi setiap pelajar meliputi yuran pengajian, bayaran peperiksaan, yuran penginapan, elaun wang saku dan juga aktiviti kokurikulum berdasarkan *The World Competitiveness Year Book 2010* yang dikelolakan oleh *Institute for Management Development* (IMD) memperakukan Malaysia berada di kedudukan keempat tertinggi dalam peratusan hitung panjang perbelanjaan peruntukan bagi sektor pendidikan berbanding dengan 57 buah negara yang berdaya saing dalam ekonomi.

Dalam laporan tersebut ada dinyatakan bahawa negara Thailand berada di kedudukan ke-32, Singapura ke-53, Filipina ke-56 dan Indonesia ke-57. Perbandingan ini jelas membuktikan kerajaan sentiasa berusaha untuk melahirkan modal insan yang mampu memenuhi keperluan guna tenaga berkemahiran tinggi bukan sahaja di peringkat tempatan malahan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi kedudukan ini memperlihatkan bahawa Malaysia amat mementingkan sektor pendidikan yang dapat membangunkan modal insan sebagai asas untuk melaksanakan transformasi ekonomi ke arah mencapai Wawasan 2020 serta pelaburan dalam meningkatkan produktiviti negara.

Justeru, peruntukan perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan ini menunjukkan bahawa kerajaan prihatin terhadap kebajikan rakyatnya selaras dengan slogan, *"Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".* Maka usaha ini adalah bertepatan dengan keperluan dan kehendak rakyat sesuai dengan tema bajet tahun 2012 iaitu *"Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara."* Terima kasih.

Dato' Rashid Din [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan panjang lebar dan soalan saya pendek sahaja. Dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang diutarakan, adakah ia menepati sasaran kementerian iaitu memenuhi satu daripada *National Key Result Areas* (NKRA) yang telah ditetapkan oleh kementerian. Seperkara lagi ialah apakah *Key Performance Indicators* jangka pendek yang ditetapkan oleh kerajaan dalam hal belanjawan untuk pembelajaran? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai soal NKRA kementerian, sebenarnya ia mencakupi beberapa bidang. Pertamanya, kita hendak memperluaskan kadar enrolmen untuk pra sekolah dan ia bukan dibuat sekadar Kementerian Pelajaran sahaja kerana kementerian ini sebagai peneraju untuk memperluaskan prasekolah.

Sukacita dimaklumkan sebelum terlaksananya NKRA untuk pra sekolah ini, kita hanya ada pada 67 peratus. Kini kita telah menjangkau hampir 80 peratus dari segi enrolmen untuk pra sekolah. Ini menunjukkan satu peningkatan secara mendadak disebabkan ada usaha bukan sahaja kementerian dan kita juga memberi insentif kepada swasta, tadika untuk mereka memperluaskan pra sekolah khususnya. Bukan sahaja itu, kita juga dapat memperluaskan Tadika KEMAS dan Jabatan Perpaduan. Kesemuanya diambil kira dan kita sebagai peneraju memastikan ia mencapai sasaran sepertimana yang ditetapkan. Pada tahun hadapan sasaran kita ialah untuk mencapai 87 peratus. Kini, kita berkeyakinan bahawa kita akan sampai ke situ.

Kedua, untuk mendapat ataupun kita hendak melahirkan 100 buah sekolah berprestasi tinggi dan kini kita di dalam proses. Ini adalah fasa yang kedua, di mana pada tahun pertama kita ada 20 buah sekolah dan tahun ini kita jangkakan lebih daripada 30 buah. Pengumuman telah dibuat secara berperingkat dan kita mencapai sasaran kita. Pada tahun hadapan kita hendak mencapai 100 buah sekolah berprestasi tinggi mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

Ketiganya, ini yang sering..., bagi guru ataupun guru besar, kita mempunyai satu kaedah yang dikatakan tawaran baru di mana setiap kali kita memberi galakan. Bukan sahaja kita menumpukan kepada sekolah berprestasi tinggi. Untuk sekolah yang teruk, berprestasi rendah pun kita menjaganya. Sekiranya terdapat peningkatan, maka tawaran baru ini seolah-olah kita memberi satu ganjaran kepada pengetua atau guru besar.

Pada waktu yang sama, guru juga diberi ganjaran. Itu memang NKRA kita. Inilah di antara beberapa perkara yang saya katakan bahawa dari segi *school improvement kit* yang ada diwujudkan oleh pihak kementerian berdasarkan kepada model sekolah-sekolah berprestasi tinggi. Itu menunjukkan bahawa ia dapat membantu sekolah-sekolah yang lemah.

Saya rasa peningkatan itu memang mengagumkan. Ini di antara contoh yang saya maklumkan kepada Yang Berhormat dan kini untuk makluman Yang Berhormat, apa yang kita telah sasarkan dan kita telah mencapai *target* kita. Mengenai soalan KPM dari segi perbelanjaan, ingin saya mengatakan bahawa perbelanjaan dalam konteks kementerian ini, kita melabur. Dari segi perbelanjaan untuk pengoperasian sekolah, itu memang kita kena kekalkan dan kita berikan geran per kapita yang cukup dan sama kepada semua sekolah. Itu memang tidak kita kurangkan Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi pengoperasian, selain daripada pengoperasian kita ada juga *over and above,* dengan izin. Perbelanjaan lain untuk melihat kecemerlangan kalau sekolah macam saya kata berprestasi tinggi, kita bagi RM700,000 untuk mengekalkan kecemerlangan selain daripada ia dapat mengikut kokurikulum standard. Mereka juga diberi pendedahan mengikut bidang bitaranya Itu yang hendak kita bangunkan. Sebenarnya ini adalah untuk kita melihat dari segi outputnya yang lebih memberangsangkan. Jadi, saya rasa secara ringkasnya, saya ingin mengatakan bahawa kita memang ada KPI dari segi perbelanjaan dan kita mengawal apa yang kita hendak laburkan. Bukan sahaja dari segi bangunan yang canggih atau bangunan yang dikira empat tingkat yang begitu mewah, bukan. Kita hendak lihat dari segi pengisiannya. Ia juga bertepatan dengan falsafah pendidikan negara. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang kos perbelanjaan iaitu seorang murid sekolah rendah lebih RM3,000 dan sekolah menengah lebih RM4,000. Saya yakin angka ini tidak menggambarkan angka yang tepat kerana bagi murid sekolah rendah di luar bandar atau sekolah menengah di luar bandar jauh lebih bawah, mungkin di bawah RM3,000 dan sebagainya.

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimanakah kementerian boleh membantu secara mampan dan boleh meningkatkan lagi segala kemudahan pengajaran kepada pelajar-pelajar di luar bandar, murid-murid di luar bandar supaya mereka mampu bersaing ke peringkat yang lebih tinggi.

■1030

Oleh kerana umumnya mereka ini adalah orang Melayu atau kaum bumiputera, ini supaya tidak ada tuduhan bahawa keutamaan belajar di peringkat lebih tinggi kepada mereka ini diutamakan sehinggakan ada tuduhan bahawa kemasukan pelajar di matrikulasi lebih menjurus kepada kuota kaum dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sebenarnya memang benar untuk kawasan luar bandar dan bandar, dari segi puratanya ia berbeza. Akan tetapi jangan kita menganggap di luar bandar itu kos pengoperasian kita lebih rendah. Saya beri satu contoh. Kita ada banyak sekolah yang kurang daripada 10 orang murid tetapi jumlah guru yang kita ada kadangkala sampai 10 orang. Kalau kita lihat per kapita, perbelanjaan kepada pelajar tersebut memang besar dan mungkin dari segi perbelanjaan untuk pembangunan secara fizikal ia kurang, kerana keperluan itu tidak mendesak. Ini kita kena imbangkan. Akan tetapi kita tidak boleh membuat andaian bahawa luar bandar itu dipinggirkan.

Yang kedua, tidak ada salah sebuah kerajaan seperti Barisan Nasional, kerana perbelanjaan kita RM3 bilion walaupun dalam keadaan gawat pun kita beri. Saya beri satu contoh, satu gambaran, rancangan makanan tambahan. Kita ada tiga juta pelajar sekolah rendah, yang dapat menikmati faedah ini ialah 700,000. Apa yang kita nak buat ialah kalau dahulu mereka datang dengan kelaparan, tidak makan, kita hendak pastikan mereka mendapat nutrien sekurang-kurangnya 40 peratus daripada yang diperlukan untuk sehari. Kita membelanjakan RM1.80 sehari untuk pelajar itu datang. Itu salah satu contoh. Program Susu Sekolah dan banyak lagi.

Untuk luar bandar kita ada satu program khas juga. Kalau kita tengok dari segi tuisyen, kita tidak memberi keutamaan atau *advantage* kepada sekolah di bandar sahaja di mana mereka ada pusat tuisyen dia boleh pergi, tetapi kita juga beri skim bantuan tuisyen kepada mereka yang memang berkehendakkan sangat mengubah status sosial mereka melalui pendidikan. Kita bantu. Saya beri satu contoh yang paling ketara. Kalau kita mengambil pelajar masuk ke asrama penuh, keutamaan kita beri pada pelajar-pelajar luar bandar, sekurang-kurangnya 70 peratus. Yang miskin tegar itulah yang kita hendak bantu kerana dari segi itu kita dapat memperbaiki mungkin dari segi kedudukan keluarga dia.

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, bantuan makanan asrama sahaja setakat ini, untuk tahun ini, adalah RM1.065 bilion. Ini jumlah yang besar, tetapi mereka datang ada yang cuma bayar RM1 sahaja dan makanan yang kita bekalkan lebih kurang RM13 sampai RM16 sehari. Oleh sebab itu saya katakan kerajaan yang ada sekarang ini memang prihatin. Ada 22 bantuan. Kalau kita hendak masuk sekolah, kita tidak ada duit, kerajaan boleh bayar. Bayar untuk beli pakaian dan juga setiap bulan mereka dapat RM60 atau RM50 untuk memastikan mereka ini tidak terkeluar dari sistem kita disebabkan oleh faktor kemiskinan. Jadi saya rasa kita memang prihatin dan kita menjaga kebajikan masyarakat di luar bandar. Terima kasih.

3. Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah yang dimaksudkan dengan Jejak Inovasi, siapakah kumpulan sasaran dan apakah pencapaian yang dihasratkan oleh kementerian.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jejak Inovasi merupakan satu inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) yang bertujuan untuk menjejak pengetahuan dan hasil inovasi yang dibangunkan oleh masyarakat akar umbi dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Objektif Program Jejak adalah seperti berikut:

(i) menjejak dan mengetengahkan pelbagai idea, kreativiti, inovasi dan pembangunan komuniti dan kemajuan masyarakat;

(ii) merangsang semangat masyarakat akan kepentingan budaya inovasi dalam kehidupan seharian; dan

(iii) memberi pengiktirafan terhadap sumbangan kreatif dan inovatif yang dihasilkan.

Program ini dijalankan secara pendekatan turun padang oleh sekumpulan penjejak bagi meneliti inovasi yang dihasilkan. Kumpulan penjejak ini melibatkan para penyelidik, ahli sains, pakar paten, pegawai dari agensi swasta dan kerajaan, badan bukan kerajaan serta sukarelawan. Para penjejak akan berkongsi pengetahuan dan memberi khidmat nasihat dari segi teknikal mengenai kaedah mempertingkatkan nilai hasil rekaan inovasi yang ditemui. Maklumat-maklumat yang diperoleh akan di dokumentasi serta dimuat naik ke pangkalan data inovasi akar umbi negara.

Kumpulan sasaran bagi program ini adalah golongan akar umbi yang tidak menerima pendidikan khas dalam bidang sains, kejuruteraan mahupun seni reka serta tidak menerima sebarang bantuan kewangan dan khidmat teknikal dalam membangunkan produk mereka. Individu atau kumpulan ini masih berkebolehan menghasilkan reka cipta dan inovasi dengan menggunakan idea kreatif, pengetahuan dan kemahiran individu tersebut. Hasil produk ini memudahkan individu dari segi sumber, wang atau masa dan sering mendapat permintaan tempahan daripada masyarakat setempat yang mengukuhkan nilai potensi produk akar umbi tersebut. MOSTI menyasarkan Program Jejak Inovasi ini dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negara melalui:

(i) perkongsian maklumat dan kaedah inovatif yang telah dibangunkan melalui pangkalan data MyInno Bank di www.yim.my/jejakinovasi supaya dijadikan pusat rujukan untuk diubahsuai oleh komuniti lain yang menghadapi masalah yang sama di kawasan lain;

(ii) penambahbaikan produk melalui bantuan daripada agensi-agensi teknikal seperti SIRIM Berhad, MARDI serta pengiktirafan dan pensijilan daripada agensi piawaian seperti JAKIM dan Jabatan Standard Malaysia;

(iii) peningkatan pendaftaran harta intelek ke atas produk yang berpotensi daripada idea asli;

(iv) pengkomersialan produk inovasi ke seluruh negara serta peluang eksport ke luar negara;

(v) penghasilan satu *innovation map* negara yang akan membolehkan kerajaan merangka pembangunan negara;

(vi) merangsang lebih ramai individu untuk menghasilkan produk inovasi daripada golongan akar umbi; dan

(vii) sokongan dana jika berkelayakan untuk pembangunan produk ataupun idea ke peringkat yang seterusnya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya bukanlah hendak puji Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tetapi apa yang saya nampak, itulah cara menjawab dalam Dewan... *[Tepuk]* Duduk dahulu Yang Berhormat.

Saya hendak sebut ini sebelum saya beri soalan tambahan. Menjawab dalam Dewan ialah dengan hadap jawapan itu kepada Speaker. Kalau kita hendak berhadapan dengan *engage* orang bertanya di belakang, Yang Berhormat terpaksa pusing ke belakang. Kalau di New Zealand, ia sudah melanggar satu peraturan. Itulah kenapa *it is a three-way traffic*. Kepada saya, selepas itu balik ke sana. Yang Berhormat, tahniah dan terima kasih... *[Tepuk]* Yang Berhormat Batang Sadong.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas inisiatif yang melibatkan keseluruhan kategori masyarakat.

Saya hendak tahu kalau satu-satu program ditukar untuk menyaksikan kesempurnaan atau kejayaan program itu, kita perlu mengetahui apakah yang telah dirancang oleh kementerian misalnya, di manakah hala tuju mereka dan adakah kementerian juga mengenal pasti produk-produk yang telah dihasilkan melalui program Jejak Inovasi ini. Ini kerana untuk melihat kejayaannya, perlu diadakan program-program ataupun *action pelan,* dengan izin, secara teratur dari awalnya sehingga akhirnya supaya kita melihat kejayaan mereka yang terlibat dalam program ini. Terima kasih.

Datuk Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan program ini setakat tahun ini, kita sudah jalankan tiga secara projek rintis. Sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa program Jejak Inovasi ini akan diteruskan dan kita merangka bahawa program ini akan berjalan sepanjang tahun 2012 untuk kita libatkan di setiap negeri dan juga berakhir sehingga penghujung tahun 2013, jangkaan kita.

Daripada tiga projek yang dijalankan secara rintis, yang pertama kita jalankan pada 15 hingga 17 Julai iaitu Jejak Inovasi Melaka, yang melibatkan Daerah Melaka Tengah, Jasin dan juga Alor Gajah di mana penglibatan lebih kurang 25 agensi dan hasil inovasi yang kita jejaki sebanyak 17. Daripada 17 tersebut, enam produk ada potensi untuk dikomersialkan, di mana perinciannya dilakukan oleh Cradle Fund Sdn. Bhd. iaitu satu agensi yang akan membawa perkara ini ke *market* melalui bantuan sokongan dana.

■1040

Kedua, 17 hingga 19 September Jejak Inovasi di pedalaman Sabah yang melibatkan Daerah Tambunan, Tenom dan juga Keningau, melibatkan 22 agensi dan 12 hasil inovasi dan daripada 12 hasil inovasi tersebut yang berpotensi untuk dibawa ke komersial ialah tiga iaitu produk tuhau, mini hidro dan juga mesin pelerai padi. Satu, ada potensi untuk di*pattern*kan iaitu melibatkan buah pamelo dan satu untuk ditambahbaikkan proses iaitu yang melibatkan kraf tangan buluh. Agensi yang terlibat ialah *Cradle Fund* yang akan membantu dari segi dana. Kita juga ada MyIPO dan juga SIRIM yang akan membantu dari segi penambahbaikan proses.

Terakhir bagi tahun ini, setakat ini ialah pada 21 hingga 23 Oktober yang melibatkan Jejak Inovasi di bahagian Mukah, Sarawak iaitu melibatkan Daerah Balingan, Dalat dan juga Mukah. Agensi yang terlibat 26, hasil inovasi 12 dan sehingga kini penilaian masih dilakukan oleh *Cradle Fund*. Tiga projek, satu ada potensi untuk dikomersialkan, satu yang telah di*pattern*kan iaitu melibatkan proses mesin proses kayu Nibong. Jadi kalau kita melihat keseluruhannya, maka penglibatan ini secara menyeluruh, kementerian, kerajaan negeri, persatuan, pertubuhan, institut penyelidikan dan juga pakar-pakar yang turun untuk bukan sahaja menjejaki apakah yang berlaku di peringkat akar umbi tetapi lebih untuk melatih mereka bagaimana boleh menambah baik dan bagaimana untuk menjaringkan mereka dengan pasaran.

Kalau kita melihat dari segi jangka panjang yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Batang Sadong, jangka panjangnya apa yang ingin kita lakukan ialah satu penjejakan, mengenal pasti, kedua penemuan, ketiga penilaian kepada apa yang dilakukan di peringkat akar umbi mereka yang bukan golongan pakar tetapi dapat menghasilkan produk inovasi, keempat pengesahan hasilan mereka sama ada idea-idea itu adalah idea yang asli ataupun original. Seterusnya kita akan beri mereka pengiktirafan sebagai penggalakan untuk mereka terus melakukan inovasi. Kelima ialah untuk kita dokumenkan keseluruhan proses mereka mendapat idea dan bagaimana mereka menghasilkan ciptaan dan akhirnya kalau perlu kita masukkan mereka dalam inkubator untuk dijaringkan dengan pakar-pakar teknikal bagaimana menambahbaikkan idea mereka dan penghasilan mereka juga kemudian dijaringkan dengan pasaran. Daripada situ, keseluruhan pemetaan inovasi negara akan dapat kita hasilkan di daerah-daerah tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedekad yang lalu, kalau tidak silap saya dalam Belanjawan 2004, 2005, dan 2006 banyak peruntukan yang diberikan kepada bidang bio teknologi pada waktu itu. Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah ada satu keberhasilan yang cemerlang sama ada di kemukakan oleh IPTA kita.

Jawapan Yang Berhormat tadi okey dari segi Jejak Inovasi, galakan yang diberi itu saya tidak pertikaikan tetapi hasil-hasil yang dipatenkan adakah berjaya kita komersialkan, itu isunya. Adakah kita sudah sampai ke tahap macam Jepun dan Korea, IPTA mereka, universiti mereka menghasilkan bahan-bahan yang inovatif tetapi ada syarikat yang mengkomersialkan mereka dan apatah lagi hasil-hasil itu berjaya menghasilkan dan memenangi hadiah-hadiah yang disebut dengan izin, *Nobel Laureate.* Akan tetapi adakah sudah ada satu jenama dalam bidang *biotech* ini yang telah berjaya kita komersialkan dan mengangkat nama negara dalam bidang ini. Kalau ada saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Tuan Yang di-Pertua, saya kira mungkin soalan ini lari daripada soalan asal yang melibatkan program Jejak Inovasi. Namun untuk maklumat Yang Berhormat Kubang Kerian pada hari Selasa yang lepas, saya kira saya sudah pun menjawab berkaitan dengan bidang bio-teknologi iaitu yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Ledang sebahagian daripadanya sudah pun dijawab melalui penubuhan *National Institute of Bio-Technology Malaysia* ataupun NIBM yang menggabungkan tiga institut yang ada sekarang ini di negara kita iaitu IPHARM, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal, kita ada *Agro-Biotechnology* dan juga *Genomics* untuk menggabungkan keseluruhan hasil bio teknologi untuk kita bawa ke pasaran. Sudah pun dilaporkan pada hari Isnin yang lepas dan Yang Berhormat boleh rujuk kepada *Hansard* yang melihat apakah penghasilan yang telah dihasilkan dan telah sampai juga ke peringkat antarabangsa produk-produk dan juga hasil jualan yang telah dikemukakan dalam jawapan tersebut. Terima kasih.

4. Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Luar Negeri menyataka, bilakah pihak Menteri akan membuat lawatan ke negara Palestin.

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Datuk Richard Riot anak Jaem]: Yang Berhormat Tumpat hebat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat atas soalan yang telah dikemukakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa Mesyuarat Agong Ke-65 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah diadakan pada 23 September 2010 di New York, Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Mahmoud Abbas iaitu Presiden pihak berkuasa Palestin telah menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk mengadakan lawatan rasmi ke negaranya. Ekoran dari jemputan itu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah membuat persiapan untuk mengadakan lawatan rasmi ke negara tersebut pada 16 dan 17 Oktober 2011. Hasrat mengenai lawatan itu juga telah dibincangkan dengan rakan-rakan sejawatnya dari Palestin semasa pertemuan mereka di Mesyuarat Agung Ke-66 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 22 September 2011 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu atas faktor-faktor keselamatan, lawatan tersebut terpaksa ditangguhkan dan akan diadakan sebaik sahaja keadaan mengizinkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Soalan itu senang, jawapan pun sudah cukup. Saya pun tidak tahu apakah yang hendak disoal lagi. Sila Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat gembira mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kita telah mendapat jemputan rasmi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mengikut yang disebutkan tadi telah pun ada perancangan di bulan Oktober yang lalu Perdana Menteri melawat negara Palestin itu tetapi dengan sebab keselamatan, ianya terpaksa ditangguh dan ditunda. Saya mengalu-alukan jawapan dan hasrat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa tahun ini juga amat kritikal sebagaimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri kenapa, ialah kerana di Bangsa-Bangsa Bersatu, Palestin telah memohon untuk menjadi ahli penuh Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi ditolak oleh Amerika Syarikat. Akan tetapi baru-baru ini UNESCO pula dengan majoriti yang besar menerima keanggotaan Palestin ke badan UNESCO dan Amerika Syarikat membalas dendam dengan tidak memberikan sumbangan USD60 juta yang sepatutnya diberikan oleh Amerika Syarikat kepada UNESCO.

Soalan saya kepada kerajaan dan Timbalan Menteri ialah oleh kerana Perdana Menteri tidak dapat pergi, adakah tidak mungkin Menteri Luar sendiri yang pergi melawat secara rasmi Palestin untuk membuktikan komitmen kita yang tinggi. Bukanlah saya hendak maksudkan bahawa Menteri Luar nyawanya kurang mulia atau kurang berharga berbanding Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi pemergian dan lawatan oleh Menteri Luar itu adalah petanda yang positif bahawa kita benar-benar komited kepada isu Palestin ini. Terima kasih.

■1050

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat kawan saya dari Tumpat. Nampak mudah tetapi Tuan Yang di-Pertua, bukan semudah itu. Perlu difahamkan di sini bahawa lawatan rasmi ke negara Palestin berbeza dengan lawatan-lawatan rasmi ke negara-negara lain. Ini disebabkan oleh pendudukan Rejim Israel ke atas Palestin. Mungkin ramai sedia maklum Tebing Barat Palestin itu diduduki oleh Rejim Israel. Untuk keluar masuk ke Ramallah iaitu ibu negara Palestin, seseorang dalam perkara ini Menteri Luar Negeri mengikut, apa yang kita tahu, fahamkan, iaitu Kementerian Luar Negeri, kementerian yang bertanggungjawab dengan apa juga yang bersangkut paut dengan luar negara ialah Ramallah. Okey.

Jadi, saya tidak setuju dengan Yang Berhormat Tumpat. Untuk keluar masuk ke Ramallah iaitu ibu negara Palestin, delegasi perlu juga mendapat kebenaran dari pihak Rejim Israel. Lebih dari itu Tuan Yang di-Pertua, walaupun sudah mendapat kebenaran masuk, delegasi dalam perkara ini Timbalan Menteri Luar Negeri seperti yang disebutkan oleh kawan saya dari Tumpat, seseorang perlu melalui beberapa sekatan jalan. Bukan sahaja sekatan jalan, bahkan ia termasuk *body check* iaitu pemeriksaan tubuh badan. Saya harap itu menjawab soalan Yang Berhormat Tumpat. Terima kasih .

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sebelum saya membuat soalan tambahan, seperti juga Yang Berhormat Tumpat saya juga mengalu-alukan kehadiran tetamu yang lain ke Dewan ini terutama kepada pemuda-pemuda PBB. Jadi, orang-orang dari Semenanjung pun mengalu-alukan mereka dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka kerana kejayaan PBB dan BN menang besar dalam pilihan raya negeri Sarawak yang lalu. Saya harap pemuda PBB teruskan perjuangan untuk menentukan pilihan raya yang ketiga belas, BN Sarawak memenangi dengan kemenangan yang cemerlang. Soalan tambahan saya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: PBB tidak nampak pun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana dia..., adakah? Mana ada... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Pokok Sena ini bawah pokok. Yang Berhormat Pokok Sena ini bawah pokok, tidak nampak dekat atas. Tuan Yang di-Pertua, ugutan Amerika yang mahu menggunakan kuasa veto untuk menolak Palestin diiktiraf oleh PBB adalah sebenarnya membuktikan Amerika adalah sekutu jahat Israel dalam membenarkan kezaliman zionis untuk mencengkam leher setiap rakyat Palestin.

Soalan saya, apakah usaha yang boleh diambil oleh 129 buah negara yang menyokong kemasukan Palestin sebagai salah sebuah anggota PBB termasuk negara kita. Apa usaha yang boleh mereka mainkan untuk menentukan bahawa Palestin tetap diiktiraf oleh Bangsa-Bangsa Bersatu?

Saya harap penjelasan kerana ini penting kepada rakyat Palestin dan rakyat di dunia ini yang cintakan keamanan dan keadilan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, kawan baik saya, begitu akrab sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan itu baik. Walaupun soalan itu baik tetapi ia lari jauh dari soalan asal, maka saya tidak berhasrat untuk menjawabnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak. Lebih kurang dengan Yang Berhormat Tumpat, yang Yang Berhormat boleh jawab. Soal Palestin juga.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Jadi Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya tidak berhasrat untuk menjawabnya.

Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan negara kita yang menentang Thailand 2-1 kelmarin di Indonesia. Mudah-mudahan semangat itu terus membara.

5. Tuan Mohd Nizar Haji Zakaria [Parit] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah pengiktirafan yang diberikan kepada pertubuhan belia sebagai *one-stop centre,* bagi penganjuran aktiviti yang melibatkan belia dan masyarakat.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Parit yang mengucapkan tahniah kerana merakamkan penghargaan atas pencapaian skuad bola sepak Sukan SEA yang telah menewaskan Thailand 2-1 semalam. Skuad Negara selepas ini akan menentang *Cambodia* pada 13 November dan Indonesia pada 17 November. Tuan Yang di-Pertua, diharapkan skuad negara akan berjaya mara ke pusingan yang seterusnya untuk mempertahankan pingat emas bola sepak Sukan SEA.

Namun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kejayaan semalam juga disusuli dengan berita yang begitu menyedihkan apabila seorang urus setia kontinjen kita di Sukan SEA Indonesia 2011 ini yang juga pegawai Majlis Sukan Negara telah meninggal dunia akibat serangan jantung semasa bertugas di Palembang. Salam takziah diucapkan kepada keluarga Allahyarham Encik Harun bin Osman.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan Anugerah Perdana Belia Negara, kategori pertubuhan belia bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan persatuan-persatuan belia yang telah membuktikan kecemerlangan dan keupayaan mereka dalam pelbagai aspek. Anugerah ini merupakan pengiktirafan tertinggi kerajaan yang telah diperkenalkan sejak tahun 1990 dan pengiktirafan ini diadakan di peringkat daerah, di peringkat negeri dan juga di peringkat kebangsaan pada setiap tahun. Sekian.

Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, rungutan yang selalu diterima daripada belia di peringkat akar umbi adalah mereka sering mengatakan bahawa maklumat mengenai program ataupun aktiviti berkaitan belia tidak menyeluruh dan tidak mendapat informasi yang tepat.

Soalan tambahan saya, jadi bagaimana pihak kementerian menangani isu maklumat yang tidak menyeluruh dan tidak sampai ke peringkat akar umbi? Apakah kriteria yang diguna oleh kementerian dalam mengiktiraf pertubuhan belia sebagai penerima Anugerah Perdana Belia Negara, kategori pertubuhan belia? Terima kasih.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih di atas soalan tambahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Parit. Berkaitan dengan soalan program-program kementerian, maklumatnya tidak disampaikan secara menyeluruh ataupun mendalam. Ini satu aduan yang kementerian saya terpaksa mengambil perhatian dengan berat dan perkara ini akan dibawa kepada peringkat pengurusan kementerian saya supaya program-program yang dianjurkan di jabatan dan pejabat Belia dan Sukan di daerah dapat disampaikan.

Sebenarnya, pendekatan-pendekatan yang biasanya diguna pakai oleh kementerian ataupun pejabat jabatan saya ialah dengan pengiklanan melalui NGO-NGO belia di peringkat akar umbi dan pegawai-pegawai belia sentiasa menghadiri mesyuarat tindakan daerah juga. Mungkin ini pendekatan masih lagi tidak mencukupi dalam zaman sekarang ini, mungkin dengan mengadakan data-data, *Facebook* dan sebagainya mungkin dapat kita menyampaikan maklumat-maklumat yang lebih terkini.

■1100

Berkaitan dengan kriteria-kriteria yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi, bagaimana penilaian dibuat untuk anugerah-anugerah yang saya sebutkan sebentar tadi ialah satu panel penilai yang dianggotai oleh cendekiawan atau *academician*, wakil-wakil daripada NGO, badan belia dan juga pegawai daripada kementerian telah ditubuhkan untuk membuat penilaian setiap tahun.

Kriteria-kriteria yang diambil kira termasuk juga prestasi sesebuah badan belia ini dalam tugas kerja mereka, dalam pembangunan pergerakan persatuan, pembangunan masyarakat, pembangunan ekonomi, pembangunan insan, kreativiti dan sebagainya. Kalau sekiranya Yang Berhormat memerlukan maklumat yang lebih mendalam, satu salinan kriteria-kriteria ini bolehlah saya bekalkan kepada Yang Berhormat. Sekian.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengikuti jawapannya tadi Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin bertanya seperti mana sahabat saya daripada Parit, sebagai Ahli Parlimen yang ada hubung langsung dengan persatuan-persatuan golongan belia yang kita sedia maklum adalah aset yang begitu bernilai kepada negara. Cumanya persoalan bagaimana mereka itu khususnya belia-belia menganggur, apakah kita punya satu pangkalan data tentang kedudukan mereka ini?

Keduanya, dari sudut dana yang saya dapati amat tidak ada. Ketika kita mahu menggerakkan apa-apa kegiatan di peringkat kawasan dan daerah, kita dapati dana itu tidak langsung dapat kita akses.

Ketiganya, saya ingin tahu sebuah badan yang bernama *Human Capital Development Services* yang memberikan *services* khususnya kepada belia-belia menganggur ini. Saya mengikuti satu program mereka yang *outfit* syarikat-syarikat seperti ini Tuan Yang di-Pertua, yang diberikan ruang untuk memberikan sumbangan ataupun menangani masalah belia yang menganggur ini, saya ingin tahu sejauh mana keberkesanannya. Apakah layak mereka ini mengenakan bayaran untuk belia-belia yang menganggur sebanyak RM70 untuk hanya kursus setengah hari. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu jawapan semua ini. Terima kasih.

Tuan Gan Ping Sieu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor.

Soalan masalah pengangguran golongan belia ini boleh dikatakan masalah ini bukanlah satu *core business* di Kementerian Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun di Kementerian Belia dan Sukan, kami telah mengadakan program-program usahawan, program belia tani dan sebagainya untuk membantu belia-belia kita. Selain daripada itu juga dalam bidang kemahiran untuk membantu mereka belajar sesuatu dalam bidang kemahiran di IKBN untuk menjadi tenaga sumber manusia yang dapat mencari kerja.

Ini sebenarnya bukan *core business* kita untuk mengkaji apa dia masalah utama pengangguran di kalangan golongan belia walau pun kadar pengangguran di Malaysia ini boleh dianggap begitu rendah. Walau bagaimanapun cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat sebentar tadi saya rasa mungkin satu cadangan yang baik dan boleh saya bawa ke Institut Penyelidikan di bawah Kementerian Belia dan Sukan untuk mengkaji dan mendapatkan hasil selanjutnya. Sekian.

6. Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas] minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah kakitangan bukan Melayu yang memegang jawatan penting dalam Petronas yang dilantik dalam masa beberapa bulan lalu sehingga sekarang. Apakah pelantikan ini satu keperluan atau sekadar bertujuan memenuhi keperluan badan-badan kepunyaan kerajaan (GLC) yang juga mempunyai pegawai-pegawai kanan dari pelbagai kaum. Jika ini dijadikan alasan, apakah usaha kerajaan untuk menentukan syarikat korporat bukan bumiputera turut melantik pegawai kanan yang terdiri di kalangan bumiputera supaya dilihat seimbang dan adil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas kerana soalan ini begitu penting...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak dengar, tidak dengar!

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya rasa soalan ini adalah satu soalan yang baik. Seperti kita sedia maklum, Petronas wujud pada tahun 1974 atas kebijaksanaan kerajaan kepimpinan kita kerana kita sedar tentang pentingnya industri gas asli, industri minyak yang harus kita sendiri usahakan dan tidak bergantung kepada pihak lain.

Pada tahun 1974 apabila kita menubuhkan Petronas, kita menubuhkan Petronas hanya dengan hanya 15 orang kakitangan kerana pada masa itu kita kurang kakitangan, kita kurang staf, kita kurang warga Malaysia yang berkemampuan dalam bidang gas dan bidang minyak. Akan tetapi pada hari ini syukur *alhamdulillah*, syukur kita ke hadrat Allah SWT, hari ini kita mempunyai jumlah warga Petronas sejumlah 41,623 orang dan warga Malaysia dalam jumlah ini adalah 39,958 orang ataupun 96 peratus, dan bakinya adalah warga luar.

Secara purata dari warga Malaysia yang bekerja dengan Petronas, 80 peratus adalah bumiputera dan 20 peratus adalah bukan bumiputera. Kalau kita lihat kepada mereka dalam peringkat kanan iaitu *senior management,* lebih kurang 86 peratus adalah bumiputera dan yang lainnya bukan bumiputera. Akan tetapi yang penting kita lihat kepada angka profesional seperti *engineer* dan lain-lain di Petronas. Sebanyak 15 peratus dari jumlah warga Malaysia yang bekerja dengan Petronas adalah profesional iaitu 5,994 orang dan dari 5,994 itu seramai 5,574 adalah bumiputera atau 93 peratus.

Saya sebut angka ini sebab pada tahun 1974 apabila kita mewujudkan Petronas dan pada masa itu tidak begitu ramai profesional warga Malaysia khasnya bumiputera tetapi dalam tempoh tidak sampai 40 tahun lebih, kita sudah mewujudkan begitu ramai warga Malaysia khasnya bumiputera sampai hampir 6,000 profesional dapat bertugas di Petronas. Ini adalah satu perkara yang kita harus banggakan kerana kejayaan negara kita di bawah kepimpinan Barisan Nasional.

Soalan tentang *top management*, soalan khusus. Ada 14 orang *top management* yang diketuai oleh Datuk Shamsul Azhar Abbas dan Datuk Wan Zulkifli Wan Arifin. Dari 14 orang *top management* ini, 11 orang adalah bumiputera dan tiga adalah bukan bumiputera. Bukan bumiputera terdiri dari Dato' Wee Yiaw Hin, Datuk George Ratilal dan Puan Corlin Wong Hee Huing. Tiga dari 14 orang iaitu 21 peratus. Dari segi pengambilan kakitangan di semua peringkat, kita lihat bahawa Konsep 1Malaysia, konsep bumiputera tidak bertentangan. Kita mengambil mereka untuk bertugas dari semua kaum kerana kita menerima bahawa kita harus melaksanakan satu dasar yang *inclusive*.

■1110

Pada masa yang sama kita lihat begitu banyak profesional bumiputera dapat bertugas di Petronas. Saya juga fikir perkara seperti yang dilaksanakan oleh kerajaan dan falsafah *inclusive* kerajaan juga patut menjadi satu teladan kepada pihak swasta untuk pihak swasta juga mengambil ini sebagai satu falsafah mereka sendiri dan juga mereka harus memberi peluang kepada bumiputera untuk menjawat jawatan-jawatan yang *significant* yang bermakna di syarikat-syarikat mereka. Sudah ada syarikat-syarikat swasta yang mengambil tindakan seperti ini.

Akan tetapi saya fikir ada peluang dan ruang yang banyak lagi untuk syarikat-syarikat swasta juga memberi peluang yang secukupnya, sewajarnya kepada bumiputera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan yang saya kemukakan. Memang tidak menimbulkan masalah dari segi konsep 1Malaysia dan untuk melihat di mana-mana sahaja agensi dan seumpamanya ada pelbagai kaum berkhidmat.

Itu saya tidak timbul masalah cuma saya bangkit soalan ini kerana banyak mereka yang berkenaan menghantar SMS, berlegar-legar SMS termasuk kakitangan Petronas sendiri. Dengan menimbulkan rasa tidak senang hati apabila pengambilan diambil untuk memperlihatkan sedikit konsep 1Malaysia ini, biarlah mereka-mereka yang betul-betul berkelayakan sebab ada nama-nama yang dibawa masuk, saya tidak mahu baca sebab saya tidak mahu menyinggung individu-individu tertentu. Ada dua, tiga orang ini nampaknya kata mereka gagal dalam tempat-tempat yang mereka kerja dulu. Jadi ini persoalan yang timbul dan ini menimbulkan rungutan di kalangan kakitangan Petronas.

Kedua, jawatan-jawatan yang strategik, pos-pos yang strategik yang bukan sahaja ada kena mengena dengan profesionalismenya tetapi perkara-perkara yang tidak perlu saya sebut iaitu harus diberi keutamaan. Saya bertanya kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir selaku penasihat Petronas selepas saya menerima SMS dalam bulan puasa baru-baru ini. Saya tunjuk dan kata adakah Yang Amat Berbahagia selaku penasihat Petronas tahu perkara ini. Dia angguk, dia kata dia tahu. Jadi apakah pandangan Yang Amat Berbahagia selaku penasihat, saya tidak diminta nasihat pun, saya tidak tahu pun. Itu yang dia kata pada saya, betul atau tidak *wallahualam.* Ini yang diberitahu kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Itu soalannya. Jadi maknanya soalan saya, dari segi kualiti dan jawatan-jawatan yang strategik itu harus diambil perhatian kerana soalan saya ini Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah macam kejutan, *morning call* kepada kerajaan. Dalam bidang swasta, ini ada dalam soalan saya dan Yang Berhormat Menteri tidak sebut tadi. Dalam syarikat-syarikat swasta, banyak syarikat swasta yang besar-besar yang dapat projek-projek daripada kerajaan, mereka tidak begitu prihatin untuk mengambil profesional bumiputera. Malah kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, hendak kongsi sedikit, daripada 630 *listed company*, hanya 127 sahaja CEO Melayu. Kemudian daripada *top 96 listed company*, hanya tujuh sahaja CEO Melayu.

Jadi kerajaan boleh menentukan syarat ataupun boleh main peranan supaya syarikat-syarikat gergasi yang besar-besar ini, yang dapat peluang macam-macam, YTLkah, Berjaya Group, yang agak eksklusif termasuk Maxis yang terpaksa bawa CEO daripada India padahal ada orang India yang berkelayakan di Malaysia. Kenapa tidak diberi peluang? Ini supaya seimbang, supaya dalam agensi kerajaan, dalam kerajaan, dalam swasta, seimbang dalam konteks apa yang dikatakan 1Malaysia, baru adil. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya memang bersetuju tentang saranan Yang Berhormat Pasir Mas tentang pentingnya syarikat-syarikat swasta mengambil bumiputera bukan sahaja untuk jawatan CEO yang memang terhad tetapi juga jawatan-jawatan atasan di syarikat-syarikat yang *significant*, jawatan-jawatan hakiki yang mana bumiputera dapat memainkan peranan yang penting. Era *tokenism* sudah lama berlalu, jadi kita tidak boleh, kerajaan tidak buat, kerajaan tidak ambil non bumiputera untuk jawatan-jawatan penting dalam kerajaan, dalam KSU dan GLC-GLC bukan sebagai token, sebagai konsep 1Malaysia dan mereka memainkan peranan yang penting.

Di syarikat-syarikat swasta juga bumiputera harus diambil bukan sebagai token dan *tokenism*, satu fenomena yang patut tidak ada lagi, patut diambil untuk jawatan-jawatan yang penting.

Saya sebut tadi angka tentang profesional bumiputera dekat enam ribu di Petronas untuk menunjukkan bahawa kalau alasan syarikat-syarikat bukan bumiputera bahawa mereka telah cuba, telah cari tetapi setelah mencari tidak dapat bumiputera yang layak, tidak betul. Mungkin betul pada tahun 1970 tetapi kita lihat angka yang saya sebut sekali lagi, profesional bumiputera di Petronas 5,574.

Jadi kita sudah ada profesional yang sudah mempunyai kemampuan dan kita lihat kemampuan mereka menerajui GLC dan juga memainkan peranan yang penting dalam kerajaan. Jadi tidak ada lagi alasan untuk syarikat-syarikat swasta tidak memberi peluang dan ruang kepada bumiputera untuk memegang jawatan-jawatan penting. Tidak semestinya CEO tetapi jawatan-jawatan yang penting dalam syarikat-syarikat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya kemukakan soalan tambahan, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk saya mengalu-alukan seramai 130 orang, 80 orang daripada puteri-puteri UMNO Parlimen Dungun dan 50 orang pemuda-pemuda UMNO Parlimen Dungun. Selamat datang ke Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada kerajaan kerana membentuk mewujudkan Petronas ini yang antaranya memainkan peranan yang besar dalam negara kita bahkan di luar negara. Kita berterima kasih kerana ramai di kalangan bumiputera walaupun tidak sebahagian besarnya yang mengambil jawatan profesional dalam jawatan-jawatan kenaikan pangkat di peringkat eksekutif dan sebagainya. Akan tetapi kita lihat Petronas ini ada dua perkara Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, kejayaan Petronas dibanggakan oleh seluruh rakyat negara. Jawatan-jawatan yang diberikan dalam jawatan eksekutif ini kalau setakat 15 peratus, saya fikir ini masih perlu ditambah lagi kepada golongan bumiputera terutama sekali di Sabah dan Sarawak, apa lagi di Semenanjung.

Kedua, bolehkah kerajaan atau kementerian mengambil tindakan atau mengambil langkah kerana ramai di kalangan kakitangan Petronas ini yang tidak memberi sokongan kepada kerajaan, yang tidak menyokong kepada Barisan Nasional, sedangkan mereka bekerja di bawah naungan yang dibentuk oleh kerajaan Barisan Nasional. Saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau berucap macam ini, tidak habislah cerita kita Yang Berhormat.

Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, Petronas di kawasan Kerteh, berhampiran dengan kawasan saya dan kita berharap ini dapat diambil langkah ataupun berilah nasihat supaya mereka dapat membantu kerajaan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Oh, ramai tidak sokong UMNO ya.

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]: Selain daripada Petronas itu sendiri membantu kerajaan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ramai tidak sokong UMNO.

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]: Kedua, Yang Berhormat Menteri ...

■1120

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Puteri dengan Pemuda tahulah, ini ramai tak suka UMNO.

Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]: Ada pula. Petronas di Kerteh ini dekat dengan kawasan saya tetapi ramai pekerja-pekerja yang berhampiran yang tidak dapat peluang kerja. Saya harap ini juga dapat diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri supaya dapat kita integrasikan pekerja di luar daripada Terengganu dan juga yang berdekatan dengan Petronas ini sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil maklum tentang pentingnya kita memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan berhampiran Kerteh. Saya akan bincang dengan Petronas. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dengan Menteri pun sekali tak sokong UMNO kah?... *[Ketawa]*

7. Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sejauh manakah Pakatan Keselamatan Siber Global (GCSA) mampu menangani ancaman siber terutama daripada penggodam antarabangsa khususnya di kalangan negara Ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), ASEAN dan negara membangun lainnya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Global Cyber Security Alliance atau singkatannya GCSA merupakan satu platform perjumpaan untuk kerajaan, industri dan institusi sebagai pihak yang berkepentingan dalam menangani masalah keselamatan siber negara. Misi GCSA adalah untuk mengukuhkan keselamatan siber negara melalui perkongsian awam, swasta supaya ahli-ahli dapat manfaat dalam bidang ekonomi dan sosial.

Berdasarkan misi ini, GCSA mempunyai beberapa objektif iaitu pertamanya, untuk mengadakan satu platform antarabangsa untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan di dalam bidang keselamatan siber negara dan yang keduanya, meningkatkan kemapanan kerjasama antarabangsa melalui kerjasama awam swasta ataupun *public private partnership,* dengan izin dalam menangani isu keselamatan siber negara di samping menjana ekonomi ahli-ahli.

Pakatan GCSA ini mampu menangani ancaman siber terutama yang menyeberangi sempadanya khususnya untuk Ahli-ahli Pertubuhan Persidangan Islam ataupun OIC, ASEAN dan negara membangun yang lainnya kerana ia dapat:

(i) memberi tumpuan kepada pendekatan pencegahan. Pakatan sebegini akan membangunkan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman penggodam siber terkini;

(ii) mempertingkatkan keupayaan penjejakan dan pengumpulan bahan bukti ke atas kelakuan penggodam di luar negara dengan menggembleng tenaga pihak swasta dan kerajaan;

(iii) menangani ancaman siber jangka masa panjang kerana ianya tidak hanya bergantung kepada bantuan kerajaan, sebaliknya mempunyai asas pertumbuhan mengikut neraca pihak swasta. Tindakan yang lebih pantas juga dapat dijalankan kerana syarikat swasta tidak tertakluk kepada protokol yang perlu dipatuhi seperti yang terwujud di dalam mekanisme kerajaan;

(iv) meningkatkan jumlah tenaga kerja profesional di dalam bidang keselamatan siber untuk memenuhi keperluan keselamatan siber negara apabila berdepan dengan ancaman penggodam dan yang akhirnya; dan

(v) menjana sumber pertumbuhan ekonomi baru serantau yang dapat memberi peluang kepada pihak industri tempatan untuk terus menyokong dalam menangani ancaman penggodam dan dalam usaha menyelesaikan isu keselamatan siber negara.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan ke atas peranan GCSA tadi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kekuatan dan juga kesiapsiagaan negara untuk mengelakkan daripada berlaku serangan-serangan ulangan.

Ini kerana kita tahu, daripada Jun 2011 sehinggalah kepada hari ini, lebih kurang 400 laman web yang telah pun cuba digodam. Jadi, saya nak tahu apakah kekuatan dan juga kesiapsiagaan negara untuk mengelakkan daripada berlaku serangan-serangan ulangan yang mungkin akan mengancam keselamatan negara seperti soal yang berkaitan dengan sistem keselamatan pertahanan negara, seperti soal berkaitan dengan keselamatan Bank Negara. Jadi, apakah tindakan selanjutnya akan dilakukan oleh pihak kerajaan terhadap keselamatan negara secara khususnya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Soalan yang begitu baik sekali Yang Berhormat Tenggara, terima kasih. Mengapa saya kata baik? Sebab yang sebelah sana tentu sudah iri hati bila kita memuji yang sebelah sinilah tetapi ini kenyataan. Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau kita melihat kepada..., saya nak pergi memberi sedikit kajian yang telah dilakukan, ini *factual* ya. Laporan polis tahun 2009, Polis Diraja Malaysia, jenayah siber menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu 2009 sebanyak 1,340 kes ataupun 126.8 peratus dan kerugian yang dijangkakan dialami pada tahun 2008 ialah RM13 juta. RM22.3 juta kerugian ditanggung oleh kita akibat kesalahan siber ini dalam tahun 2009 dan dalam tahun 2010, kerugiannya meningkat kepada RM65 juta.

Menurut kajian yang dilakukan oleh KPMG, anggaran kerugian dalam sektor ekonomi di Malaysia, dijangkakan untuk lima tahun yang akan datang boleh mencecah RM2.73 bilion yang melibatkan kos pencerobohan privasi dianggarkan RM1.6 bilion. Kos insiden keselamatan sebanyak RM660 juta dan kos gangguan perniagaan boleh mencecah RM470 juta. Ini kajian yang dilakukan oleh KPMG. Sebab itu kesiapsiagaan ini amat penting, sebab itu saya kira *CyberSecurity Malaysia* dan juga semua agensi yang terlibat termasuklah akan dijalankan oleh kerajaan, menubuhkan banyak jawatankuasa. Salah satunya ialah e-Kedaulatan, e-Keselamatan dan pelbagai lagi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita untuk kita melihat bagaimana daripada segi infrastruktur yang patut kita jaga terutamanya *the Critical National Information Infrastructure* (CNII) kita untuk dijaga. Perbankan, tenaga misalnya, bekalan air.

Ini semua yang kritikal, mesti dipelihara. Yang patut dijaga oleh kita. Sebab itu pertamanya kita kena melatih supaya melahirkan pakar-pakar yang di *certified* dan diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk menjaga bidang-bidang keselamatan utama ini. Ini penting sebab kalau ini tidak dijaga, maka kita akan melibatkan imej negara daripada segi keselamatan. Kalau imej negara terjejas, bukan sahaja keyakinan rakyat kita akan hilang kepada alam siber tetapi pelabur-pelabur tidak akan datang. Sebab itu saya kira banyak yang harus kita lakukan daripada segi kesiapsiagaan sumber manusia, infrastruktur dan akhirnya sistem perundangan.

Sebab itu GCSA ini memainkan peranan amat penting dan kebetulan Tuan Yang di-Pertua, CyberSecurity Malaysia telah diamanahkan malahan telah diterima dan diiktiraf sebagai pengerusi untuk *ASEAN Regional Forum* dan juga untuk OIC-CERT iaitu kita menjalin hubungan sama ada dengan pihak kerajaan mahupun pihak swasta untuk kita adakan jaringan supaya langkah pencegahan dapat dilakukan daripada penggodam-penggodam ini. Memang benar banyak tindakan penggodam akan terus berlaku tetapi yang lebih penting ialah bagaimana kita dapat mengambil pencegahan dan pada masa yang sama dapat mencari bukti-bukti untuk kita mendakwa sekiranya perlu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peruntukan untuk GCSA sekarang dan kakitangan profesionalnya dan apakah ancaman yang paling besar yang dihadapi negara ini misalnya di dalam *banking* dan sebagainya. Apakah ancaman kerana baru-baru ini ada seorang warga Malaysia yang dipenjarakan di Amerika Syarikat kerana menjadi penggodam yang dahsyat.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Berkaitan dengan peruntukan, saya kira GCSA ini adalah satu pakatan atau *alliance* untuk pertubuhan-pertubuhan sukarela termasuklah sama ada agensi kerajaan mahupun pihak *private entity* dan juga institusi-institusi untuk kita menjalin kerjasama.

Jadi, ianya tidak melibatkan peruntukan yang besar tetapi lebih kepada jaringan perhubungan kerjasama di antara badan-badan di seluruh rantau Asia ini, antara negeri dan antara *private entities*. Dengan bergabung ini, kalau berlaku sesuatu perkara itu maka kita ada jaringan untuk kita mendapat maklumat dan bagaimana kita juga boleh memasarkan produk kita melalui hubungan jalinan ini.

Memang benar Yang Berhormat, memang ada berlaku kejadian salah seorang pakar, malangnya pakar dalam bidang penggodamlah yang telah ditangkap di Amerika Syarikat, didakwa dan dipenjarakan.

■1130

Oleh sebab itu saya kira hubungan jaringan ini amat penting sebab penggodam-penggodam ini kalau dia hendak menggodam Malaysia dia berlaku daripada luar negara dan masuk menggodam di negara kita. Maka proses perundangan bukan satu perkara yang mudah sebab bidang kuasa perundangan juga harus kita lihat. Sebab itu jaringan melalui GCSA tadi amat penting untuk kita dapat mengumpul bukti-bukti dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012

DAN

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2012

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2012 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2012 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". ***[Hari Kelima]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar] ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Maksud B.25 [Jadual] -
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2012] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sambung menjawab.

11.31 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya menyambung daripada semalam. Mengenai isu kenaikan harga barang di Labuan.

Jadi, saya ingin memaklumkan bahawa ketika ini kebanyakan produk-produk yang dijual di Labuan dibawa masuk daripada Semenanjung dan dari Sabah dan ini menyebabkan punca kenaikan harga berlaku di Labuan. Walau bagaimanapun, bagi barang-barang kawalan bersubsidi seperti gula, tepung, dan minyak masak serta bahan petroleum, petrol, diesel dan LPG harga adalah sama dengan Sabah.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi, kementerian ini sentiasa memantau perkembangan harga terutama bagi barangan keperluan pengguna bagi memastikan bekalan dan juga harganya stabil dan mencukupi. Walau bagaimanapun, bagi isu keseimbangan harga barang di Labuan serta membantu mempromosikan Labuan sebagai badan bebas cukai ianya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang antara lain bertanggungjawab mempromosikan Labuan sebagai bandar bebas cukai dan turut menggalakkan lebih ramai peniaga yang bersaing di Labuan agar suatu suasana pasaran yang kompetitif dapat diwujudkan...

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tuan Pengerusi, isu penguatkuasaan yang efektif dan peranan pegawai pemantau harga. Izinkan saya memberi maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Indera Mahkota...

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit. Labuan. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang betul untuk mempromosikan Labuan sebagai pulau bebas cukai di bawah kelolaan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar tetapi kalau harga barang makanan pun sudah tinggi, macam mana kita mahu mempromosikan Labuan itu sebagai sebuah pulau bebas cukai? Memang *control item* itu dapat dikontrol tetapi sebahagian contohnya bahan makan *just* satu makanan harian sahaja, telur. Telurnya orang Labuan. Kalau di Kota Kinabalu harganya satu *tray* itu dalam RM9 tetapi di Labuan RM14. Ini bermakna harga makanan pun sudah cukup tinggi. Jadi, macam mana orang Labuan itu untuk makan sama nikmat dengan orang-orang Sabah dan orang-orang Semenanjung. Kalau gaji RM1,000 kita cuma tinggal nilai RM700 sahaja lagi.

Jadi, kalau boleh apakah langkah yang terbaik untuk kontrol barang ini. Kadangkala kita pun pening kepala Tuan Pengerusi sebab rakyat bukan dia hentam kementerian pun, dia hentam Ahli Parlimen. Apa cara kita untuk mengelak benda ini? Tidak dapat dielak pun. Adakah cara yang terbaik. Contoh macam di Sabah dan Sarawak dahulu kalau harga gas di pedalaman, botol gas itu RM60 tetapi diberikan subsidi pengangkutan sehinggakan sama orang-orang pedalaman dan orang kampung juga dapat membeli dengan harga yang sama di bandar. Akan tetapi kalau di Labuan kalau cuma harga barang yang macam itu pun cukup tinggi carilah satu formula yang terbaik. Bukan kita marah sama Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi benda ini masalah rakyat sebenarnya. Masalah rakyat, tiap hari rakyat mengadu masalah barang yang tinggi di Labuan.

Jadi, mudah-mudahan dapat difikirkan sebaik mungkin agar dapat dipertimbangkan harga barang di Labuan itu diseimbangkan sama dengan Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi barang-barang kawalan bersubsidi seperti gula, tepung dan minyak masak serta bahan petroleum, petrol, diesel dan LPG, kita samakan harga di Labuan dan juga di Sabah. Bermakna kalau tong gas harganya sama dengan di Sabah. Sebab itu di dalam kawalan. Bagi yang lain Yang Berhormat musim-musim perayaan termasuk juga kita pastikan bahawa Labuan juga menikmati harga-harga skim kawalan yang kita adakan seperti musim perayaan dan sebagainya. Bermakna termasuk.

Jadi Yang Berhormat, saya pun memang simpati Yang Berhormat dan Yang Berhormat katakan telur dan sebagainya sebab itu saya katakan tadi kebanyakan barang-barang ini datangnya luar daripada Labuan. Oleh sebab itulah harganya berlainan sedikit tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat kita akan mengambil maklum dan kita sama-sama berbincang. Mungkin kita bawa juga KR1M, *favorite* ini. Kita bawa KR1M ini juga ke Labuan, *insya-Allah.*

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Limbang sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin hendak menyambung Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Labuan tadi. Sebagaimana kami di Limbang bila Labuan sebut fasal telur tetapi tidaklah sampai RM14 tetapi sudah mencecah RM11, RM12. Akan tetapi sama ada perkara ini betul ataupun tidak kita minta pihak kerajaan untuk menyiasat. Ada juga rakyat yang mengatakan bahawa item-item yang bukan di bawah kawalan ini tetapi ianya di *control* oleh sindiket yang mengawal harga barang dan sebagainya. Kita minta kepada kerajaan untuk menyiasat perkara ini, apakah cerita ini betul ataupun tidak sebab sekiranya betul *the impact is direct to the people*. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan ini juga membabitkan kementerian lain dan seperti kita semua tahu bahawa kita ada Jawatankuasa Bekalan Makanan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi kita akan bawakan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi.

Berbalik kepada penguatkuasaan. Jadi sememangnya penguatkuasaan adalah satu langkah yang penting dalam memastikan setiap langkah serta usaha kerajaan berjalan dengan lancar. Justeru, tidak dinafikan bahawa isu kekurangan anggota adalah suatu isu yang sering dibangkitkan memandangkan penguatkuasaan yang efektif dan berkesan memerlukan anggota penguat kuasa yang mencukupi dari segi nisbahnya.

Namun begitu, kementerian ketika ini telah pun menggunakan alternatif lain bagi membantu proses penguatkuasaan ini tidak terjejas seperti dengan menggunakan perkhidmatan pegawai pemantau harga mahupun melalui gerakan kepenggunaan. Walau bagaimanapun, ianya masih tidak mencukupi berdasarkan tugas-tugas baru yang perlu dijalankan dan dengan itu kementerian menyambut baik cadangan bagi menggunakan khidmat pasukan RELA dalam membantu kementerian menjalankan tugas penguatkuasaan. Pada ketika ini pasukan RELA turut terlibat dalam membantu kementerian memantau stesen-stesen minyak di sempadan terutama di Kelantan. Tuan Pengerusi, ketika ini tenaga pegawai penguat kuasa kementerian di seluruh negara adalah berjumlah...

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: ...Hampir 2,000 orang sahaja. Mengenai isu...

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan penguatkuasaan dan pemantau harga barang. Daripada peringkat pengguna, peringkat bawahan, timbul tanda tanya apakah yang dipantau dan apakah yang dikuatkuasakan?

■1140

Kenaikan harga barang tidak menentu begitu melonjak daripada sehari ke sehari, jadi apakah yang dipantau dan apakah yang tidak dikuatkuasakan.

Kedua Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan terdapat lebih kurang 1,700 orang pegawai pemantau di seluruh negara yang sampai hari ini mereka tidak diserapkan di dalam perkhidmatan kementerian ataupun perkhidmatan kerajaan ataupun sebagainya yang memberi kedudukan kepada mereka suatu jaminan yang agak tetap. Saya difahamkan bahawa ada yang sampai ke hari ini berasa bimbang hendak kahwin, rasa bimbang takut hari ini kahwin esok tidak dapat kerja lagi, ini pun sudah ada.

Jadi 1,700 orang yang saya rasa berulang kali ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga di Dewan yang mulia ini tetapi setakat hari ini kita nampak tidak ada perkembangan yang sepatutnya. Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat tolong jawab sekali ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya seperti mana Yang Berhormat Baling juga bersetuju apabila kita melihat status ataupun kedudukan pegawai penguat kuasa yang ada dalam kementerian di mana kita lihat mereka sekarang diberikan taraf status kontrak ataupun ada yang saya tidak tahu sama ada gaji harian ataupun sebagainya. Melihat daripada *terms and condition,* dengan izin, perkhidmatan mereka ialah *contract of service* ataupun *contract for service*, jadi status mereka itu.

Jadi dalam hal ini saya meminta pihak kementerian, mereka ini di antara orang yang penting, tenaga penting yang menolong untuk mengawal kenaikan harga barang-barang di seluruh negara tetapi dengan keadaan insentif yang dimiliki oleh mereka saya rasa tidak mencukupi untuk mereka berkhidmat dengan begitu cemerlang kerana mereka sendiri mempunyai keadaan-keadaan yang tidak pasti untuk membina kehidupan mereka.

Seperti mana yang berlaku dalam Kementerian Pelajaran baru-baru ini di Perlis misalnya 76 orang kakitangan kontrak yang telah berkhidmat 15 tahun ke atas, yang sesetengahnya telah membuat pinjaman dengan institusi kewangan yang menyebabkan ada di kalangan mereka yang sekarang ini mereka tidak ada pekerjaan langsung, mereka berada di dalam keadaan yang cukup susah. Jadi kita hendak memastikan bahawa kita harus memberikan keyakinan bahawa kalau mereka berada di dalam keadaan tempoh yang begitu lama perkhidmatan mereka, dalam keadaan status yang sedemikian rupa yang menyebabkan mereka tidak boleh membina masa hadapan yang lebih baik. Jadi saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat saya hendak sambung sedikit, pandangan daripada Yang Berhormat Baling dan Arau saya dalam keadaan setuju dan tidak bersetuju. Sebab pertamanya jawatan ini dahulu diambil secara kontrak, sepatutnya mereka ini yang memohon jawatan ini tahu bahawa ini jawatan kontrak. Sesudah dapat jawatan ini maka yang disibukkan sekali hendak diserapkan supaya menjadi tetap, prestasi kerja bagaimana, harga barang masih belum lagi dapat dikawal. Jadi apabila timbul seperti ini samalah seperti Yang Berhormat Arau sebutkan tadi, dahulu pekerja-pekerja ini, kakitangan sekolah dihentikan diambil secara kontrak sekarang ini merempat. Jadi kalau ini diserap bagaimana pula yang pekerja-pekerja sekolah kontrak dahulu, mereka akan bangkit, hah ini diserapkan kami dahulu diberhentikan sudah tidak menjadi konsisten, ini selalunya persepsi rakyat terhadap kerajaan. Jadi berkecamuk dasar seumpama ini itu yang pertama.

Kedua, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat bersabit dengan masalah kawalan harga, saya bangkit di waktu perbahasan peringkat Jawatankuasa, saya ada bangkitkan iaitu cadangan saya cara yang terbaik ialah kerajaan, kementerian bagi hadiah kepada semua rakyat Malaysia yang membuat laporan mana sahaja kedai yang menaikkan harga sesuka hati, menipu barang-barang yang tidak tulen boleh ataupun apa sahaja kesalahan mengikut undang-undang jika mereka dapat memberi maklumat secara *online* dan didapati maklumat itu betul, Nah! Hadiah RM500, RM300. Saya rasa cara ini satu perang saraf ia cukup berkesan sebab kalau RM2,000 tidak cukup.

Yang kedua, sebagai bantuan saya mencadangkan supaya diambil kakitangan RELA, banyak berselerak di seluruh negara bagi dia kad penguat kuasa untuk mereka juga boleh masuk ke kedai-kedai menyemak, itu dari segi tambahan lah. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit sahaja, boleh ya? Satu lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sahaja daripada bilangan pegawai tetapi tentang skil dan juga kemahiran pegawai pemantau kita perlu ada satu latihan yang berterusan.

Kedua adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di kawasan-kawasan bandar kecil seperti di Jempol, di Kuala Pilah selalunya alat-alat ICT ini, komputer yang dibekalkan untuk memberikan maklumat daripada ibu pejabat tentang harga terkini yang diminta pegawai-pegawai kita ini memantau di daerah-daerah selalu menerima masalah iaitu komputer rosak, *jammed,* maklumat tidak dapat disampaikan dan apabila ini berlaku tidak dapat maklumat terkini, seluruh pegawai di daerah tersebut tidak dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang telah memberikan input yang begitu baik, yang juga sebenarnya saya hendak sampaikan di dalam jawapan saya ini tetapi terima kasih lah kepada semua khasnya daripada Pasir Mas yang mencadangkan berapa cadangan yang mungkin boleh juga membantu di dalam pemantauan harga dan terima kasih lah kepada Yang Berhormat Baling, Arau dan juga Yang Berhormat Jempol yang memberikan satu lagi ruang untuk kita berfikir secara holistik dari segi masalah-masalah yang mungkin juga dialami oleh pegawai-pegawai ini di kawasan.

Berbalik kepada pemantauan, jadi Yang Berhormat tadi bertanya apa yang dipantau? Yang Berhormat macam-macam yang dipantau, dia akan memantau dari segi isu label harga. Peniaga memang kita wajibkan untuk meletakkan tanda harga bagi barang-barang yang dijual untuk memastikan pengguna mendapat maklumat dan membuat perbandingan harga sebelum membeli. Selepas itu kita juga sering menerima maklum balas dari segi mana-mana peniaga yang sering mengenakan harga yang begitu mahal dan mungkin ada dari segi macam-macam lagi yang kita pantau dari segi harga-harga harian...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Untuk makluman hari-hari ya mereka ini memantau harga dan setiap bulan laporan ini disampaikan kepada Kabinet.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak sambung, tadi Yang Berhormat Pasir Mas mengatakan bahawa patut memberikan ganjaran kepada mereka yang memantau secara sukarela. Sekiranya kementerian ingin berbuat sebegitu saya rasa kementerian harus memberikan ganjaran kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dahulu kerana hari ini dia baru mengumumkan bahawa Kedai 1Malaysia banyak barang yang harganya lebih mahal daripada *supermarket* yang lain. Jadi adakah kementerian akan memantau Kedai 1Malaysia ini kerana sepatutnya menjual, kerajaan kata Kedai 1Malaysia ini semua barang-barangnya adalah lebih murah daripada kedai-kedai yang lain tetapi sekarang sudah lebih mahal.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apakah kerajaan akan buat? Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Timbalan Menteri...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini...

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Boleh tidak? Sudah bangun tadi pun. Okey terima kasih Timbalan Menteri, ini pemantauan harga barang-barang khususnya saya hendak bawa perhatian Timbalan Menteri kepada penjualan arak. Penjualan arak murah dalam plastik dan botol-botol kecil yang dijual pada harga seringgit lebih, RM2.00 di mana ini kalau mereka minum *beer* empat botol, lima botol baru mereka stim tetapi kalau minum arak murah ini satu kampit yang kecil berharga RM1.90 dia boleh stim tiga kali lebih daripada ini. Jadi Timbalan Menteri ini sedang berlaku juga di mana budak-budak sekolah kini mereka membeli satu tin *CocaCola* dia beli satu minuman arak murah ini dan dia pecahkan dan masukkan dalam tin *CocaCola.*

■1150

Ini berleluasa. Bukan sahaja di kalangan budak-budak India tetapi budak-budak Melayu dan juga budak Cina agak kuranglah. Jadi, saya minta pemantauan yang saya mohon ini adalah satu pemantauan yang berkesan tetapi ini tidak berlaku. Padahal apabila saya sendiri konfrontasi pekedai-pekedai dan mereka kata, *"Kami dilesenkan, kami ini mengikut peraturan*." Apabila saya kompelin kepada Kastam dan juga kepada Majlis, mereka tidak dapat buat apa-apa. Polis pun tidak dapat buat apa-apa.

Saya harap, ini Menteri kalau tidak dapat buat apa-apa pun tidak mengapa tetapi ambillah, cuba ambil langkah-langkah pemantauan khususnya jualan arak murah ini berlaku dalam kawasan Parlimen saya. Juga mereka yang menjual ini, mereka berani kerana saya percaya mungkin agensi pemantauan kita melalui kementerian mereka ini, terlalu mengikut bukulah. Terlalu mengikut *the rule of book of what, I do not know.* Akan tetapi tolong dan juga pelesenan-pelesenan sedemikian ini harus ada pemantauan juga. Ini disebabkan yang teraniaya adalah mereka yang betul-betul miskin.

Akibat daripada ini, kerana Timbalan Menteri adalah seorang wanita, saya hendak memberitahu di sini. Kalau berjumpa dengan sepuluh orang wanita di kawasan yang saya sebutkan, lima orang di antara mereka adalah ibu tunggal, *widow or divorcee.* Ibu tunggal dengan empat orang atau lima orang anak, kadang-kadang sepuluh orang anak, ibu tunggal atau *divorcee, I think* ini perlu diambil perhatian. Oleh itu tadi seperti Yang Berhormat Bukit Mertajam kata, ini tetapi harus mereka juga menggunakan laungan *Malaysian Malaysia* itu untuk membantu membuat ini. Jadi, Menteri harap ambil perhatianlah. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga mahu bertanyakan bagaimana satu rangkaian Kedai Rakyat 1Malaysia ini ketika kita membuat tinjauan pada beberapa harga barang, *items* sebanyak 23 seluruhnya. Kami dapati sepuluh daripada 23 item itu dijual dengan harga jauh lebih tinggi daripada barangan yang didapati di *Carrefour* dan juga *Tesco*, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ya.

Sementara kerajaan telah memperuntukkan RM40 juta bagi mewujudkan rangkaian Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ini. Jadi, ini jelas merupakan satu yang akhirnya tidak memberikan sumbangan sebenar kepada rakyat. Jadi, di mana letak kesilapan itu dan tolong perjelaskan.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, beri masa sedikit kepada saya sebab KR1M ini ada lagi belum sampai. Akan tetapi Yang Berhormat, tidak akanlah Yang Berhormat, teruk sangatlah wakil rakyat kita hingga minta juga ganjaran. Saya rasa apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi, tidak akanlah wakil rakyat pun hendak minta juga kita bayar macam itu, bukan. Jadi, wakil rakyat itu memang kerja kita secara automatik untuk memantau.

Terima kasih sebenarnya Yang Berhormat, dalam jawapan saya ini saya hendak mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat itu iaitu Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan...

Seorang Ahli: Utara.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Petaling Jaya Utara. Kami hendak mengatakan teruskanlah tugas itu sebab ini nampaknya satu kerjasama yang begitu baik antara KPDNKK, Barisan Nasional dan pihak Pakatan Rakyat. Baguslah. Bermakna apa yang kami buat, Yang Berhormat di sebelah sana pantau dan beri pula maklum balas kepada kita. Ini satu sinergi yang sangat positif. Saya sebenarnya hendak mengucapkan terima kasihlah tetapi saya akan sampai ke situ. Akan tetapi Yang Berhormat Bukit Mertajam kata, tidak perlulah untuk membayar ganjaran itu sebab kita sebagai wakil rakyat, kita adalah berkhidmat untuk rakyat. Ini adalah kewajipan kita. Tadi Yang Berhormat Pasir Mas kata itu untuk yang lainlah. Untuk yang lain-lain tetapi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akan tetapi penerangan itu perlu ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya. Tidak mengapa. Saya akan sampai. Saya akan sampai pada KR1M tetapi biar saya habiskan penguatkuasaan dahulu, ya.

Jadi, tindakan akan dikenakan kepada peniaga yang ingkar dan kesalahan bagi perlanggaran Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993, akan dikenakan denda sebanyak maksimum sehingga RM50,000 atau dua tahun penjara dan boleh dikenakan secara individu dan RM200,000 ke atas syarikat yang melakukan kesalahan. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat, saya pun bersimpati dan terima kasihlah Yang Berhormat sebab ini berlaku bukan sahaja di kawasan Yang Berhormat, yang minum arak ini. Arak kecil ini. Ini berlaku di mana-mana.

Akan tetapi walaupun demikian Yang Berhormat, penguatkuasaan kita tidak kepada perkara ini. Ini adalah di bawah PBT, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebab lesen itu daripada mereka. Namun demikian Yang Berhormat, kita sentiasa seharusnya mana-mana ruang yang kita dapat sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab, kita bawalah perkara ini supaya ia sampai kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Manakala berhubung dengan isu pegawai pemantau harga, terima kasih Yang Berhormat. Peruntukan emolumen pegawai pemantau harga bagi tahun 2011 diberikan melalui peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan. Ketika ini, jumlah anggota adalah seramai 1,300 orang pegawai. Mereka ini adalah pegawai dilantik berdasarkan perkhidmatan yang diberikan iaitu *contract for service*. Kami memang begitu berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan kementerian telah membawa isu untuk menyerapkan perjawatan ini kepada pihak-pihak yang berkenaan dan *insya-Allah,* ia dalam pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu francais...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Tuan Pengerusi... *[Ketawa]* Berhubung dengan isu yang dibangkit berkenaan...

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, biar Menteri menjawab. Jangan ganggu dia.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Cadangan peranan yang boleh dimainkan oleh francais dalam membangunkan ekonomi negara. Berdasarkan pada rekod kementerian, syarikat francais tempatan ketika ini berjumlah 394 buah syarikat. Manakala syarikat francais dari luar negara adalah sebanyak 176 buah. Syarikat-syarikat francaisor perlu untuk mendaftar dengan pejabat Pendaftar Francais dan data terkini menunjukkan sehingga 1 November tahun ini, sebanyak 570 buah syarikat telah didaftarkan. Namun begitu, jumlah francaisi tidak dapat dikenal pasti memandangkan francaisi tidak diwajibkan untuk berdaftar di bawah Akta Francais 1998.

Selain daripada itu, persoalan berkaitan apakah syarat dan urus niaga francais. Ingin saya nyatakan di sini bahawa dalam sesebuah perniagaan francais, kuasa untuk membenarkan francaisi atau *master franchaisee* untuk melaksanakan sub francaisi sesebuah jenama kepada francaisi lain adalah di bawah budi bicara francaisor itu sendiri. Adalah terserah pada dasar francaisor sama ada francaisor ingin membenarkan *master franchaisee* untuk menyerahkan hak-hak atau untuk menguruskan *outlet* mereka sendiri. Kerajaan melalui pendaftar francais tidak mengawal dasar perniagaan francaisor tersebut.

Sehingga kini, sejumlah 394 daripada keseluruhan 570 buah syarikat francais tempatan dan 30 peratus daripadanya adalah merupakan francaisor bumiputera. Walaupun industri francais negara dikawal selia oleh Akta Francais 1998, namun pada masa ini, penguatkuasaan terhadap industri francais adalah lebih kepada nasihat, bimbingan dan pendidikan berbanding daripada tindakan menghukum. Ini kerana masih ramai francaisor terutamanya francaisor tempatan masih tidak memahami dengan mendalam perniagaan francais secara keseluruhan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: ...Dan dimaklumkan bahawa Akta Francais 1998 dicadangkan untuk dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang dengan tujuan pindaan ini supaya kawalan terhadap industri akan dapat dilaksanakan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: ...Dengan lebih berkesan.

■1200

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih. Sehubungan dengan itu adakah pihak kementerian berkemungkinan akan menubuhkan Lembaga Pembangunan Francais. Ini kerana perniagaan ini sudah menjadi begitu besar, industrinya berbilion ringgit, jadi sudah sampai masanya jika sebuah perbadanan ditubuh untuk mengawal selia dan juga untuk memajukan lagi bidang perniagaan francais ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan yang baik lagi. Cadangan bagi syarikat koperasi untuk menjalankan perniagaan berbentuk francais memang juga kami alu-alukan. Bermakna kita buka ruang seluas-luasnya kepada perniagaan francais dan di mana untuk makluman Yang Berhormat, 13 buah koperasi menjalankan pusat dialisis secara francais.

Kita sangat mengharapkan agar banyak lagi koperasi-koperasi dapat mencebur diri dalam perniagaan francais. Perwujudan lembaga atau Jawatankuasa Yang Berhormat memang sudah ada. Ianya memang untuk kita mengawasi pembangunan industri francais di negara kita. Akan tetapi dengan pindaan nanti Yang Berhormat yang kita akan bawa ke dalam Parlimen ini akan mengukuhkan lagi. Diharap Yang Berhormat yang pertama akan menyokong pindaan tersebut.

Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat di sini ada beberapa *top ten* syarikat tempatan francais di Malaysia, iaitu:

(i) D'Navechee Beauty (M) Sdn. Bhd;

(ii) Little Cash Sdn. Bhd iaitu Ani Sup Utara;

(iii) 1909 Sdn. Bhd;

(iv) Pusat Tuisyen Mawar Sdn. Bhd;

(v) Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd;

(vi) Ria Tool Sdn. Bhd;

(vii) Sabah Islamic Media Sdn. Bhd;

(viii) Children Islamic Centre;

(ix) Genius Aulad; dan

(x) Mama Chop Papa Grill.

Itu yang bumiputera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, kementerian ini sampai bila? Sudah dua hari Tuan Pengerusi. Kita sudah kesuntukan masa. Saya ingat kalau tidak ada keperluan sangat Yang Berhormat Menteri tidak payahlah. Kalau ada kes-kes barukan. Jadi saya ingat bolehlah berubah kepada kementerian yang lain. Ini pandangan saya Tuan Pengerusi. Saya bukan hendak mengganggu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, kementerian ini patut hari ini. Cuma sikit lagi. Saya hendak cadangkan kepada kementerian dari segi membantu koperasi-koperasi yang hidup segan mati tidak mahu.

Akan tetapi mereka ada dana dan mereka boleh berusaha. Tidak mungkinkah di mana kementerian memainkan peranan menjemput semua wakil-wakil koperasi dan menjemput *top ten* francaisor dan diberi taklimat supaya koperasi-koperasi ini boleh *pick up* dan boleh mereka pilih bidang mana yang mereka minat dan mereka boleh balik menjalankan operasi di tempat masing-masing.

Ini termasuklah *Kentucky Fried Chicken* (KFC) dengan *McDonald* di kampung-kampung. Sekarang ini hanya ada di bandar, akan tetapi ianya boleh dijalankan sebagai satu perniagaan untuk koperasi-koperasi untuk menjana pendapatan dan keuntungan. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Untuk makluman Yang Berhormat memang kita telah mengadakan *road show* dan sekarang ini Yang Berhormat sebab memandangkan kita membawa juga ke luar bandar atau kita namakan komuniti francais turun ke luar bandar, kita membawa francaisor yang mempunyai modal yang diperlukan RM50,000 ke bawah. Jadi kita telah membawa ke merata tempat di dalam Malaysia termasuk juga untuk koperasi-koperasi sama-sama untuk menceburi diri.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin masuk kepada sektor koperasi dan sektor Suruhanjaya Koperasi. Untuk makluman, pada ketika ini jumlah koperasi yang berdaftar adalah sebanyak 8,898 buah koperasi. Daripada jumlah tersebut hanya 85 buah koperasi yang telah dibatalkan kerana tidak lagi aktif manakala bakinya masih aktif dan terlibat di dalam pelbagai sektor ekonomi.

Di antara sektor ekonomi yang diceburi oleh koperasi adalah sektor kewangan, pemborongan dan peruncitan, pelancongan, pertanian dan industri asas tani, serta sektor perladangan. Kerajaan turut membantu dalam memperkembang luaskan koperasi melalui insentif seperti bantuan kewangan yang disediakan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia. SKM mempunyai kekuatan anggota seramai 1,232 orang dan bagi memastikan setiap perjalanan koperasi berjalan lancar, koperasi mempunyai jawatankuasa audit dalaman yang dipilih oleh anggota dalam mesyuarat agung tahunan.

Akaun koperasi mesti diaudit oleh juruaudit luar daripada firma audit swasta yang berdaftar dengan SKM dan pegawai SKM bahagian audit koperasi. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat bahawa setiap tahun kita akan mengadakan Hari Koperasi Negara dan pada hari tersebut akan diumumkan 100 koperasi yang terbaik di negara ini. Sebagai contoh yang diumumkan tahun ini adalah 10 koperasi terbaik:

(i) Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad;

(ii) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad;

(iii) Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad;

(iv) Koperasi Peserta-peserta FELCRA Malaysia Berhad;

(v) Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad;

(vi) Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad;

(vii) Koperasi Kakitangan Petronas Berhad;

(viii) Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad;

(ix) Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad; dan

(x) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad atau ANGKASA.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Belum, sikit lagi. Tuan Pengerusi, industri jualan langsung. Industri jualan langsung telah berkembang dengan pesat selari dengan perkembangan ekonomi negara yang semakin kukuh. Pada ketika ini sehingga Oktober tahun 2011 syarikat jualan langsung yang berdaftar dengan kementerian adalah sebanyak 627 buah syarikat.

Kementerian telah pun memperketatkan permohonan syarikat jualan langsung melalui pindaan Akta Jualan Langsung dan Anti Piramid Tahun 2010 yang menguatkuasakan kesalahan-kesalahan jualan langsung serta meningkatkan penalti bagi setiap kesalahan. Di samping itu Akta Jualan Langsung dan Anti Piramid 1993 juga memperkenalkan 10 ciri skim piramid yang mana ciri-ciri ini boleh dipinda atau diubah berdasarkan transformasi penipuan.

Produk-produk jualan langsung sama ada dari dalam atau luar negara perlu untuk melepasi atau lulus pemeriksaan Kementerian Kesihatan Malaysia atau SIRIM sebelum ianya dipasarkan. Tempoh lesen yang diberikan selama 10 tahun adalah berdasarkan kepada rekod syarikat yang baik, tiada aduan dan tersenarai di dalam Bursa Saham Malaysia. Selain daripada itu syarikat juga perlu berdaftar dalam mana-mana persatuan yang diiktiraf telah beroperasi sekurang-kurangnya 15 tahun...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: ...Dan jumlah jualan syarikat melebihi RM100 juta untuk tempoh sekurang-kurangnya empat tahun.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh Yang Berhormat bagi tahu yang syarikat yang diberi lesen 10 tahun berturut-turut yang terbaik seperti Yang Berhormat sebut tadi. Apakah nama syarikat?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada maklumat ini akan tetapi boleh memberikan secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya sekarang sampai kepada rasionalisasi subsidi. Untuk makluman makmal rasionalisasi subsidi telah dilaksanakan oleh pihak PEMANDU Jabatan Perdana Menteri dan telah mengusulkan kepada kerajaan untuk meliberalisasikan subsidi mengikut kadar tertentu bagi tempoh setiap enam bulan dan dijangka subsidi akan tamat selepas lima tahun atau pada tahun 2015.

Namun begitu cadangan yang dikemukakan kepada kementerian tidak semestinya akan dilaksanakan. Kementerian berkaitan perlu mengkaji kesan daripada aktiviti liberalisasi subsidi terhadap golongan berpendapatan rendah, kenaikan harga produk serta kemampuan kewangan kerajaan sendiri...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sikit lagi. Berkaitan dengan produk IKS di *hypermarket*. Sebab selagi saya belum sampai ke KR1M... *[Ketawa]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun menjawab. Walaupun Yang Berhormat menjelaskan tadi bahawa cadangan yang dikemukakan oleh PEMANDU iaitu Makmal Rasionalisasi Subsidi ini tidak semestinya di guna pakai oleh pihak kementerian khususnya. Akan tetapi saya hendak dapatkan penjelasan bahawa kalau kita katakan bahawa apa yang dikemukakan oleh PEMANDU ini kita tidak guna pakai, jadi kita guna pakai yang mana? Itu satu.

Keduanya ialah kalau dikatakan bahawa ada yang kita guna, ada yang kita terima dan ditolak jadi berapa peratus daripada yang dicadang oleh PEMANDU itu diterima pakai oleh pihak kerajaan dalam hendak meliberalisasikan subsidi ini? Ini sebab kalau saya lihat di sini ialah jadual-jadualnya macam disebut tadi ada enam bulan sekali, ada setiap tahun akan berlaku liberalisasi subsidi dan akan menyebabkan berlaku kenaikan.

■1210

Jadi saya hendak tahu sekarang ini apakah kaedah liberalisasi subsidi yang akan diguna pakai oleh kerajaan sama ada daripada cadangan PEMANDU ini ataupun satu model yang lain yang digunakan oleh pihak kerajaan.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena, daripada cadangan kementerian ini dipohon oleh PEMANDU jadi kita memberi maklum balas yang mana yang terbaik untuk kita merasionalisasikan subsidi. Jadi yang ini akan dibincangkan apa yang saya katakan tadi bermakna ianya ada perbincangan diadakan secara mendalam sebab apa-apa yang di bawah kawalan kementerian ini seperti gula, tepung, minyak masak yang ada di bawah kawalan ini kami yang memberi cadangan. Ianya akan diperbincangkan itu yang saya katakan.

Jadi oleh yang demikian, yang memutuskan yang peringkat yang terakhir adalah kabinet Yang Berhormat. Akan tetapi, kita akan diminta untuk memberi cadangan bagi mana-mana yang di dalam di bawah kawalan kementerian. Jadi seperti yang saya katakan tadi bahawa seperti diesel dan juga gas. Kita memberi cadangan yang mana yang terbaik, yang mana yang dapat kita kurangkan dari segi subsidi kita memberi cadangan. Namun seperti yang saya katakan tadi tidak semestinya cadangan ini diterima. Jadi itu yang saya katakan tetapi ada timbal balas Yang Berhormat. Jadi ini Yang Berhormat, Yang Berhormat sepatut tanya panjang lebar dengan PEMANDU juga Yang Berhormat sebab PEMANDU yang memandu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betul-betul saya tanya tetapi PEMANDU tidak jawab dalam perbahasan dasar memang saya bangkit tentang soal rasionalisasi subsidi ini tetapi pihak PEMANDU tidak jawab. Oleh sebab itu, hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab kalau dikira gula, minyak masak, tepung dan sebagainya ini yang di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri khususnya gula dengan tepung ini setiap tahun. Maknanya 15 peratus akan berlaku kenaikan sehingga tahun 2014. Jadi ini maknanya saya tanya supaya macam mana persediaan masyarakat dan rakyat dalam menghadapi kenaikan-kenaikan yang dicadangkan ini.

Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berikan cadangan balas. Kita hendak tahulah cadangan balas itu berapa. Adakah hendak suruh enam bulan sekali atau tiap-tiap tahun ataupun hendak suruh tiga tahun sekalikah baru berlaku liberalisasi subsidi dengan sendirinya akan berlaku kenaikkan. Jadi saya katakan bahawa rakyat ternanti-nanti sekarang ini apa persediaan macam mana hendak menghadapi situasi seperti itu?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Seperti Yang Berhormat Pokok Sena ya apabila kementerian kita ditanya jadi kita memilihkan barang-barang yang kita rasakan boleh dikurangkan seperti gula hari itu Yang Berhormat sebab dari segi faktor kesihatan selepas itu kita mengatakan kita apungkan RON97. Ini kerana RON97 ini dipakaikan mereka yang bergaji yang tinggi dan bagi super subsidi yang lain itu super subsidi kita mencadangkan dan selepas banyak lagi sungutan yang masuk ianya ditarik balik. Sebahagiannya itu yang contoh Yang Berhormat yang ada kena mengena dengan kementerian ini. Selainnya sebab kita mengawal empat perkara ini sahaja Yang Berhormat.

Jadi memanglah kita menggunakan dari segi kesesuaian masa, kos hidup yang meningkat untuk kita mencadangkan sebab kita kalau dapat tidak hendak membebankan rakyat Yang Berhormat. Jadi biarlah saya beralih kepada isu produk IKS di *hypermarket*.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ke hari ini maklum balas yang diterima oleh *hypermarket* adalah baik berhubung produk-produk IKS. Pihak *hypermarket* bersedia menerima produk IKS yang menepati piawaian yang ditetapkan seperti berikut:

(i) maklumat pemakanan yang lengkap;

(ii) maklumat ramuan yang lengkap;

(iii) ada *bar code*;

(iv) tarikh dikilangkan;

(v) tarikh luput;

(vi) tanda halal; dan

(vii) juga pembungkusan yang menarik.

Kementerian sering mengadakan padanan perniagaan mengadakan pameran, mengadakan *road show* dan promosi dan terbaru adalah mengadakan program dinamakan *Taste of Malaysia* di mana kita juga membawakan IKS-IKS ini keluar negara. Jadi telah kita bawakan ke Jakarta dan juga Beijing dan mendapat pasaran yang begitu menggalakkan. Sehingga kini lima buah *hypermarket* yang terdiri daripada *Giant, Carrefour, Tesco, Jusco* dan *Mydin* telah menerima produk IKS untuk dipasarkan di premis mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M). Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertindak sebagai pemerhati harga atau *price watch* dalam memantau harga barangan. Walau bagaimanapun, barangan yang didakwa lebih murah berbanding harga barang di Kedai Rakyat 1Malaysia merupakan harga promosi di *hypermarket* terbabit atau *house brand* mereka. Sedangkan bagi kebanyakan barangan mereka yang lain masih memperlihatkan bahawa barangan jenama KR1M adalah lebih murah. Penurunan harga di antara 10 peratus hingga 40 peratus bagi barangan di Kedai Rakyat 1Malaysia adalah berdasarkan kepada perbandingan dengan harga di kedai biasa yang telah dibuat berbanding juga dengan jenama pilihan pengguna pada lima bulan yang lalu. Penurunan harga oleh Carrefour menunjukkan bahawa Program KR1M ini telah memberi tekanan bermakna ada kesan kepada pasaran untuk menurunkan harga barangan keperluan pengguna di pasaran.

Jadi dengan tertekannya sebab harga KR1M ini murah jadi *hypermarket* yang lain juga turut berlumba-lumba untuk menurunkan harga dan ini adalah baik untuk pengguna. Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu mengenai KR1M tertumpu di kawasan bandar sahaja...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan yang diberikan khusus tentang perbezaan barangan-barangan produk di bawah Kedai Rakyat 1Malaysia berbanding dengan *Carrefour* dan juga *Tesco*. Kami juga berasa bersyukur dan agak baik kalau ini memaksa *Carrefour* dan *Tesco* menurunkan harga mereka. Akan tetapi, adakah pihak kementerian sebagai pemantau, sebagai badan yang seharusnya menjaga pilihan dan juga hak *consumer,* pembeli bersedia untuk memberikan makluman terbaru tentang apakah kadar diskaun yang wujud dalam produk-produk Kedai Rakyat 1Malaysia.

Ini kerana iklan GTP khususnya contohnya iklan GTP dalam Kedai Rakyat 1Malaysia itu *very misleading,* dengan izin, mengelirukan kerana disebut dalam bulanan setiap pengunjung warganegara Malaysia yang pergi dan orang ramai yang pergi ke Kedai Rakyat 1Malaysia dapat membuat simpanan atau *saving* sebanyak RM146 sebulan kalau tidak silap saya itu yang diumumkan di dalam televisyen. Kalau saya fikir kalau kita hendak pastikan hak pembeli itu terjaga wajib untuk kita tampilkan sekarang ini kalau Carrefour turunkan harga kalau pada harga lebih murah di tempat lain *at least* pembeli itu wajib tahu kadar terbaru. Saya pohon kalau kementerian bersedia untuk memaklumkan kepada semua pengguna ya. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, ia bukan dinamakan kadar diskaun. Kementerian kami tidak ada hak untuk menentukan berapa kadar diskaun.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Itu adalah terpulang kepada pekedai di mana disarankan untuk kedai KR1M sebab kita syorkan kedai-kedai KR1M dia mesti menjualkan barangan lebih murah antara 10 hingga 30 atau 40 peratus. Jadi oleh yang demikian kita memang berterima kasihlah atas pemantauan Yang Berhormat sebab ini adalah *feedback* yang baik...

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Untuk kami sampaikan kepada pengusaha KR1M dan untuk memastikan kita juga sentiasa memberikan yang terbaik.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh? Saya mencelah sikit sahaja.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kalau begitu saya hanya minta kerana kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, wakil-wakil termasuk juga oleh Dato' Seri Jamil Khir Baharum mewakili MAIWP telah menyatakan diskaun ataupun hargalah yang dikeluarkan oleh Kedai Rakyat 1Malaysia ini panggillah apa pun sampai 40 peratus lebih murah daripada harga di tempat lain. Jadi saya fikir sekurang-kurangnya kena ada kenyataan kerana apa pun kita berbalik kepada isu kementerian menjadi pemantau untuk memastikan pengguna sebelum dia beli.

Dia tahu apakah harga yang terbaik di luar sana misalan kalau sudah ada maklumat yang tersasar diskaunkah, subsidikah memang wajib dikemas kini. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri beri puji kepada dua, tiga orang Ahli Parlimen pembangkang atas tinjauan maklumat. Saya juga berterima kasih tetapi boleh tidak sedikit kalau boleh sebelah sana berterima kasih kepada kerajaan.

■1220

Seorang Ahli: Syukur, syukur!

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Kepada Kedai Rakyat 1Malaysia ini yang memang memberikan harga yang baik. Akan tetapi kita mencari benda-benda yang tidak baik. Diskaun apa semua itu tidak penting. Yang penting peniaga tidak perlu tunggu diskaun. Esok bila diskaun tidak betul, dia guna dan eksploit semua itu memburukkan kerajaan. Yang penting pengguna mendapat faedah. Ini yang penting. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih banyak kerana Kedai Rakyat 1Malaysia ini cukup baik. Kalau boleh diperluaskan sedikit kepada kawasan-kawasan di pedalaman. Kawasan kampung saya dan sebagainya.

Saya hendak ambil sedikit apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi mengatakan bahawa terdapat juga Kedai Rakyat 1Malaysia ini harganya tinggi. Akan tetapi dia tidak buktikan kepada kita. Ini yang saya cukup tidak seronok, Tuan Pengerusi. Apabila faedah dapat kepada dia, dia 'balun.' Bila ada sedikit tidak kena, dia memburukkan kerajaan. Saya minta kalau boleh buktikan. Cuma saya hendak tanya, Kedai Rakyat 1Malaysia ini ditubuhkan oleh kerajaan akan tetapi mungkin pengusahanya mungkin bukan orang kerajaan. Maknanya pekedai-pekedai. Andai katalah betul, saya tidak katakan betul sebab mereka ini kadang-kadang memang tidak betul banyak daripada yang betul.

Jadi katalah betul, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian kepada Kedai Rakyat 1Malaysia ini sebab pengusaha dia macam saya, katalah saya buat Kedai Rakyat 1Malaysia atas sokongan yang diberikan oleh kementerian. Akan tetapi saya naikkan sedikit harga yang sepatutnya saya menjual dengan harga yang rendah. Atas sebab-sebab lainlah. Jadi, apakah ada tindakan yang dibuat supaya rakyat tahu bahawa kerajaan serius memberikan kemudahan kepada rakyat dan dalam masa yang sama mengambil tindakan yang tegas kepada mereka yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Boleh celah sedikit juga? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya lihat kerajaan kita mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia ini, memang salah satu objektif untuk menarik lebih ramai orang beli barang di Kedai Rakyat 1Malaysia. Saya lihat kewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia juga merupakan satu tekanan kepada kedai yang lain sebab kalau mereka hendak *survive,* terpaksa mereka hendak bertanding dengan Kedai Rakyat 1Malaysia dan harga barang-barang pun terpaksa mereka turunkan. Saya rasa bukankah salah satu objektif telah pun tercapai oleh kerajaan? Terima kasih.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang Kedai Rakyat 1Malaysia ini, terdapat permintaan juga daripada rakyat kita yang tinggal di luar bandar. Di FELDA, kita ada D'Mart, ada kedai, ada pegawai yang menguruskan. Apakah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk meminta kedai-kedai berbentuk barang murah – Kedai Rakyat 1Malaysia ini dapat dibekalkan di kedai-kedai FELDA bagi membolehkan masyarakat di luar bandar terutama sekali masyarakat peneroka FELDA kita dapat menikmati juga penjualan barang-barang yang murah, yang saya difahamkan sehingga 40 peratus lebih murah daripada kedai-kedai biasa.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum menjawab. Saya bersekali senang, ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya ingin menjelaskan di sini saya fikir pendirian kami ialah kementerian kalau boleh jangan langsung..., *you should not get involve in retail businesses,* khusus tentang isu siapa yang mewujudkan produk-produk 1Malaysia ini. sebenarnya ini bukan kerja kerajaan, bukan kerja kementerian. Walaupun kita hargai isu subsidi RM40 juta, isu subsidi ini tidak diperincikan bagaimanakah perbelanjaannya. Adakah untuk kedai-kedai, adakah untuk barangan-barangan produk. Apa pun ternyata sudah menyimpang daripada kadar 40 peratus lebih murah daripada asal itu. Sekarang ada juga barangan tidak kisahlah promosi dan sebagainya sampai 28 peratus lebih tinggi daripada apa yang ada di *Carrefour*.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Contohnya cecair pencuci makanan. Saya tidak mahu lebih mendalam di situ. Yang saya ingin tingkatkan di sini saya fikir ini bukan satu penyelesaian yang panjang, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tolong ambil secara serius kerana kami bimbang kalau dibiarkan berlarutan dengan tidak ada keterbukaan, maka wang rakyat sebanyak RM40 juta ini akan dibazirkan kerana bukan kerja kementerian hendak wujudkan produk-produk baru. Kita pun tidak tahu syarikat mana yang dipilih untuk mewujudkan barangan-barangan ini. Yang kita tahu diedarkan dan di paket oleh Juta Sdn. Bhd.

Isu yang kedua berkait dengan kedai-kedai runcit yang wujud di luar bandar. Memang sekarang ini ditingkatkan menerusi Program TUKAR. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut untuk membantu mereka-mereka ini. Kalau hendak diberikan produk-produk Kedai Rakyat 1Malaysia, saya tidak bersetuju kerana pada saya ini bukanlah kerja kementerian, kerja kerajaan untuk mewujudkan barangan-barangan sebegini.

Kedua, saya hendak tanya komentar Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di bawah NKEA, di sebut dalam muka surat tiga, Bab 'C', untuk menyediakan peruncit untuk pelaksanaan *Goods and Services Tax.* Maksudnya beratus ribu kedai-kedai runcit di FELDA, di kawasan-kawasan luar bandar dalam program TUKAR tidak dijelaskan kepada mereka bahawa mereka ini hendak di naik taraf untuk menyediakan supaya dia boleh bayar cukai nanti menerusi GST. Saya mohon jawapan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Perkara yang sama. Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa pun, kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana KR1M ini sebenarnya mendapat sambutan yang begitu baik oleh rakyat. Seharusnya rakyat bersyukur dan pihak rakan-rakan di sebelah sana pun kena bersyukur kerana kalau kita pergi ke KR1M dia bukan tanya pun mereka parti apa. Kalau parti 'A' harga ini kalau parti 'B' harga ini. Tidak ada pun. Dia bagi sama sahaja. Sebab itu, saya...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Menyampuk]*

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Risaulah itu. Bukan apa. Yang Berhormat Pokok Sena itu dia gelabah sikit pasal KR1M ini. Dia bukan pasal apa. Cuma saya hendak tanya, sekejaplah Yang Berhormat Pokok Sena. Sabar, sabar! Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada tidak syarikat-syarikat lain selain daripada Mydin ini yang berminat? Ini sebenarnya tanggungjawab sosial. Saya rasa kalau syarikat lain sama ada Tesco atau apakah yang juga berminat untuk menawarkan harga murah, ini merupakan satu perkara baik. Apakah ada syarikat lain selain daripada yang ada sekarang ini berminat dengan ini?

Satu lagi ialah selain daripada kita wujudkan KR1M ini, Kedai Rakyat 1Malaysia ini, apakah juga boleh kedai-kedai runcit di luar bandar menjual barangannya tanpa kita wujudkan kedai tetapi juga barang KR1M ini. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita ada setengah jam lagi. Saya buat cadangan. Kalau panjang lagi jawapan itu, maksud saya jawapan kepada perbahasan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini, jawab dulu yang itu. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri layan semua celahan ini, kita tidak habis. Sampai petang pun tidak habis. Jadi, saya buat cadangan seperti itu kerana ada Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin yang tunggu sehingga jam 10.30 malam. Pada saya, mereka itu benar-benar prihatin. Jadi, harus timbang mana *opportunistic* soalan dan soalan yang dibangkitkan dalam perbahasan. Sila.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya teruslah sahaja menjawab tanpa celahan sebab banyak fakta di sini yang kita kongsikan yang sebenarnya ditanya tetapi sebenarnya ada ditulis di dalam catatan jawapan sini.

Tuan Pengerusi, mengenai KR1M yang tertumpu hanya di kawasan bandar sahaja, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan sentiasa prihatin dengan kebajikan seluruh rakyat. Namun, kita pun faham dengan kos sara hidup yang tinggi di bandar di mana rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana perlu juga menanggung perbelanjaan seperti sewa rumah, pengangkutan dan bahan makanan yang lebih mahal berbanding di luar bandar. Justeru itu kita juga menyasarkan terlebih dahulu membuka 85 buah KR1M sehingga tahun 2012 di seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Di samping itu kita akan membuka peluang untuk mana-mana individu, ini untuk menjawab apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Lenggong. Kita membuka peluang untuk mana-mana individu, syarikat, koperasi dan badan-badan pertubuhan untuk menjalankan perniagaan KR1M bagi meluaskan KR1M ke kawasan luar bandar. Selain itu, atas kesungguhan kerajaan untuk mendahulukan rakyat serta untuk memastikan rakyat di segenap pelosok negara mendapat manfaat daripada program ini. Barangan 1Malaysia seperti yang dijual di KR1M boleh juga dijual di kedai-kedai runcit serta di pelbagai format *outlet* perniagaan lain seperti di stesen-stesen minyak, kedai makan, koperasi-koperasi universiti dan lain-lain. Sehingga kini terdapat lebih 80 orang peniaga yang telah menjual barangan 1Malaysia di premis perniagaan mereka. Ini belum mengambil kira rangkaian kedai *D'Mart* FELDA serta Agro Bazar di bawah FAMA yang turut menjual barangan KR1M dan barangan Koop 1Malaysia.

■1230

Ingin saya maklumkan juga bahawa barangan Koop 1Malaysia juga disarankan untuk menjual 30 peratus hingga 40 peratus lebih murah. Semua usaha ini dilakukan bagi memastikan seluruh rakyat mendapat manfaat pelaksanaan program KR1M ini. Untuk menjawab soalan tadi, harga produk KR1M ini sama, tidak boleh ditokok tambahkan harganya, sebab kalau tidak, hilanglah manfaat kedai ini.

Untuk menjawab Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai RM40 juta, peruntukan sejumlah RM40 juta seperti yang dibentangkan baru-baru ini adalah bagi tujuan perbelanjaan pembinaan dan pengubahsuaian sebanyak 85 buah KR1M sehingga akhir tahun 2012. Kementerian sedang dalam perbincangan bersama dengan Kementerian Kewangan dan Pejabat Perdana Menteri untuk menyediakan garis panduan serta prosedur pembayaran bagi program KR1M ini. Ianya adalah untuk pengubahsuaian, sistem *point of sales* dan juga harga-harga ini, sebab kebanyakan premis-premis ini adalah bangunan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan juga GLC.

Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai Kedai Rakyat MAWIP, ia adalah kedai runcit milik MAWIP yang menjual barangan Kedai Rakyat 1Malaysia. Seperti yang saya katakan tadi, di mana kami sangat mengalu-alukan supaya mana-mana lagi pertubuhan juga mengambil kesempatan ini.

Tuan Pengerusi, isu berkaitan beli barangan Malaysia. Kempen Beli Barangan Malaysia merupakan susulan daripada Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia yang telah dilancarkan daripada tahun 1998. Penjenamaan semula kempen ini pada tahun 2009 hingga tahun 2011 adalah bertujuan untuk membantu merangsangkan pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan penggunaan tempatan. Ia juga bertujuan untuk mewujudkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti produk dan perkhidmatan buatan Malaysia.

Ekspo Beli Barangan Malaysia tahun 2010 secara keseluruhan telah berjaya mencatat jumlah jualan RM26 juta. Ekspo Beli Barangan Zon Tengah pada 25 Mei hingga 29 Mei di PWTC yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri telah menarik hampir 20,000 pengunjung dan telah menjanakan jualan RM12.9 juta.

Mengenai Anugerah Kedai Patut di mana kementerian menghargai pekedai-pekedai yang memberi harga yang berpatutan kepada pengguna, setakat ini ada 545 buah kedai harga patut di seluruh negara dan boleh didapati juga melalui portal kementerian.

Berkaitan dengan Perbadanan Harta Intelek, Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) telah diperbadankan pada 3 Mac 2003. Sebenarnya pelbagai usaha penambahbaikan telah dijalankan untuk membangunkan harta intelek Malaysia iaitu dengan mengadakan pindaan undang-undang dibuat dari semasa ke semasa dan juga memperkemaskan sistem pengoperasian pendaftaran. Salah satunya adalah memperkenalkan sistem permohonan *expedited examination* pada 15 Februari untuk paten dan cap dagangan. Di mana dengan *expedited examination* tersebut, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang terpantas untuk memproses permohonan paten dan cap dagangan.

Tuan Pengerusi, permohonan IP dari tahun 2003 adalah 27,646 dan meningkat kepada 34,511 pada tahun 2010. Jadi MyIPO juga menjalankan pelbagai aktiviti kempen kesedaran dan penggalakan pendaftaran harta intelek. Hasil dari usaha tersebut, pendaftaran harta intelek telah meningkat dengan baiknya.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tengok dalam bajet untuk 2012 ini, angka itu kosong. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan kenapa? Ini kerana aktivitinya banyak, programnya banyak tetapi tidak ada peruntukan yang disediakan. Ataupun memang kerajaan berhasrat untuk hendak swasta kan perbadanan ini? Minta penjelasan terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Pengerusi, berkaitan isu MyIPO yang tidak diberikan peruntukan di bawah Butiran 060000, B.25, ia adalah disebabkan MyIPO sudah mempunyai hasil dan peruntukan yang mencukupi bagi membiayai pengurusan dan operasi agensi tersebut. Jadi ini adalah satu kejayaan Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, MyIPO masih menerima peruntukan di bawah Butiran 13006, P.25, yang berjumlah RM4,650,000 bagi tujuan peningkatan keupayaan dan sistem penyampaian.

Tuan Pengerusi, ini yang terakhir, berkaitan iklan yang mengelirukan dan pernyataan palsu di dalam iklan. Kementerian sentiasa memantau dan mengambil tindakan terhadap iklan-iklan yang palsu dan mengelirukan pengguna berdasarkan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Perihal Dagangan 2011 yang mula berkuat kuasa pada 1 November. Seksyen 18 Akta Perihal Dagangan 2011 memperuntukkan kesalahan khusus bagi mana-mana orang yang membuat pernyataan palsu ataupun mengelirukan dalam sesuatu iklan, manakala beban untuk membuktikan bahawa iklan yang dibuat olehnya adalah benar dipindahkan kepada orang yang membuat iklan berkenaan.

Penalti yang boleh dikenakan kerana melakukan kesalahan ini juga telah ditambah iaitu bagi pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya. Oleh yang demikian, kementerian akan dapat menangani aktiviti pengiklanan palsu atau mengelirukan secara lebih berkesan berdasarkan peruntukan tersebut...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja. Sudah habis.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sekianlah sahaja di bawah kementerian ini...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagilah Yang Berhormat Timbalan Menteri, kasihan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih...

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berdiri sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menutup tetapi sebab saya menghormati wanita Tuan Pengerusi, saya terima.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Gading, sewaktu Timbalan Menteri bermurah hati tadi, Yang Berhormat tidak berdiri mencelah. Begitu juga Yang Berhormat Kubang Kerian. Apabila Timbalan Menteri telah penat lelah melayan semua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya menghormati beliau, Tuan Pengerusi. Saya akur, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, dia tidak layan semua. *Prepaid* tidak jawab, *prepaid.* Pra bayar.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM941,898,200 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM941,898,200 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM60,350,000 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2012 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM60,350,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2012.

Maksud B.27 [Jadual] -
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2012] -

Tuan Pengerusi: Maksud Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sri Gading.

12.58 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkas kerana saya menghormati masa dan yang penting, saya menghormati Tuan Pengerusi. Jarang Ahli Parlimen seperti saya menghormati Tuan Pengerusi.

Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jabatan (Projek Baru). Saya hendak bercakap tentang kawasan saya yang ada juga kaitan dengan Parlimen Parit Sulong dan juga Parlimen Batu Pahat. Parlimen Sri Gading, Parlimen Batu Pahat, Parlimen Parit Sulong. Projek ini projek baru. Jalan dari Parit Jalil ke Jalan Bakau Condong di bandar Batu Pahat yang jajarannya Tuan Pengerusi, ia termasuk Kampung Selulun, Pedada Kuning, Gombak, Asam Kumbang, di mana jalan ini kalau dibina jambatan dan jalan sekitar tujuh kilometer kedua-dua belah jambatan ini, ia akan menyenangkan penduduk-penduduk Batu Pahat di sebelah Seri Medan, Parit Sulong pergi ke bandar Batu Pahat.

■1240

Begitu juga daripada Semerah, daripada Muar ke Sri Medan, ke Yong Peng ia mendekatkan 30 minit masa perjalanan dan mengelak daripada gangguan kesesakan. Jadi saya harap ini *period* baru. Kalau boleh dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesepuluh kalau hendak dibuat pun tidak ada masalah Tuan Pengerusi. Saya menerima. Bukanlah mendesak sangat tetapi seboleh-bolehnyalah untuk kepentingan rakyat dicatat apa yang saya nyatakan tadi dan mudah-mudahan akan dilaksanakan. Di hujung-hujung Rancangan Malaysia Kesepuluh pun saya terima Tuan Pengerusi. Ini kemudahan bagi tiga Parlimen, tiga Parlimen Tuan Pengerusi. Ketiga-tiga Parlimen ini dikuasai oleh Barisan Nasional. Ini Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh hendak dengar, dikuasai oleh Barisan Nasional. Jadi kalau dibina, lagi kuatlah Barisan Nasional di ketiga-tiga Parlimen ini...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ulang sekali lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu satu. Kedua Tuan Pengerusi, ini pendek-pendek. Dalam butiran ini juga Tuan Pengerusi, tetapi butiran banyak kosong, kosong, kosong ya? Butiran kosong... *[Ketawa] [Disampuk]* Ini Tuan Pengerusi... *[Disampuk]* Hormatilah orang Batu Pahat. Lebuh Raya Utara-Selatan apa salahnya dilencongkan ke Batu Pahat.

Jadi kalau orang daripada Kuala Lumpur, utara ke Johor Bahru ke selatan ada jalan masuk ke Batu Pahat, Lebuh Raya Utara-Selatan. Saya pun peliklah. Agaknya pereka awal utara-selatan ini bukan orang Batu Pahatlah, bukan orang Johor agaknyalah. Orang manalah agaknya, dia tidak nampak pentingnya bandar Batu Pahat, bandar yang bersejarah dalam negara ini. Masuklah, Yong Peng ada, Ayer Hitam ada, kampung-kampung yang tidak berapa terkenal pun ada jalan masuk. Batu Pahat, Bandar Penggaram, ikut daripada Sri Medan masuk ke Batu Pahat. Saya tengok ada pembinaan ini, tidak tahu di sebelah Muar.

Jadi saya haraplah JKR bertimbang rasalah. Hormatlah orang Batu Pahat. Batu Pahat ini termasuklah orang Muar nanti. Jadi masuk, jalan masuk daripada projek Utara-Selatan. Saya sudah kemukakan...

Seorang Ahli: Susur keluar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Susur keluar ya? Yalah, susur keluar pun boleh, susur masuk pun boleh. Yalah, tidak pedulilah Tuan Pengerusi, masukkah, keluar tidak pedulilah. Apa yang penting, Yang Berhormat sahabat saya Timbalan Menteri JKR ini seorang yang baik Tuan Pengerusi. Kita haraplah JKR ambillah. Ini saya ingat, ucapan saya ini ucapan yang ketiga. Sudah berkali-kali saya bawa dalam tindakan daerah. Akan tetapi di Parlimen inilah tempat yang tertinggi saya harap binalah jalan masuk ke Batu Pahat. Jalan apa..., susur keluar? Pedulilah, apa istilah pun saya tidak peduli. Maknanya utara selatan. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Sila Ahli Yang Berhormat Pendang.

12.43 tgh.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. JKR - 60000. Saya sekali lagi ingin menyuarakan dalam masalah naik taraf jalan raya dan juga laluan.

Saya sudah bahaskan dalam peringkat dasar pada hari itu tetapi tidak mendapat jawapan daripada pihak kementerian iaitu jalan yang telah pun diluluskan, tender sudah dikeluarkan pada tahun 2006, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pengambilan tanah pun telah digazet dalam Enakmen Kerajaan Negeri tetapi apa yang menjadi masalah sampai sekarang ialah pemilik-pemilik tanah masih belum mengetahui lagi sama ada jalan ini akan diteruskan ataupun tidak kerana mereka menunggu dari segi status jalan ini iaitu jalan membabitkan projek *Trans Eastern Kedah Interland* bernilai RM217 juta, jalan timur-barat Pendang ke Sungai Tiang. Jalan itu sahaja, *stretch* itu sahaja berharga RM160 juta. Tender telah pun dikeluarkan pada 12 Julai 2005 dan ditutup pada 4 Ogos 2005.

Jadi saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian, apakah projek ini akan diteruskan kerana ia merupakan satu mungkin bebanan yang ditunggu-tunggu oleh penduduk sekitar antara Pendang dengan Sungai Tiang tersebut. Saya harap pada kali ini mendapat jawapan daripada pihak kementerian kerana pada peringkat dasar itu tidak mendapat jawapan daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

12.45 tgh.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang ambil perbahasan dalam Kementerian Kerja Raya ini. Tuan Pengerusi, di sini saya mengambil peluang ini menyentuh P.27, Butiran 09270, 09280, 010300 mengenai Membaiki dan Penurapan Jalan dan Membina Jalan. Akhir, pembangunan. Ini ketiga-tiga butiran adalah sekali gus. Tuan Pengerusi, kadang-kadang saya ada peliklah, ada sedih nampak belanjawan ini di angka dari Kementerian Kerja Raya. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun daripada Sarawak.

Begitu juga banyak kali kita sentuh penyelenggaraan ataupun membaiki jalan raya. Contoh saya nampak ini, peruntukan dalam tahun 2012 untuk membaiki dan penurapan jalan di Sarawak, seluruh Sarawak baru RM4 juta. Bukan ini pertama kali, berkali-kali hujung tahun. Hujan lebat, jalan raya banyak teruk, berlubang di sini-sana. Kali-kali nyawa terbang. Bila kita sebut dengan Kementerian Kerja Raya, beritahu Yang Berhormat Menteri, beritahu jabatan kerja raya negeri, semua satu jawapan Tuan Pengerusi, senang sahaja, peruntukan habis. *We don't have the fund*. Berkali-kali kita minta, mesti ingat, mesti ambil perhatian atas isu rakyat. Jawapan kali-kali sama, tetapi peruntukan tahun-tahun pun sama. Empat tahun mahu menyelenggarakan, mana satu kawasan di Sarawak?

Bintulu-Sibu, itulah jalan utama. Mintalah Kementerian Kerja Raya, tolonglah turun padang. Ambil maklumat berapa orang mati dalam hujung tahun, Kementerian Kerja Raya punya pasal. Ini saya marah Tuan Pengerusi. Bukan laju. Bila hujan, lubang tutup habis. Kancil satu kali masuk, pomm! Terus terbang terus... *[Ketawa]* Satu kali, kadang-kadang satu kereta dalam satu keluarga, terbang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Semua '*liao*'.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya tidak tahulah, mungkin Kementerian Kerja Raya ini kadang-kadang nampak orang ini terbang semacam anjing terbang sahaja. Kali-kali kita beritahu. Kali-kali sama. Bukan tarik balik, ini nampak macam serupa anjing mati. Bukan manusia mati. Biar sahaja! Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu, saya sudah dalam Dewan bahas dua kali dah. Jawab, kita akan ambil perhatian. Akan tetapi akan ambil perhatian.

Tahun ini saya nampak cukup sedih, tahun 2012 sama juga RM4 juta untuk seluruh Sarawak. Untuk Kuching sahaja pun tidak cukup. Macam mana? Bilalah saya mahu tanya? Bila Kementerian Kerja Raya baru faham dan boleh ambil perhatian atas perkara ini. Bila kementerian, Ketua Setiausaha boleh turun padang lihat, saya kasi dia cuba satu kali. Hari itu pilihan raya ADUN, dia sama Yang Berhormat Menteri pun sudah pergi cuba jalan raya itu. Macam mana? Bila saya tanya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri cakap ini sudah sampai hujung tahun. Peruntukan sudah habis. RM1 juta tahun 2012, saya tengok anggaran itu RM4 juta. Cakap, ceritalah RM4 juta pun tidak cukup... *[Disampuk]*

Kenapa kita tidak boleh buat satu anggaran? Belum lagi cerita Jalan Bintulu-Miri. Kalau jalan Bintulu-Miri punya *coastal highway* sudah banyak kali kita cerita. Jalan itu serupa macam disko. Sampai hari ini masih lagi disko... *[Ketawa]* Hari itu saya pergi, jalan raya saya nampak satu Kancil. Tidak tahu dia lajukah apa, saya tanya pemandu itu, dia cakap fasal dia terlampau disko, *lost control* dia terus terbang masuk kelapa sawit punya ladang di sana. Ini bila baru boleh membaik pulih, boleh memperbaiki? Ini pegawai-pegawai dari Kementerian Kerja Raya faham atau tidak? Saya mahu tanya, memanglah ini masalah, bila baru selesai? Janganlah hari-hari jawapan sama.

■1250

Ini lagi satu. Membina jalan... *[Disampuk]* Lampu SESCO kurang. Kalau lampu SESCO ada Tuan Pengerusi, memang baik sedikit, hanya ia tidak masuk ladang itu, ia boleh nampak sedikit. Ini jalan raya, pembinaan jalan raya. Ini jalan raya Kuala Serupai. Bila baru mahu bina? Berkali-kali kita umum. Bila Pilihan raya Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi umum lagi. Tidak, tidak, kita mesti mahu bina kali ini. Akan tetapi dalam ini tahun. Saya tidak tahu Tuan Pengerusi, ini tinggal satu bulan lebih lagi. Tidak tahu bila kata ini. Kata tahun ini, janji mesti bina. Bila saya melawat kawasan, penduduk kawasan sana kata sama saya, kawasan ini sudah tiga kali. Rasmi dua kali, satu kali lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri umum, kata ini kali sebelum hujung tahun mesti mahu bina.

Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kali ini kata bila. Kata bila. Bulan Disember kalau kita kira, banyak tahun ada bulan Disember. Saya tidak tahu. Saya mahu minta penjelasan mesti mahu kali ini cakap juga. Bila betul-betul boleh kita bina jalan ini? Tuan Pengerusi, kita mahu ucap terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya. Hari itu buat *presentation* kepada kita, Jawatankuasa Dewan bagaimana kita mahu mengubahsuai Parlimen ini. Akan tetapi saya nampak pegawai-pegawai ini ataupun siapa-siapa dalam kementerian ini tidak ambil perhatian. Kita tidak boleh lukis sendiri. Mestilah, bukan kita, saya hari ini puji sama Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya tanyalah Tuan Pengerusi. Tanya Tuan Pengerusi, bagaimana mahu ubahsuai. Tanyalah Jawatankuasa, bagaimana hendak ubahsuai. Ubahsuai...

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]: Ubahsuai apa?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Parlimenlah!

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Oh.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]: Cakaplah, ubahsuai Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tidak dengar.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, boleh hantar ini dua orang kasi keluar sekejap?... *[Ketawa]* Ini bila kita buat ubahsuai dalam Parlimen, *layout*kah, bagaimanakah, apa sepatutnya mahu masuk, apa sepatutnya mahu kita tarik keluar, rundinglah dengan Tuan Pengerusi kita. Saya rasa...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Laluan, laluan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Kita Jawatankuasa ini, dipengerusikan oleh Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi lebih tahu keperluan Parlimen. Bukan pegawai-pegawai daripada kementerian.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kamu pun mahu masukkah? Semua pun mahu masuk. Okey, Parlimen.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Apabila Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan soal...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Apa pula Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Oh, Yang Berhormat Bintulu, Bintulu. Maaf Yang Berhormat Bintulu. Apabila Yang Berhormat Bintulu membangkitkan soal ubahsuai Bangunan Parlimen, saya merasa amat bersetuju dengan Yang Berhormat Bintulu kerana motto JKR sendiri pun untuk kita mendapat reka bentuk yang menarik selepas kita mengambil kira pandangan daripada Jawatankuasa Dewan, Ahli-ahli Parlimen dan lain-lain, baru kita dapat satu keadaan yang lebih baik.

Dahulu kita sudah buat ubahsuai beberapa kali dan kita lihat sesi ubahsuai kita yang menelan ratusan juta ringgit, apa yang berlaku dengan kedudukan ataupun pandangan kita pada masa kini. Barang-barang yang telah kita buat selain daripada kebocoran, tidak berkualiti. Tidak mencapai tahap sepatutnya 50 tahun, 60 tahun, jenis kayu yang digunakan, *plywood,* jadi kualiti yang rendah kerana pada masa itu mungkin kita tidak tahu apakah bentuk kawalan yang dibuat oleh pihak JKR. Ini kita mendapatkan pandangan. Tuan Pengerusi harus menjadi rujukan utama kerana keperluan, bukan kakitangan JKR yang akan bersidang di Dewan ini, Ahli-ahli Parlimen yang bersidang. Mesti ikut kesesuaian dan kehendak Ahli-ahli Parlimen. Contohnya, klinik. Dicadangkan hendak letak di *base,* bawah tanahkah, *underground*kah, katanya.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: *Basement.*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *Basement*. Kena tengok. Ahli-ahli Parlimen ini kadang-kadang ada yang- kalau berlaku *emergency*, kita tidak minta, kecemasan pada masa itu, ambulans hendak datang, hendak ambil yang berdekatan. Kena buat kajian. Sejarah sudah ada berlaku. JKR ini pun kadang-kadang Yang Berhormat Timbalan Menteri kena ambil perhatian, pandangan Yang Berhormat Bintulu berhubung perkara ini.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih. Saya memang setujulah Yang Berhormat Arau. Saya memang ada cita yang baik, masuklah saya punya sebahagian. Memanglah kadang-kadang haraplah, jangan sampai masa, semua datang mahu ambil mayat sahaja... *[Ketawa]* Yang Berhormat Arau sudah kata banyak susah. Ambulans itu kalau datang lewat sudah tidak ada. Memang ambil mayat sahaja. Hendak ambil apa lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh mencelah di sini? Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Bintulu. Saya terkejut Tuan Pengerusi. Terkejut Tuan Pengerusi.

Kalau benar apa yang didakwa oleh Yang Berhormat Bintulu bahawa Tuan Pengerusi tidak dirujuk bagaimana hendak membuat sebuah Parlimen yang selesa kepada Ahli Parlimen.

Saya terkejut Tuan Pengerusi. Kita ini akan bersidang sehingga awal bulan Disember. Selepas itu kita berehat. Ini ada peluang pihak JKR membuat ubahsuai yang sebaik-baiknya setelah merujuk kepada Tuan Pengerusi. Kami Ahli Parlimen, untuk minum kopi dalam khemah Tuan Pengerusi. Dalam khemah. Wartawan-wartawan duduk bersimpuh, bersepah Tuan Pengerusi. Mereka bekerja, kita hari ini bersidang 12 jam, 12 setengah jam Tuan Pengerusi. Tolonglah. Jadi, saya haraplah Tuan Pengerusi lebih faham apa keperluan Ahli Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri JKR, tolonglah rujuk kami punya Tuan Pengerusi. Kalau tidak kita rujuk kepada dia, siapa lagi yang kita harus rujuk. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Memanglah saya setuju. Ambillah, masuk saya punya bahagian.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Yang Berhormat Bintulu sedikit, sedikit. Tambah, tambah sedikit.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ada *time* lagikah Tuan Pengerusi?

Seorang Ahli: Boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bintulu, Bintulu, ingat masa sedikit. Saya sudah bagi laluan dua minit.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Setengah minit, setengah minit.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Labuan.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya ingin menambah. Apabila kita melihat Ahli-ahli Parlimen kita yang di belakang, baik daripada Barisan Nasional mahupun pihak pembangkang, kita banyak *engineer* di sini, *civil engineer*. Kenapa kita tidak dilibatkan dalam pengubahsuaian dan sebagainya kerana *expertise* yang ada di sini bukan sahaja Ahli Parlimen tetapi mereka juga mempunyai pengalaman-pengalaman yang cukup bagus. Mungkin ada sebahagiannya lebih baik daripada pengalaman daripada mereka yang ada di kementerian ataupun konsultan-konsultan yang membuat *design* dan sebagainya. Cuma untuk meraih keuntungan daripada peruntukan-peruntukan tersebut. Kalau boleh *refer*lah, rujuklah kepada para *engineers* daripada Ahli-ahli Parlimen yang ada di Parlimen ini untuk membantu Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Ya, saya juga berpendapat sama dengan Yang Berhormat Bintulu. Mengapa klinik kita akan diagihkan kepada *basement*. Kalau apa-apa terjadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Tuan Pengerusi, adakah kita akan lari ke *basement* ataupun doktor dari *basement* akan lari ke Dewan. Saya khuatir seperti abang saya Yang Berhormat Sri Gading. Kadang-kadang Yang Berhormat Sri Gading berucap lagu nyanyi P.Ramlee, okey. Akan tetapi kadang-kadang dia sungguh beremosi. Kalau apa-apa berlaku, bolehkah Yang Berhormat Bintulu dan saya lari ke *basement*. Itu yang saya amat prihatin. Sila jawab... *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat dari Labuan dan Telok Intan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Bintulu sedikit. Hendak bantu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Haiya. Awak cili padi, apa awak mahu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Yang Berhormat kata bangunan lama yang akan diubahsuai tetapi bagaimana pula dengan pandangan Ahli Parlimen untuk bangunan sementara waktu ini. Yang akan digunakan untuk satu tempoh tertentu. Kita beri contoh. Yang Berhormat Bintulu ada melawat klinik atau tidak? Klinik di bangunan ini di mana tidak digunakan, Tuan Pengerusi.

Kita tengok ada tilam, ada bantal tetapi doktor tidak datang ke klinik ini. Tidak digunakan langsung walaupun ini bangunan sementara tetapi mesti ada konsultasi dijalankan agar tiada pembaziran. Adakah Yang Berhormat Bintulu setuju?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Memanglah saya setuju apa yang dikatakan daripada Yang Berhormat Labuan. Memanglah kita di sini, Ahli Parlimen pakar pun banyak. Patutlah kita duduk berbincang dan *consult*, Yang Berhormat Menteri yang menjaga Parlimen pun ada, terutama sekali jangan lupa Jawatankuasa dipengerusikan oleh Tuan Pengerusi mestilah hubungkan. Tanyalah pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Batu Gajah, katil itu tidak sesuai. Itulah doktor tidak datang. Itulah hari ini kita sentuh. Kalau Yang Berhormat Batu Gajah mahu tidur sana pun tidak mahu... *[Ketawa]* Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi perempuan dahululah, Yang Berhormat Batu Gajah.

2.33 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi peluang kepada saya untuk berucap. Saya ingin merujuk kepada butiran ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, butiran 060200 - Bayaran Pampasan Tol.

Kita menyedari awal tahun ini kerajaan mengumumkan penangguhan kenaikan tol untuk beberapa lebuh raya tetapi kita merasakan pengguna-pengguna lebuh raya masih dibebankan dengan kos yang tinggi dan pada masa yang sama tidak memperoleh perkhidmatan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, apabila tiba musim perayaan ataupun cuti berturut-turut tiga hari, jika kita menggunakan lebuh raya kita akan mengalami kesesakan yang terlampau dan juga balik kerja. Banyak kali telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong berkenaan kesesakan di Jalan Puchong di mana bukan sahaja kena membayar kalau melalui NPE, melalui tiga tol tetapi perjalanan yang sesak dan tidak lancar. Jadi masih merugikan orang ramai.

Tuan Pengerusi, kalau Tuan Pengerusi adalah pemegang kad *Touch 'n Go*. Saya percaya Tuan Pengerusi adalah pemegang kad *Touch 'n Go* dan mungkin ada juga bersama dengan *SmartTag.* Ia amat membebankan dan merugikan pemegang kad. Saya sudah buat perbandingannya, sebagai contoh Hong Kong. Mereka ada *Octopus Card* untuk kemudahan menggunakan pengangkutan awamnya. Kad *Touch 'n Go*, kita beli dengan kos RM10. Selepas itu kalau kita tidak mahu guna, kita tidak boleh pulangkan dan setiap kali kita mahu tambah nilai, kebanyakannya dikenakan kos 50 sen.

Memang benar, kalau kita adalah *customer* CIMB dikecualikan 50 sen dan stesen minyak tertentu dan kalau kita pergi ke beberapa kaunter atau pejabat PLUS, kita dikecualikan atau melalui lorong-lorong tertentu tambah nilai yang sangat sedikit, kita dikecualikan 50 sen tetapi lain-lain tempat semua dikenakan caj 50 sen.

Tuan Pengerusi, tadi saya kata beli kad RM10, tidak boleh dikembalikan. Tambah nilai kebanyakannya tempat tambah nilai yang ada dikenakan 50 sen tambah nilai dan selepas itu kalau kad *Touch 'n Go* tidak digunakan setahun, untuk guna semula, aktifkan semula kita kena potong RM5. Tuan Pengerusi, saya tidak tahu kalau *Touch 'n Go* tidak digunakan setahun, dia tidak boleh digunakan dan hendak aktif balik potong RM5. Selepas itu tempoh hayat kad *Touch 'n Go* 10 tahun dan selepas itu sudah tidak boleh guna dan kena beli yang baru. Tuan Pengerusi, tahukah Tuan Pengerusi ini apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini saya setuju.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi saya rasa pernah perkara ini dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya diberi jawapan bahawa 50 sen ini dikenakan oleh syarikat untuk kos pentadbiran pihak ketiga. Akan tetapi saya rasa apabila syarikat *Touch 'n Go* menyediakan perkhidmatan ini dan mengenakan RM10 untuk pembelian kad, ia mesti disertakan dengan percuma dan juga kemudahan yang banyak dan mudah diperolehi untuk tambah nilai juga tidak boleh mengenakan 50 sen.

Jadi negara mana yang ada sedemikian, sudah beli kad tambah nilai, 50 sen dikenakan. Jangan beritahu saya di mana boleh tambah nilai tidak bayar 50 sen tetapi kebanyakan tempat kita perlu bayar 50 sen. Seharusnya semua tempat tambah nilai tidak perlu kena tambah 50 sen. Tuan Pengerusi, saya harap perkara ini...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *Service* memang kena bayarlah Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf, siapa? Akan tetapi sudah beli RM10, ini monopoli syarikat *Touch 'n Go* yang bahaya Yang Berhormat Arau. Ini jangan jadi jurucakap syarikat *Touch 'n Go* bagi membebankan orang ramai. Sokong, cakap perkataan dan kata-kata yang baik. Pemegang kad *Touch 'n Go* bukan jurucakap syarikat *Touch 'n Go*. Betul Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini *Touch 'n Go* macam AirAsia jugalah, dia makan banyak.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa Yang Berhormat Kinabatangan? Jadi saya haraplah perlu dikaji semula, dihentikan mengenakan kos 50 sen oleh Syarikat *Touch 'n Go* yang saya percaya kemudahan ini telah diberi kepada pihak ketiga untuk mengendalikannya.

Saya juga bangkitkan berkenaan Butiran 02800 - Memperbaiki/ Mengganti dan Menaik Taraf Jalan dan Jambatan. Saya pernah menulis surat kepada JKR di Ipoh meminta agar jambatan berhampiran kawasan perindustrian Lahad, berhampiran Balai Bomba Pangkalan Jaya di Ipoh diperluaskan Tuan Pengerusi sebab di sana ada *shopping mall* yang besar akan sempurna dibina pada tahun ini. Buat masa sebelum *shopping mall* ini siap dibina, setiap kali masa bekerja, kesesakan yang teruk sebab apabila dua lorong jadi sempit apabila sampai ke jambatan.

Jadi saya menulis kepada JKR dan JKR ada menjawab. Saya menyatakan bahawa projek ini telah dibuat dengan menyenaraikan cadangan kerja di dalam senarai projek Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi ia tertakluk kepada kelulusan pihak EPU dan Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya pohon agar Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ambil perhatian agar perkara ini boleh diatasi dan jangan sampai apabila orang ramai membantah kerana kesesakan yang begitu teruk selepas pembukaan *shopping mall* tersebut, ia amat menyulitkan orang ramai.

Saya juga diminta untuk membangkitkan satu perkara Tuan Pengerusi tetapi tidak tahu letak di mana. Nanti saya bangkitkan semula apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1440

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenggara.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang baru masuk terus dapat kah?

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Apa baru masuk? Dari pagi tadi masuk, tahu!

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, boleh tidak beri keutamaan kepada mereka yang pukul 2.30 petang masuk tadi, memberi penghormatan semasa Tuan Pengerusi masuk tadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak Yang Berhormat, saya ternampak Tenggara dulu Yang Berhormat.

2.21 ptg.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara.

Pertama, yang berkaitan dengan Butiran 81000 Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru). Kementerian Kerja Raya mendapat pertambahan peruntukan sebanyak 40 peratus Yang Berhormat Menteri berbanding pada tahun 2011 daripada RM4.1 bilion kepada RM5.8 bilion bagi tahun 2012 iaitu sebanyak RM1.7 bilion.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan Butiran 81000 ini Membina Jalan-jalan Baru yang diperuntukkan iaitu RM1.08 bilion bagi tahun 2002 berbanding dengan hanya RM420 juta pada tahun 2011. Saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri peruntukan Kementerian Kerja Raya berhubung dengan projek jalan-jalan baru yang akan dilaksanakan bagi tahun 2012.

Saya ingin memohon supaya kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan projek jalan baru sudah tentulah dalam kawasan saya, dalam kawasan Parlimen Tenggara, Yang Berhormat Menteri tolong catit. Satu, jalan Kampung Temenin Baru ke Jalan Lombong. Kedua, jalan Kampung Desa Makmur hingga Kampung Desa Damai. Ketiga, Jalan di Kampung Temenin Lama ke Gunung Panti. Keempat, jalan daripada Bandar Petri Jaya ke Jalan Mersing. Kelima, jalan Kampung FELDA Penggeli Timur ke Jalan Bandar Tenggara.

Surat sudah hantar banyak kali, kali ini hendak bangkit dalam perbahasan Parlimen kerana kalau hantar surat, selalu bila hantar surat jarang-jarang mendapat jawapan daripada pihak kerajaan. Jadi, kalau kita harap kalau bangkit dalam Parlimen ini terus dapat jawapan, dalam jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, Kementerian JKR sentiasa menjawab. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya berhubung dengan pembinaan jalan-jalan baru juga di bawah Kementerian Kerja Raya, saya hendak membangkitkan soal mutu jalan raya baru ini yang biasanya kurang memuaskan, mudah rosak dan sentiasa selalu perlu diselenggarakan. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan daripada kementerian berhubung dengan kebenaran yang jalan ini memang mudah rosak dan sejauh manakah kementerian meningkatkan lagi teknologi...

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Boleh saya. Minta izin.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Okey, boleh.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Okey, terima kasih Yang Berhormat, Tuan Pengerusi. Saya hendak sambut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tenggara tadi. Mintalah kakitangan dan pegawai, *engineers* JKR. Tidak perlu pergi ke Bangkok, pergi ke Padang Besar, sempadan antara Perlis dan Thailand itu dan masuk ke Pekan Padang Besar. Kualiti jalan yang dibina tinggi lebih baik daripada Malaysia. Kalau kita pergi ke seluruh Thailand daripada sempadan terus ke Bangkok jalan-jalan berkualiti tinggi kerana teknologi dan cara mereka membina dan bekerja...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak ada tol. Tol tidak ada.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Saya hendak minta Yang Berhormat kalau boleh masukkan apa yang saya sebutkan ini dalam ucapan. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Besar. Saya masukkan dalam ucapan saya. Jadi saya harap kerajaan tengok balik terutama kepada kualiti-kualiti pembinaan jalan raya ini kerana biasa bila kita, bila rakyat di peringkat akar umbi ini Tuan Pengerusi, bila sebut jalan JKR semua tahu bagaimana kualiti jalan JKR. Kalau hendak bandingkan dengan jalan luar bandar jalan DO dan sebagainya. Jadi kita harap pihak kementerian dapat *maintain* standard jalan JKR yang sebenarnya.

Selain daripada itu, secara tidak langsung akan dapat mengurangkan kos penyelenggaraan yang diperlukan ke atas kualiti jalan yang tidak sepatutnya di lakukan oleh kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab ini. Jadi saya hendak tahu bagaimana kementerian membuat pemantauan ke atas kualiti kerja oleh kontraktor-kontraktor yang tidak mematuhi kepada piawaian jalan-jalan JKR ini. Selain daripada itu, menyentuh kepada Butiran...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh tanya sikit. Sikit sahaja...

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Jemput Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat bersetuju tidak kalau sekiranya saya cadangkan supaya ada hadnya *subcontracting* ini. Kadang bila bagi kepada main *contractor*, dia sub *contract* itu sub satu sub satu sub. Jadi bak akta orang Cina "*sub sub sui"*. Oleh sebab itu bila dia sub kalau sampai lima, enam kali sepuluh kali jadi dia sebahagian besar daripada bajet itu *maybe* 50 peratus, 60 peratus pergi kepada keuntungan *subcontractors*, yang tinggal untuk material untuk kerja-kerja tidak sampai separuh.

Jadi dengan sebab itu mengatasi masalah ini seperti sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi hendak menjaga kualiti kita hadkan, JKR hadkan kalau hendak *subcontract* pun satu sahaja *subcontractor,* daripada main terus *subcontractor* seorang. Jadi dengan itu dia boleh mengawal kos dan mengawal kualiti. Jangan sampai tidak tahulah kadang-kadang sampai tujuh, lapan *subcontractor.* Setuju tidak Ahli Yang Berhormat mengenai ini?

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Setuju Yang Berhormat Pasir Salak. Ini yang kadang-kadang ini bila dah sub, sub, sub, sub sampai *"sub sub sui"* ini yang tinggal tulang sahaja. Jadi akhirnya bila kualiti yang diharapkan sampai kepada rakyat, itu yang jadi tidak senonoh kerja. Jadi mangsa ialah rakyat jelata dan akhirnya yang mengambil kesempatan ini penggodam-penggodam politik ini daripada pembangkang. Dia kata kerajaan buat kerja tidak senonoh dan sebagainya. Jadi kita jangan bagi ruang kepada mereka ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 61000 - Naik Taraf Jalan-Jalan (Projek Baru) juga. Saya juga ingin mohon pertimbangan supaya Yang Berhormat Menteri dapat masukkan jalan-jalan dalam kawasan saya ini.

Naik taraf Jalan Semangar ke Jalan Kluang, naik taraf jalan utama ke Kampung Lipat Kajang, naik taraf jalan Kampung FELDA Bukit Ramon ke Kampung Rantau Panjang, naik taraf jalan dari Kampung Kelantan ke Kampung Panti. Bina jalan dari Kampung Lukut ke Kota Tinggi. Ini semua masukkan ke dalam senarai.

Untuk seterusnya bawah Butiran 060200...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: ...Bayaran pampasan tol.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Saya hendak bangkitkan tentang Butiran...

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Kalau semua sudah masuk sama dia, kita makan apa?

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Saya membela nasib pengundi-pengundi dalam kawasan saya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Saya masa sepuluh minit sahaja Yang Berhormat. Yang Berhormat bawa dalam urusan Yang Berhormat nanti.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ini macam JKR kawasan Yang Berhormat tidak buat kerja.

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Untuk Butiran 060200 Bayaran Pampasan Tol. Saya hendak bangkitkan tentang butiran ini. Kita dapat lihat ini bayaran pampasan tol sebanyak RM343 juta bagi tahun 2012 berbanding RM200 juta bagi tahun 2012.

Saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan ini. Mengapa kerajaan masih lagi menanggung pampasan bayaran tol ini. Bagi tempoh dua tahun ini kerajaan dijangka akan membelanjakan lebih daripada RM500 juta untuk pampasan tol. Sedangkan peruntukan ini kalau kita boleh gunakan untuk bina jalan raya, selenggarakan jalan raya yang kualitinya tidak baik yang dulu-dulu kita sudah buat dan sebagainya. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan.

Berhubung dengan tol ini juga, saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Batu Gajah tadi tentang *Touch 'n Go* itu. Saya haraplah supaya prasarana untuk tambah nilai *Touch 'n Go* ini terutama bagi perjalanan Lebuh Raya Pantai Timur ini ditambahkan kaunter-kaunternya terutamanya di stesen-stesen minyak dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi yang terakhir. Saya setuju dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Bintulu ini. Saya harap kerajaan terutama kementerian JKR ini ambil maklum. Ini tentang klinik Parlimen ini yang hendak diletakkan di *basement* ini secara tetap ini, secara kekal. Saya harap isu klinik ini Tuan Pengerusi tidak ada bangkit lagilah dalam sidang Parlimen pada masa-masa yang akan datang. Saya tidak faham kenapa isu klinik Parlimen ini menjadi isu sepanjang masa. Dalam bab kita membincangkan Kementerian Kesihatan bangkit, JKR bangkit. Bila bab memberikan perkhidmatan kesihatan kepada Ahli-ahli Parlimen bab klinik kesihatan ini sentiasa menjadi isu... *[Yang Berhormat Sekijang memberi isyarat]* Eh, kenapa ini?

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara]: Hendak minta laluan? Okey, silakan.

■1450

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Takkan main sentuh-sentuh Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kena tepuk, baru dia bagi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Tenggara... *[Ketawa]* Saya begitu tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenggara dan tadi dari Yang Berhormat Bintulu tentang klinik di *basement* ini. Setahu saya *basement* ini selalunya tempat letak kereta sahaja tetapi kalau sudah letak klinik di *basement* ini, saya ingat udara pun tidak begitu hendak mengalir. Jadi, bila orang yang sudah sakit kita letakkan di tempat yang lagi sakit, saya ingat dia matilah nanti. Saya rasa tidak begitu sesuailah. Kalau boleh kita ubah baliklah. Tengok balik. Saya minta di *design* kan balik. Minta arkitek-arkitek dari JKR ini tengok balik perkara ini supaya kalau boleh letak sama *level* dengan tempat kita bersidang seperti mana yang ada sekarang ini.

Kalau sudah letak ke bawah saya ingat, saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat daripada pembangkang ini setuju. Saya ingat dari Barisan Nasional tidak berapa setuju. Jadi, saya minta ini diperbetulkan balik. Apa pendapat Yang Berhormat Tenggara?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Tuan Pengerusi, saya harap isu klinik ini jangan dijadikan isu lagi. Letaklah di tempat yang sedia ada kerana klinik ini memberikan perkhidmatan kesihatan kepada Ahli-ahli Parlimen. Bukan sahaja kepada Ahli-ahli Parlimen tetapi kepada sesiapa juga yang berada di Parlimen. Kenapa klinik kesihatan ini sentiasa menjadi sebab? Sekejap hendak dipindah di sini, di sana dan akhirnya hendak dipindahkan di *basement*. Hendak dibekukan kah semua Ahli Parlimen yang di bawah ini?

Saya tidak faham apa masalah sebenarnya klinik ini kepada kementerian? Apa masalah sebenarnya? Saya difahamkan ada kata-kata yang mengatakan bahawa pihak atasan setuju supaya klinik ini dipindahkan ke *basement* dan sebagainya. Jadi, saya minta supaya pihak kerajaan buat ketetapan sebenar supaya klinik ini dikekalkan di situ, supaya klinik ini dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada kami Ahli-ahli Parlimen. Supaya klinik ini tidak dipolitikkan kedudukannya dan supaya klinik ini akan dapat terus memberikan perkhidmatan yang baik kepada kami. Ya, jemput Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masa cukup!

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Nanti kejap. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tenggara berhujah, kita berdiri di depan ini pun tidak perasan. Tuan Pengerusi, klinik ini satu hal. Satu hal yang lain pencegahan lebih baik daripada mengubati, *prevention is better than cure*. Klinik hendak ubat orang sakit. Hendak cegah Ahli Parlimen dari sakit kena ada satu kaedah iaitu menjaga kesihatan. Menjaga kesihatan ini Tuan Pengerusi, cara yang terbaik ialah dengan mengekalkan tahap *exercise*, berada di satu yang ada ruang, tempat dan sebagainya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dewan untuk bahas.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Jangan hisap rokok.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dewan kita yang kita duduk ini Tuan Pengerusi, sebenarnya gelanggang badminton, saya ingat saya main badminton di sana. Yang Berhormat Kuala Kedah pun ada main badminton di sini. Yang Berhormat Kota Melaka, kalau tidak tahu cerita orang jangan cakap. Saya sudah tiga bulan tidak merokok... *[Ketawa]* Tidak tahulah Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Pengerusi, ceritanya di sini juga Yang Berhormat Tenggara, terdapat sebuah sauna sebelum ini. Terdapat sebuah *locker-room* dan sebuah ruang untuk *exercise*, gimnasium. Suka tidak suka ketika itu Tuan Pengerusi, memang ada Ahli Parlimen yang menggunakan ruang-ruang ini untuk *update* kecergasan mereka. Jadi kalau bercakap tentang klinik tadi, Yang Berhormat Tenggara setuju atau tidak kalau kita katakan bawa balik semulalah. Cari ruang mana-mana untuk sediakan bagi Ahli Parlimen yang tidak ada masa hendak *exercise*, berlatih dan sebagainya menggunakan tempat ini di mana-mana jugalah kerana peruntukan amat besar untuk pembaikpulihan Parlimen ini. Saya seorang jurutera Tuan Pengerusi. Saya tidak dapat hendak mengaitkan satu *meter square* dengan kos peruntukan yang telah dicadangkan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Tangga Batu itu. Letakkanlah segala kemudahan asal semua Ahli Parlimen sihat, asal tidak ada kamera di dalam cukuplah. Maka dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena. Selepas itu Yang Berhormat Arau.

2.55 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bersama-sama dalam perbincangan ini. Saya ingin menyentuh Butiran 010000 – Pengurusan KKR; Butiran 010300 – Pembangunan; dan Butiran 040000 – Sektor Pakar.

Pertamanya, saya hendak sentuh berkaitan dengan soal Parlimen tadi, saya bersetuju dengan rakan-rakan bahawa sepatutnya pihak JKR harus mengambil perhatian perkara ini. Kita tidak perlu tergesa-gesa kerana kita punya masa yang cukup bagi saya walaupun ada tempoh yang sudah ditetapkan oleh pihak JKR. Akan tetapi dahulu, semasa hendak membuat bangunan sementara menggunakan satu kaedah darurat. Jadi, tidak sempatlah hendak panggil semua. Kita panggil satu syarikat dan bagi dia buat tetapi yang ini kita kena ambil masa lah. Kami Jawatankuasa Dewan ini baru dua kali diberi taklimat tentang soal ubah suai dan juga pembinaan baru. Saya dapati kalau ikut jadualnya, bulan ini sudah pun mula proses untuk mengeluarkan tender.

Jadi, saya minta masih belum terlewat untuk mengambil kira semua pendapat dan pandangan-pandangan yang disebut tadi sebab bagi saya kenapa kita hendak ubah klinik yang sedia ada di tempat yang sudah pun sesuai ke satu tempat yang jauh, yang menyusahkan dan menyulitkan semua pihak. Jadi, saya minta harus diberikan perhatian yang baik dalam soal ini. Maknanya bagi saya kena berbincang lebih banyak dengan Jawatankuasa Dewan ini khususnya walaupun kami ini bukan dari golongan pakar dalam *construction*, dalam penyediaan, arkitek dan sebagainya. Akan tetapi bagi saya kita juga punya pendapat dan pandangan dengan kita akui kepakaran yang sedia ada kepada pihak JKR.

Keduanya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan sejauh mana pihak JKR melakukan satu semakan harga terhadap projek-projek yang dibuat untuk runding terus sebelum ini. Ini sebab bagi saya bahawa ini untuk kita hendak lihat...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...Butiran berapa?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya sudah baca butiran tadi. Ini untuk kita melihat berapa sebenarnya kehilangan wang negara kita ini, wang rakyat yang hilang akibat dari projek runding terus. Ini kerana saya dapati bahawa terdapat beberapa projek JKR yang dibuat secara runding terus dan kesemuanya melibatkan projek institusi pengajian. Adakah pihak kementerian menyemak kos projek yang dibuat secara runding terus itu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Malaysia Kesembilan untuk semua universiti tempat dan hospital. Adakah pernah disemak beberapa kos yang terpaksa kerajaan tanggung jika dibuat secara tender runding terus berbanding dengan tender terbuka ataupun tender *selective?*

Contoh saya beri projek yang dibuat secara runding terus ini iaitu projek Pembinaan Latihan, Pengajaran dan Kemahiran Lanjutan Tanjung Malim, Perak (CIAST), RM100 juta diberikan kepada Uzaimin Enterprise daripada Alor Setar, seorang kontraktor daripada Alor Setar. Kemudian projek UniKL Malaysia Institute Aviation Technology (MIAT) Subang, diberikan kepada Nadi Cergas. Ini contohlah. Kemudian projek Institut Kemahiran MARA (IKM) Seberang Prai Utara – RM80 juta. Ini contoh. Maknanya kita harus menyemak kos sebenarnya. Kalau dibuat dalam tender terbuka, berapa harga yang boleh kita jimat dan berapa kehilangan yang dibuat melalui runding terus ini.

Begitu juga dengan projek ini. Sepatutnya kita hendak tahu juga. Kami sebagai Ahli Parlimen hendak tahu kalau JKR boleh buat semakan harga. Kalau dengan apa yang sedia ada di Dewan ini, kalau dibuat secara tender terbuka berapa sebenarnya kosnya? Berapa kita boleh dapat dan berapa penjimatan yang boleh kita lakukan sebab saya lihat contohnya ya. Saya pun tidak tahu macam mana tangga kita hendak naik pergi sembahyang di surau atas itu.

■1500

Diletak peringatan di situ, ”Awas, siling rendah”. Jadi saya katakan bahawa macam mana dibuat bangunan tidak mengambil kira, kalau dah dikatakan untuk dibuat surau itu ada tangga, sepatutnya siling itu, *beam* itu lebih tinggi daripada kepala kita. Ini dah hampir. Kalau saya ataupun Yang Berhormat Arau umpamanya pakai kasut agak tinggi lebih sikit, mungkin boleh terhantuk, tambah pula kalau kena kepala macam Yang Berhormat Pasir Salak... *[Ketawa]* Saya cuma tunjuk contoh bagaimana pembinaan yang tidak dibuat secara teliti dari segi pelan, lakaran dan sebagainya. Jadi sebab itu saya minta bahawa boleh apa kiranya kalau semakan ini dibuat untuk kita hendak lihat berapa kehilangan yang berlaku.

Kemudian berkaitan dengan RISP iaitu *Registered IBS Service Provider*. Saya ingin mendapat satu penjelasan. Walaupun ini satu benda yang baik tetapi bagaimana kerajaan khususnya kementerian boleh memastikan bahawa pembekal IBS ini tidak hanya dimonopoli oleh pembekal-pembekal yang ternama umpamanya? Ini kerana pembekal-pembekal ini terpaksa berpindah daripada pembekal biasa kepada menggunakan teknologi IBS ini, ia memerlukan modal yang sangat besar. Jadi sebab itu saya minta bagaimana pihak kerajaan boleh memastikan khususnya Kementerian Kerja Raya bagi memastikan bahawa pembekal itu tidak hanya dimonopoli oleh pembekal-pembekal yang ternama kerana mereka berupaya, kerana mereka boleh membeli dengan harga yang lebih rendah di pasaran.

Kemudian bagaimana pula kerajaan hendak *secure* dan memastikan pembekal RISP yang baru dan kecil ini boleh bertahan dan *sustain* untuk masa yang panjang? Ini kerana kos permulaan untuk membuka kilang IBS ini adalah tinggi. Jadi macam mana mereka-mereka yang baru menceburi dalam bidang IBS itu boleh kekal lama dan boleh mendapat perlindungan daripada pihak kerajaan sendiri?

Saya difahamkan bahawa pewujudan RISP, perunding yang dilantik oleh JKR hanya mempunyai skop kerja yang sedikit sahaja dan ia telah menimbulkan sedikit kegelisahan daripada konsultan kepada mereka dan ditambah pula dengan kerja yang tidak banyak pada masa sekarang ini. Walaupun dari sudut prinsipnya saya menyokong dasar penggunaan IBS ini, tetapi harus juga kerajaan mengambil kira masalah-masalah yang menjadi rungutan kepada pihak kontraktor dan juga kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan perunding yang mereka juga berhadapan dengan beberapa masalah yang dihadapi akibat daripada pelaksanaan projek ini.

Kemudian, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan bahawa IKRAM akan tamat tempoh kalau tidak silap saya pada 2012 ini. Dulu di bawah JKR, kemudian diswastakan menyebabkan Kementerian Kerja Raya telah kehilangan banyak kepakaran yang dulunya ada pada IKRAM dan kemudian diberikan kepada satu pihak lain yang saya difahamkan satu pihak yang seperti diswastakan dan akan tamat tempoh perjanjian yang telah dibuat selama ini pada tahun 2012. Jadi apa persediaan untuk Kementerian Kerja Raya dalam hendak menangani bila habis tempoh IKRAM, bagaimana dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan fungsi dan tanggungjawab itu tadi? Apakah Kementerian Kerja Raya sudah mempunyai persiapan untuk mengambil alih kembali peranan yang telah pun dibuat oleh IKRAM sebelum ini?

Akhir sekali saya hendak sebut berkaitan dengan sektor pakar ini, Tuan Pengerusi. Saya menghormati kepakaran-kepakaran yang ada kepada jurutera kita, arkitek kita dan juga juruukur bahan yang ada pada kementerian. Sepatutnya kita harus mencari jalan untuk mengelak mereka ini berhijrah ke sektor-sektor swasta yang membolehkan mereka mendapatkan hasil ataupun pendapatan yang lebih lumayan.

Ini kerana kita memerlukan kepakaran-kepakaran ini untuk memastikan projek pembangunan, pembinaan yang dibuat oleh pihak kerajaan dibuat dengan secara yang terbaik hasil daripada kepakaran-kepakaran ini.

Akan tetapi saya lihat bahawa pegawai-pegawai profesional JKR yang mempunyai gelaran seperti jurutera (Ir.), arkitek (Ar.), dan juruukur bahan (Sr.) ini, walaupun mereka ini bertaraf profesional tetapi mereka macam tidak diberikan satu pengiktirafan yang sewajarnya dalam kerajaan berbanding dengan Kementerian Kesihatan di mana doktor-doktor pakar ini mendapat elaun-elaun khas dalam kepakaran bidang masing-masing di Kementerian Kesihatan.

Saya lihat bahawa rungutan-rungutan yang timbul di kalangan pegawai-pegawai yang terlibat dalam sektor pakar di JKR ini ialah kerana mereka berdaftar dengan Institusi Jurutera Malaysia, Persatuan Arkitek Malaysia, Institut Juruukur Malaysia, yuran mereka tidak boleh *claim* kepada kerajaan dan tiada sebarang *extra* elaun khas diberikan walaupun mereka dikehendaki menandatangani hanya lukisan yang sebenarnya terletak di atas kepakaran dan profesional masing-masing.

Jadi saya hendak minta penjelasan, bilakah pihak Kementerian Kerja Raya hendak mengambil perkara ini secara serius untuk dibawa ke peringkat atas, ke peringkat JPA khususnya, Jabatan Perkhidmatan Awam, untuk melihat hal-hal kepakaran yang ada ini untuk mengelak penghijrahan kepakaran-kepakaran yang ada dalam Kementerian Kerja Raya itu ke luar. Sudah tentu kita akan kehilangan kepakaran yang menyebabkan bangunan, pembinaan yang dibuat di bawah penyeliaan JKR itu tidak dapat dilihat terhasil daripada kepakaran yang sepatutnya...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa dia, ada hendak tanya? Tidak ada apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jadi saya mengharaplah pihak Kementerian Kerja Raya dapat memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

3.07 ptg.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Kerja Raya.

Saya ingin menarik perhatian Dewan pada Butiran 010000; Butiran 010300; Butiran 010400; Butiran 030000; dan Butiran 030100 yang berkaitan dengan Pengurusan Atasan KKR, Pengurusan KKR dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin meneruskan hasrat kawan-kawan. Apabila kita ingin memiliki Parlimen yang bertaraf dunia, *world class status*, kita perlu melihat konsep pembangunan Parlimen kita ini. Walaupun kita difahamkan pada bulan Disember nanti tender akan dikeluarkan, tetapi kita mahu Parlimen ini bukan bertaraf lima bintang. Itu kesilapan yang perlu diperbetulkan oleh pihak kementerian. Kita mahu Parlimen ini nampak anggun, unggul dan agak hebat macam mana yang berlaku pada bangunan mahkamah misalnya. Orang takut. Baru nampak hebat. Bukan nampak macam lima *star* kedudukannya. Itu yang hendak kena diperbetulkan konsep pembinaan ini.

Jadi sebab itu moto JKR, ia mesti memenuhi kehendak pelanggan. Pelanggan di sini ialah Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mungkin kita boleh merujuk kepada Menteri yang menjaga Parlimen, Dato' Seri Mohamed Nazri pun sama. Akan tetapi kena dengarlah hasrat kami. Dalam satu bangunan, ia tidak boleh ada dua nakhoda, hanya ada satu nakhoda. Maksudnya, yang dipilih oleh rakyat, yang bertanding dalam pilihan raya adalah Dewan Rakyat. Jadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat itu berkuasa, kena dengar.

Jangan sebab Jawatankuasa Dewan ada dua, JKR pergi dengar taklimat ini, ikut ini, esok pergi sana, ikut sana. Tidak bolehlah itu berlaku. Kena dengar kami. Kami yang merupakan pelanggan-pelanggan yang hendak merasai keselesaan, keselamatan, keceriaan yang ada di dalam bangunan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Itu yang kita minta. Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Apakah Yang Berhormat ada keraguan bahawa konsultan, *engineer* yang dari Jabatan Kerja Raya ini tidak melaksanakan amanah yang diberikan kepada mereka sehingga timbul keraguan di kalangan pentadbir Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Parlimen? Contohnya macam tadi dibicara, klinik dipindahkan ikut suka hati. Saya setuju dengan Yang Berhormat Arau, mereka kena ikut pelanggan, jangan ikut suka hati. Jangan *engineer* ini memandai-mandai pula macam mereka bijak pandai. Kalau ada apa-apa berlaku, dia yang perlu ditangkap dahulu masuk penjara sebab dia memandai-mandai. *So* kena hati-hatilah. Kalau pegawai-pegawai JKR tertinggi ada di sini, maklumkan dengan pihak-pihak yang kita amanahkan, jangan memandai-mandai. Dengar apa pandangan orang yang berwajib. Ini bukan rumah dia sendiri dia nak buat. Ini rumah rakyat, rumah kerajaan nak dibuat.

■1510

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sangat bersetuju Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mengakui kepakaran yang ada pada JKR, saya tidak pernah meragui malah khidmat kepakaran yang diberikan oleh pihak JKR kepada semua agensi kerajaan setakat ini dan badan-badan berkanun yang ada di negara kita adalah cukup mengagumkan tetapi sekadar membuat perbandingan, ketika berlaku pelancaran satu jambatan di kawasan Parlimen sahabat saya di Limbang, iaitu kawasan Pandaruan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sekejap saya bagi, sekejap. Nanti, belum. Nanti, nanti. Ini dalam perbahasan, nanti saya bagi. Yang Berhormat Putatan kena dengar cakap orang yang ada kuasa berbahas sekarang. Kawasan Pandaruan dan di Padang Besar. Perbandingan antara arkitek kita dengan arkitek negara Brunei, orang Brunei dia negara kaya, dia punya *taste* dia *high taste,* dengan izin, tinggi. Dia nak baik, bermutu dan ada kelas. Bila pergi lancar, Menteri JKR Brunei dengan di hadapan Menteri JKR kita dia komen macam orang kata satu perkara menyindir kepakaran yang ada pada kualiti yang dihasilkan oleh arkitek JKR. Jadi ini bermakna kata kalau nak buat bangunan Parlimen, itu jadikan iktibar sebenarnya.

Kes kita buat pecah tanah di Jambatan Pandaruan itu untuk kita melihat status dan standard kita sama ada mencapai standard internasional. Yang itu kena jadi panduan. Arkitek-arkitek kita mesti lebih inovatif, lebih kreatif, lebih menyesuaikan reka bentuk terkini dan antarabangsa, lebih banyak pengembangan idea, baru orang nampak kita hebat. Baru orang tak pandai kita rendah, ini Menteri JKR Brunei yang tegur macam itu. Saya tak mahu *cheap* dia kata, saya nak *good*, *quality and high class.* Ini disahkan oleh Menteri JKR. Ini yang kita harus ambil iktibar sebab kita hendak Kementerian Kerja Raya kita yang sekarang saya akui sudah ada tenaga-tenaga seperti itu cuma sedikit usaha dan *effort* kita akan mencapai standard dan taraf yang sebegitu rupa. Silakan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Arau semata-mata menuding jari kepada pakar-pakar JKR ini. Saya tidak berapa setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, saya tidak berapa setuju untuk menuding jari kepada pegawai-pegawai JKR kita yang ada sekarang. Yang penting Yang Berhormat, adalah arahan daripada mana itu sebab profesional itu memang dia orang layak, tiada profesional yang berdaftar tidak layak. Itu saya tidak berani nak katakan kita punya pakar-pakar JKR ini tidak layak, tidak pandai, tidak berinovasi dan sebagainya tetapi apa yang berlaku Yang Berhormat, soal arahan daripada pihak atasan ini yang penting bukan soal tidak layak.

Apa yang berlaku Yang Berhormat, saya berputar balik sikit kepada bangunan Parlimen ini. Sendiri saya juga berjumpa dengan Menteri Kerja Raya soal penyediaan *shed*, tempat pejalan kaki berbumbung itu, gajah menyusur tapi tidak dilaksanakan. Jangan lupa pengguna-pengguna yang di kawasan Parlimen ini terutama sekali pemberita kita, media kita berselerak di luar. Takkan ada *design*, reka bentuk yang tertentu yang baik di mana mereka boleh duduk dengan selesa, dengan *connection* sambungan dengan komputer dan *laptop* dia orang semua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itulah namanya profesional, profesional jadi perosak.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tak ada, ini ada arahan Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi saya harap ucapan saya ini dapat dimasukkan ke dalam ucapan Yang Berhormat Arau.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ha cukuplah itu, saya dah faham dah. Saya sebenarnya sahabat saya Yang Berhormat Putatan tak dengar ucapan saya pada awal. Tidak ada satu perasaan yang tidak ikhlas yang saya menegur JKR. Saya menegur dengan ikhlas, saya akui JKR ada kepakaran cuma nak diperbetulkan dan daripada awal Yang Berhormat Kinabatangan pun berhasrat begitu. Bukan kita nak mengutuk kakitangan dan kepakaran yang ada pada JKR, tidak, cuma memperbetulkan. Kalau Yang Berhormat Putatan kata ada arahan, kita mengaku kemungkinan soal kos tapi kos ini secara rundingan terus kalau ikut bangunan ini.

Cuma yang di sana sekarang kita ada masa untuk melihat daripada segi ukur bahan dan bahan material yang digunakan sama ada bersesuaian atau tidak, jangka masa berapa tahun perancangan untuk kita jadikan Parlimen ini. 100 tahun, 50 tahun? Itu yang kita harap, bahan binaan ataupun kualiti yang digunakan mestilah kualiti-kualiti yang mencapai standard yang tinggi.

Kemudian Tuan Pengerusi, saya ingin juga menarik perhatian tentang soal-soal kita nak mengubah keadaan yang sedia ada di dalam Parlimen. Contoh dia bilik Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Yang Dipertua Dewan Negara. Tak payahlah kita nak benda dah buat cantik dah, benda-benda yang macam itu bukan satu kepentingan. Kita perlu ada pejabat Perdana Menteri, pejabat pentadbiran, pejabat Timbalan Perdana Menteri, pejabat-pejabat Ahli Parlimen yang kita akan buat *insya-Allah* di bangunan baru, itu sudah cukup.

Yang kita nak tambah lagi yang mana yang bukan keperluan yang menjadi kos mendesak untuk kita nak buat, kita tak payah buatlah. Hanya nak mendengar satu desakan satu dua orang yang hanya melihat untuk mereka sendiri. Ini akan menyebabkan kos akan meningkat sedangkan kos yang ada kita patut beri perhatian kepada keperluan sebenar yang diperlukan oleh pihak Parlimen.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kemudian berhubung dengan tender. Tender ini Tuan Pengerusi, saya bersetuju tender terbuka diadakan, amat bersetuju tetapi kebelakangan ini saya minta pihak JKR menyiasat kecenderungan kepada projek-projek yang terbengkalai. Seolah-olah syarikat yang dipilih yang menduduki nombor satu, dia masuk harga itu untuk mendapat tender sahaja dan setengahnya apabila dapat *advanced* 10 peratus, dia ambil *advance* kemudian kita lihat dah kerja dia jadi tidak menentu. Saya tak tahulah apa yang mereka buat, ada setengahnya kata membeli kereta besar, buat itu buat ini kemudian tidak ditumpukan kepada projek dan hasilnya apabila projek *abandon,* tergendala, kos baru terpaksa dibuat, *retender* terpaksa dilakukan. Jadi berlaku peningkatan lebih teruk daripada kita buat secara rundingan terus.

Jadi latar belakang syarikat ini terutama daripada segi kemampuan kewangan, *track record* yang mereka buat seperti mana Yang Berhormat Padang Besar, Pengerusi PAC bangkitkan tadi. Jejambat di kawasan Padang Besar ini kalau kita pergi, kita rasa malu. Di sebelah sana begitu kita lihat kelas yang terlalu berbeza dengan negara kita yang lebih maju daripada Thailand dengan keadaan suasana jalan raya di Thailand, di kawasan sempadan. *First impression,* dengan izin Tuan Pengerusi, orang masuk ke negara kita. Itu merupakan sempadan di peringkat antarabangsa.

Orang lihat bagaimana keadaan Malaysia, satu projek yang tersadai. Nampak macam gajah separuh sahaja, yang lain-lain tak ada. Jadi kita lihat perbandingan yang ada di kawasan itu tak termasuklah CIQnya yang berada dalam daif, yang kemasukan lori-lori perdagangan yang dalam keadaan tidak menentu. Ada masuk ikut LKIM, ada keluar ikut sini. Kita pun tak tahu, dah jadi pekan koboi dah di pekan Padang Besar. Sebab itu Yang Berhormat Padang Besar tiap-tiap kali dia bangkitkan perkara ini, ini berlaku.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu belum lagi dibandingkan dengan Putatan, di Putatan lagi teruk. Putatan tak ada jejambat, jalan teruk, lebih teruk.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ini saya cerita projek terbengkalai. Jadi saya minta sistem tender ini, Yang Berhormat Putatan ini pun satu. Ini saya cerita tentang tender, dia tak dengar. Dia tiba-tiba masuk sahaja, dia masuk itu dia jadi masuk benda yang dia hanya dengar sepatah perkataan kemudian disalahtafsirkan. Ini yang jadi masalah dengan sahabat saya dari Putatan.

Tuan Pengerusi, jadi kita minta apabila proses penilaian tender bukan berdasarkan kepada *plus seven* atau *minor seven.* Dia perlu didasarkan kepada kedudukan kualiti dan kemampuan serta *track record* sesebuah syarikat itu harus jadi kriteria walaupun kos yang mereka letak itu agak lari sikit. Itu kita tengok, kita tak mahu lagi projek-projek *abandons* seperti berlaku di Jalan Sarang Burung ke Baling dan ke Kulim yang kita lihat berapa kali sudah terbengkalai yang walaupun jalan itu tak ada sangat penggunaannya tapi untuk masa depan, jangka masa panjang demi kemajuan negeri Kedah di kawasan selatan, kita nak tengok jalan itu akan menjadi satu jalan yang lebih berdaya saing apabila sempadan Durian Burung akan dibuka kelak.

Jadi Tuan Pengerusi, dalam hal ini kita minta perkara-perkara ini diberi perhatian oleh pihak KKR dan kita berharap sebagai agensi yang sentiasa memberi khidmat kepakaran, teknikal, sebagai agensi yang terlibat dalam memenuhi kehendak pelanggan menerusi masa dan penjimatan kos, saya minta KKR betul-betul tolong mengatasi masalah ini supaya bajet yang kita luluskan *insya-Allah* pada 2012 ini mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Terima kasih, saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

■1520

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

3.20 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut ingin membahas tentang Butiran 060200 - Bayaran Pampasan Tol.

Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang pada tahun 2011, peruntukan pampasan sebanyak hanya RM200 juta tetapi untuk tahun depan peruntukan bertambah ke RM343 juta iaitu pertambahan sebanyak RM143 juta. *So*, saya hendak tahu pembayaran pampasan ini, siapakah syarikat konsesi yang mendapat pampasan ini secara *detail*.

Saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Menteri tentang pendirian kerajaan dalam penstrukturan semula konsesi tol di mana kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan. Saya rasa ia satu kawasan yang dikelilingi semua lebuh raya-lebuh raya bayaran tol di mana sekeliling ada lebuh raya SPRINT *Highway*, LDP, NPE, Kerinchi *Highway* dan KESAS *Highway*. Semua. Setiap penduduk kalau hendak keluar pasti hendak bayar tol. Saya dapat berita bahawa ada satu taklimat di MBPJ di mana kerajaan mencadangkan untuk buat satu lebuh raya yang baru di kawasan saya iaitu Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) yang menghubungkan Damansara dengan Kinrara tetapi melalui kawasan saya. Lebuh raya yang bertingkat, 100 peratus *elevated highway* dan saya difahamkan ada dua tol dicadangkan. Satu di jalan hadapan di Seksyen 17 dan satu lagi di Taman Medan. *So*, saya hendak tahu siapakah syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Pusat dan juga berapakah kos jumlah yang terlibat.

Mengapa projek ini tidak dilakukan kerajaan? Perlu bagi syarikat swasta. Memandangkan Petaling Jaya Selatan ini banyak tol, saya tidak mahu ada lagi tol di kawasan saya...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah Yang Berhormat? Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju dengan pembinaan lebuh raya ini, Yang Berhormat tulis surat dan arahkan kerajaan buat di Sabah. *No problem*. Lebuh raya di Sabah kita perlu banyak.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Sebagai Ahli Parlimen di kawasan saya, saya sudah beritahu saya tidak setuju. *So*, saya minta Ahli Majlis dan juga kerajaan negeri untuk tolak tol ini kerana 100 peratus *elevated highway* ini melalui kawasan perumahan. Rumah. *So*, saya rasa tidak ada penduduk yang setuju tentang projek ini. Dalam usaha rancangan Kerajaan Pakatan Rakyat hendak kurangkan tol ini, mengapa Kerajaan Pusat lagi hendak buat dua plaza tol lagi di kawasan saya. Penduduk sekarang marah kenapa hendak buat tol di kawasan perumahan. Jalan *elevated* 100 peratus.

Saya hendak minta juga kerajaan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau dia marah, Yang Berhormat untunglah. Tidak apalah.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Sabah tidak payah bisinglah, Sabah tidak ada tol. Saya juga hendak *highlight* tentang keadaan lalu lintas yang sangat sesak di kawasan plaza tol terutama di SPRINT Highway di sebelah Seksyen 17 di kawasan saya. Ia menyebabkan ramai penduduk di kawasan saya keluar masuk jadi halangan pula. Setiap pagi hendak pergi kerja tidak dapat keluar kerana tol sesak. Pulang juga sesak. Bukan sahaja SPRINT *Highway* tetapi juga ini berlaku di Plaza Tol Sunway dan juga Plaza Tol Damansara Utama daripada PLUS. Setiap hari berulang-ulang. *So*, saya minta Yang Berhormat Menteri bagaimana cara yang boleh selesaikan masalah kesesakan tol di kawasan ini. Kita bayar tapi kena menghadapi kesesakan lalu lintas. Adakah ia adil untuk pengguna? Saya rasa itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

3.25 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Serdang tunggu ya. Saya ingin menyentuh Butiran *One-Off* dan juga naik taraf jalan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menggesa JKR melihat bagaimana lebuh raya Kota Kinabalu ke Sandakan, Sandakan ke Tawau, Semporna dan saya juga melihat mutu jalan kita di Malaysia ini, kalau kita turun sahaja pergi Jakarta, kita malu tengok macam mana mutu jalan raya di dalam bandar. Kenapa pihak JKR tidak meneliti macam mana mahu mempertingkatkan mutu dan kualiti jalan ini supaya dia tahan lasak, boleh diguna pakai waktu hujan, waktu panas? Ini lepas hujan, lebuh raya di Sabah semua berlubang. Bocor sana, bocor sini. Hendak memandu pun tidak selesa. Kalau salah pandu, sudah mendapat kemalangan (*accident*). Banyak sudah mati sudah.

Jadi, seharusnya pihak JKR yang diberi tanggungjawab, menilai kualiti yang dibuat dan kita juga rakyat di Sabah keliru sebab selama ini kerajaan melantik dua kontraktor untuk *maintenance* jalan ini. Satu di sebelah Kota Kinabalu, satu di sebelah Pantai Timur dan saya dimaklumkan konsesinya lebih kurang 15 tahun. Satu tahun tidak tahu berapa juta tapi kualiti kerja yang dibuat tidak tentu arah. Kita telefon, minta pegawai daerah telefon, kita sendiri telefon baru dia hantar lori kecil.

Saya mencadangkan kepada kementerian kaji balik konsesi yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang diberi amanah untuk *maintenance* jalan Lebuhraya Kota Kinabalu-Sandakan dan juga Sandakan-Tawau-Semporna sebab pada saya ini merugikan rakyat dan tidak ada keuntungan langsung. Saya hairan kenapa kerajaan selalu berbuat sedemikian, melantik kontraktor 10 tahun, 20 tahun, tidak juga ada apa-apa.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat, boleh celah sedikit?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, boleh.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini cadangan saya Yang Berhormat Kinabatangan. Masalahnya dengan konsesi ini ialah seperti mana Yang Berhormat cakap tadi, pegawai-pegawai yang datang untuk menghadiri mesyuarat tindakan daerah contohnya, adalah pegawai-pegawai peringkat rendah. Di dalam mesyuarat itu pegawai daerah ada, wakil-wakil rakyat ada, ketua-ketua jabatan ada. Di Kota Belud, benda yang sama berlaku. Mereka menghantar pegawai-pegawai yang berpangkat rendah. Akhirnya, pegawai ini kata, nanti saya *refer* kepada bos saya di Kota Kinabalu. Jadi, ini masalah. Bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada kerajaan bahawa sesiapa pegawai-pegawai daripada pihak konsesi ini yang hadir di dalam mesyuarat ini mesti mempunyai autoriti untuk membuat keputusan *then and there* supaya tidak lewat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, selain daripada pemegang konsesi lebuh raya, ada lagi pemegang konsesi jalan-jalan di bawah MCDC. *Municipal road* dan juga *district council road*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dan saya juga ada dua cadangan. Kalau kerajaan tidak boleh menamatkan kontrak konsesi mereka sebab mungkin ada dari segi perundangan, minta JKR maklumkan pemilik-pemilik konsesi ini supaya apa-apa mesyuarat, tindakan daerahkah dan sebagainya, hantar pegawai, *engineer* yang ada tanggungjawab, bukan sedikit-sedikit hendak *refer* pergi bos...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Kinabatangan.

■1530

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Saya satu kali kita halau dari mesyuarat...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Sebab dia kata, dia tidak tahu apa-apa...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Saya cakap *you* tidak tahu buat apa duduk di sini, bagus *you* keluarlah.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kinabatangan. Pandangan Yang Berhormat Kinabatangan kalau misalnya sekarang ini kita ada syarikat-syarikat konsesi untuk jalan-jalan di seluruh negeri Sabah selain daripada mereka menjadi yang bertanggungjawab untuk memperbaiki mutu jalan raya tidak kah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju kalau kita mencadangkan tiba masanya untuk konsesi tersebut ataupun kementerian ini membuat satu kajian secara menyeluruh untuk membuat jalan raya yang lebih terbaik dengan memperkenalkan sistem tol pun tidak apa yang penting kita daripada Kota Kinabalu, Sandakan sampai ke Pantai Timur selesa untuk menggunakan jalan raya, mohon.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bersetuju Yang Berhormat Silam dan kalau boleh peruntukan yang dicadangkan di Petaling Jaya Utara tadi yang tidak bersetuju bawalah ke tempat kita, kita mahu peruntukan ini. Ini tempat rakyat tidak mahu dia bagi pula, tempat rakyat minta tidak bagi. Ini satu masalah saya rasa ada masalah besar...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Dalam...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Bawa..., saya suka supaya kita mahu jalan raya kita bayar tidak apa...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Itu bukan peruntukan jalan raya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Daripada diberikan kepada orang yang tidak mahu kenapa tidak berikan kepada orang yang meminta. Kita minta bagilah...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Bagi sahaja, bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi rakyat pun menyokong kerajaan...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Petaling Jaya Utara rakyat marah dia untunglah sebab menang pilihan raya, okeylah. Tuan Pengerusi, saya meminta kepada keseluruhan Jabatan Kerja Raya ini mengkaji semula konsesi-konsesi yang diberikan kepada beberapa syarikat di Sabah dan minta mereka *perform,* minta mereka dapat menunaikan tanggungjawab, jalan raya tidak perlu ditunggu laporan, ada kebocoran di mana-mana, mereka mesti efisien dan menyemak kerjanya, ini terdapat kemalangan barulah dihantarkan lori, ada *accident* kemalangan barulah menghantar pekerja, ini kerja gila Yang Berhormat kalau kita tidak selaraskan.

Satu lagi saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Arau, kita harus melihat bahawa seharusnya Dewan ini tidak perlu kita wakil rakyat meminta *engineer* JKR yang *design*, dalam Dewan ini apabila ada wakil rakyat, ada isu, ada wartawan ada *reporter* mereka lihat apa yang berlaku. Mereka bergelimpangan di luar, tempat duduk pun tidak ada, ini satu penganiayaan dan penderaan. Mereka juga manusia, mereka datang ke sini hendak melihat apa isu yang dibahaskan, apa isu yang dibawa. Dewan ini memang sementara tetapi sementaranya pun bertahun, jadi cubalah gunakan akal fikiran kita melihat sebab kalau kita biarkan begini tidak cantik dilihat, kesian duduk di lantai, di tepi-tepi, saya pun tidak sanggup – saya lalu, saya lalu terus sahajalah sebab...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Mohon laluan Yang Berhormat Kinabatangan. Satu *second* sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tiada laluan di sini...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Oh, sampai hati kau?... *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Kinabatangan tadi, saya berharap pihak kerajaan berikan tumpuan kepada rakan-rakan media ini. Tadi saya lalu di jambatan perantara di antara bangunan lama dengan baru ini. Sepanjang laluan itu semua rakan-rakan media duduk di pinggiran-pinggiran itu, bergelimpangan duduk di sepanjang itu, tidak ada kerusi tidak ada apa. Jangankan di sepanjang jalan itu ini ketua-ketua jabatan ini yang duduk sementara hendak menunggu giliran Menteri mereka menjawab ini, itu dekat belakang itu ha... *[Menunjukkan arah yang dimaksudkan]*

Kerusi pun tidak cukup dekat belakang itu, duduk dekat tangga-tangga dekat tepi dekat belakang tu hah. Jadi saya berharap supaya pihak kerajaan memberikan tumpuan kepada semua ini keanggotaan sama ada mereka kakitangan kerajaan atau datang daripada media ke berikan tumpuan kepada mereka kerana mereka pun menjalankan tugas-tugas mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya saya setuju dengan Yang Berhormat Tenggara, iaitu satu pandangan yang baik. Ini bukan apa, bukan kita menyalahkan sesiapa tetapi realitinya kita di sini datang semuanya ada tanggungjawab, ada kewajipan dan kita juga kalau saya tidak silap sudah ada satu akta iaitu Akta Keselesaan Dalam Bekerja.

Kalau wartawan kita datang tidak selesa, pegawai-pegawai membantu kita datang tidak selesa. Macam mana kita boleh melahirkan satu kerjaya yang baik bukan satu alasan tetapi ini satu hakikat bahawa Dewan ini perlu ada satu gambaran yang harus diberikan secara baik.

Saya mencadangkan Dewan yang akan datang nanti buatlah lakaran-lakaran berbudayakan bangsa kita, budaya kita bukan kita mahu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau, bangunan *5 star* atau *7 star,* tidak perlu *star* ada tetapi yang kita mahu kita merasa bangga dengan bangunan yang kita ada termasuk memberikan ruang lingkup yang luas kepada mereka yang terlibat di Dewan Rakyat termasuk juga pegawai-pegawai dan juga wartawan-wartawan kita. Jadi Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong.

3.56 ptg.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Dua minit, dua minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya ada satu soalan untuk JKR, saya mendapat maklumat bahawa kabinet baru-baru ini meluluskan permohonan daripada Lebuh raya *Duke Highway* untuk melanjutkan konsesi selama 30 tahun, tambahan 30 tahun konsesi yang telah diluluskan oleh kerajaan kepada *Duke Highway.* Jadi saya minta penjelasan sama ada maklumat yang saya terima adakah betul atau tidak betul. Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak selepas itu Yang Berhormat Pasir Mas.

3.57 ptg.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi, tinggal pasir sudah. Saya mengucapkan terima kasih merujuk kepada Butiran 31000 - Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru); Butiran 60000 - Naiktaraf Jalan Raya dan Laluan; dan Butiran 61000 – Naiktaraf Jalan-jalan (Projek Baru).

Sebelum itu saya ingin juga merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya kerana kalau kita lihat dan bandingkan kemajuan pembinaan jalan-jalan di seluruh negara kita ini berbanding dengan negara-negara lain di dunia, kita boleh berbangga mengatakan bahawa Malaysia mempunyai infrastruktur pengangkutan yang boleh dikatakan hebat dan menarik kepada pelabur-pelabur daripada luar negara untuk melabur di dalam negara kita ini.

Perindustrian terutamanya pelabur-pelabur yang datang dari luar melabur dalam industri perkilangan memerlukan infrastruktur pengangkutan yang baik. Kalau tidak ia tidak merupakan satu tarikan bagi mereka. Ini kita kena faham dalam konteks yang lebih luas walaupun secara spesifik adalah perkara-perkara yang perlu kita tegur berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kerja Raya itu tadi.

Sebagaimana yang disebutkan tentang kualiti setengah daripada jalan-jalan raya yang dibina, saya rasa masalah ini berlaku ada sebab-sebabnya yang boleh dengan mudah dikenal pasti dan ambil tindakan sewajarnya. Bukannya bermakna kita tidak mempunyai *expertise* ataupun teknologi pembinaan jalan, kita ada dalam negara kita ini, kontraktor-kontraktor yang berwibawa, pegawai-pegawai dan juga jururunding-jururunding yang memang mempunyai kepakaran. Akan tetapi ada masalah berhubung dengan perkara lain seperti saya sebutkan tadi iaitu apabila terlalu ramai yang berebut peluang untuk mendapatkan peluang *business* daripada projek ini maka berlakunya *sub contracting* yang tidak perlu bertindih-tindih, berlapik-lapis. Ini menyebabkan kompromi dari segi material, dari segi kualiti kerja dan sebagainya oleh sebab bajetnya terus berkurangan di setiap peringkat sub kontrak apabila ia dilakukan.

■1540

Jadi, inilah yang menyebabkannya *the current quality is being compromised,* dengan izin. *Is it because of the contractors want to make money.* Dalam hal ini, tidak timbul soal sama ada tawaran tender atau tawaran terbuka. Ini kerana kalau tawaran tender secara terbuka atau tertutup sama sahaja. Ia boleh melakukan *sub contracting* apabila ia hendak melaksanakan...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Mohon mencelah sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Projek itu. Silakan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih. Tuan Pengerusi. terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Jadi, berkait dengan kualiti jalan ini saya pun hendak bertanya kerana Jalan Laluan 8 dari Bentong ke Raub dan juga dari Benta ke Lipis, dari Bentong ke Raub itu jalannya memang berombak-ombak. Sampai sekarang tidak dibetulkan. Kalau naik itu, kita naik macam *roller coaster.* Kemudian jalan dari Benta ke Lipis pula, banyak cerun yang memang runtuh. Saya rasa ini kerana *design*nya yang tidak betul, menyebabkan - *repair* bagaimana pun ia akan runtuh juga.

Saya juga hendak bertanya status projek jalan dari Lipis, Laluan 8 juga ke Gua Musang dan juga bagaimana pembinaan jalan *Central Spine Road* (CSR). Setakat mana prosesnya dan sebagainya. Begitu juga dengan Laluan 64...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Juga laluan alternatif dari Lipis ke Jerantut. Mohon masuk dalam ucapan supaya boleh dijawab oleh pihak Menteri. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baik. Saya ingat tadi minta saya jawab. Saya belum bersedia untuk menjawab... *[Ketawa]* Kalau minta Menteri, saya setujulah supaya dimasukkan.

Tuan Pengerusi, tadi kita bercakap soal kualiti. Saya haraplah supaya kita tidak mempolitikkan perkara ini. Mohon kepada pihak JKR untuk mengambil tindakan yang sewajarnya memperbaiki jalan-jalan yang didapati kurang baik dan menimbulkan masalah kepada pengguna-pengguna jalan raya ini. Terpenting lagi daripada itu ialah untuk projek-projek baru yang akan datang, pihak JKR perlulah berhati-hati dalam menawarkan kerja kepada pihak-pihak yang diberikan kerja ini iaitu kontraktor-kontraktor ini sebagaimana yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi termasuk Yang Berhormat Arau, pastikan mereka ini mereka yang mempunyai kejujuran. Mesti mahu jujur kontraktor ini.

Ya, dia buat berniaga tidak mengapa hendak buat duit ini *that is normal,* dengan izin, *but there must be also some kind of responsibility, accountability,* dengan izin. Perlu ada tanggungjawab kepada rakyat, kepada kerajaan, kepada diri sendiri. Menjaga diri sendiri, maruah diri sendiri. Keuntungan yang *legitimate*, yang sah tidak menjadi masalah. Kita jangan mempertikaikan kalau mereka membuat keuntungan yang berpatutan tetapi yang dipersoalkan ialah apabila terdapatnya mereka ini yang mengambil peluang untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan sehingga mengkompromikan kualiti kerja. Ini perlu pihak kerajaan terutamanya jurutera-jurutera mengambil berat akan hal ini. Bukan sahaja JKR.

Dalam kerja-kerja JPS pun begitu. JPS, sistem pengairan dan sebagainya. Di tempat saya itu yang saya bangkitkan soal pelaksanaan naik taraf projek pengairan Sungai Manik, petani Sungai Manik. Jurutera tidak turun langsung. Tidak peduli langsung. Apabila kontraktor sudah dilantik, serahlah kepada kontraktor sesuka hati dia apa dia hendak buat. Jadi, itulah yang menyebabkan berlakunya masalah macam ini. Akan tetapi kalau jurutera ataupun penolong jurutera ada rasa tanggungjawab hendak melihat kerja berjalan dengan baik, kualiti kerja jadi baik, elok. Dia turun dan mengadakan perjumpaan dengan kontraktor secara *regular* setiap minggu, berjumpa dengan *end users*, petani-petani, pengguna jalan raya, *insya-Allah* perkara ini tidak timbul.

Apa yang berlaku ialah ramai daripada mereka ini jurutera, penolong jurutera, kakitangan yang berkenaan di peringkat JKR, kementerian, peringkat daerah kebanyakannya tidak ada di lapangan. Tidak tahu mereka di mana, kebanyakannya. Saya tidak hendak membuat tuduhan-tuduhan yang melulu tetapi ada juga yang kita dapati di padang golf, di bilik karaoke. Betul atau tidak, jadi, bagaimana?... *[Disampuk]* Siang sudah berkaraoke. Pukul tiga petang sudah karaoke... *[Ketawa]* Saya tidak ada pergi tetapi saya mendengar ceritalah. Jangan tuduh sembarangan... *[Ketawa]* Jangan kata pula saya pengalamanlah, tahu? Akan tetapi, saya mendengar begitu. Jadi, kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian hendak kepastian, bolehlah *try.* Pergilah tengok tempat-tempat itu betul atau tidak. Berlaku. Jadi, bagaimana? Dia main telefon sahaja daripada bilik-bilik karaoke.

Kita karaoke juga tetapi tidak adalah ke tempat macam itu. *Family* karaoke ataupun ada waktu rehat malam-malam, sudah bekerja teruk, bukan. *Nothing* yang orang kata tidak baiknya. Jadi, pada pengamatan saya, kebertanggungjawaban ini, *accountability, responsibility of the implementing officers. This is what we are lacking. Very British,* ya... *[Ketawa]* Yang kurang..., Ini masalahnya. Serupa juga wakil rakyat kalau kita ada rasa tanggungjawab kepada pengundi, kepada penduduk, kita turun setiap hari minggu, setiap hari, setiap jemputan kita pergi, kita lawat rumah ke rumah, tidak ada masalah kita menanglah pilihan rayanya...

Seorang Ahli: Betul, betul!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menjadi kalah ini sebab itulah. *Both side of the divide* orang kata. Jadi, itulah satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berhubungan dasar JKR dahulu iaitu projek-projek besar 10 peratus daripada nilai projek itu, sepatutnya diberikan peluang kepada kontraktor bumiputera. *Where it is, what happen, what happen now? The Minister is responsible in this case. We want to check his KPI on this. What he has done?* Apa yang dia telah lakukan untuk waktu ini bukan perkara kecil. Ini agenda nasional. Agenda ekonomi bumiputera *is* agenda nasional. Kebelakangan kemajuan ekonomi bumiputera inilah dianya. Apabila ada dasar-dasar, dasar itu tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, dengan tidak mengambil peduli. Inilah yang jadinya.

Dahulu kita tubuhkan unit penyertaan bumiputera setiap kementerian. Setiap *department* ada unit penyertaan bumiputera semuanya telah dihapuskan. Semuanya telah dilupakan. Dengan sebab itunya pegangan ataupun penguasaan ekonomi bumiputera tidak bertambah. Tidak bertambah. Di takuk yang lama juga, 2 peratus, 3 peratus. *What happen to the Ministers concerned I want to ask. What happen to the officers? All the KSU,* Ketua Setiausaha kementerian-kementerian, *what happen?* Kita beri dia berbilion-bilion setiap tahun untuk bajet pengurusan. 'B' sumber pengurusan, ya?... *[Bertanya kepada seorang Ahli Yang Berhormat]* 'B' - Bekalan dan pengurusan. JKR ini mengurus RM2 bilion. Pembangunan RM3.6 bilion. RM2 bilion di bawah pengurusan. *And what's the quality? What is* dia punya pencapaian lagi-lagi daripada segi melaksanakan perkara-perkara yang seperti ini, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya hendak minta kepada Menteri jangan jawab *just for the sake of answering.* Kita hendak jawapan yang konkrit. Kalau belum *done,* tidak dapat fakta, panggil pegawai. Mana? Saya lihat di belakang pegawai JKR pun tidak ada. Ada seorang atau berdua pun. Dia buat, seorang, dua orang? Kalau KSU ada, KSU pun dengar, ya apa yang saya cakap. *Do not look at me with one kind of look... [Ketawa] [Disampuk]* Saya boleh pertikai soal penyertaan bumiputera dalam kontrak-kontrak besar ini yang 10 peratus menjadi dasar dahulu, apa jadi?

■1550

What happen to this? I want to hear. Selepas itu *give the fact to the Deputy Minister.* Menteri sudah la tidak ada. Mana pergi, main *golf*kah?... *[Ketawa]* Tidaklah itu berguraulah, tarik balik itu. Tarik balik, saya tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lagi satu, saya sudah bercakap dengan Menteri ini secara *casual, not casual*, serius, bergurau akan tetapi *the message I already passed to him,* dengan izin. Sungai Perak di Kampung Gajah. Kita ada satu jambatan yang sudah 30 tahun, 40 tahun. *Overtaken by events.* Sekarang banyak kereta lalu dan banyak pelanggaran berlaku kerana sempit. Saya mintalah JKR ada projek bina jambatan baru ini. Ratus-ratus juta ini bagilah satu. Tidak banyak, *only about RM50 million, I think.*

RM50 juta bagi satu. Sudah berapa tahun jadi ketua bahagian ini. Tidak ada satu projek besar... *[Ketawa]* Ahli Parlimen sudah satu penggal dekat habis. Dulu ADUN satu penggal, ketua bahagian juga sama. Nanti orang pertikai saya, dia kata Dato' Haji Tajuddin apa ini? Jadi ketua bahagian, jadi MP, jadi ADUN satu projek pun tidak ada. Bukan saya tidak hendak. *I have been fighting for it* akan tetapi yang ada atau tidak ada, yang menentukan ialah JKR dan jabatan yang berkenaan.

Pengairan Sungai Manik janji RM130 juta bagi RM70 juta. Berapa RM60 juta lagi sudah hilang entah ke mana. Bagi ke tempat lain. *In this* Dewan. Dalam Dewan ini Menteri Kewangan II umum peruntukan untuk meningkatkan sistem pengairan dan pertanian Sungai Manik, RM100 juta lebih. *When it comes to implementation!* Tinggal RM60 juta hingga RM70 juta. Bila hendak siap? Ibarat kain senteng. Tarik atas nampak betis, tarik ke bawah nampak pusat. Nampak pusat tidak apa, jangan nampak benda lain... *[Ketawa]* Terlebih tarik lain pula yang dinampaknya. Itu saya mohonlah. Ini serius ini. Saya minta kerana sudah banyak *accident* di situ.

Lagi satu ialah berhubung dengan saya hendak sebut tadi hubungan di antara konsultan dengan kontraktor. Ini pun satu hal juga, yang menyebabkan kualiti jalan ini *being compromise* oleh kontraktor-kontraktor ini sebab ada konsultan yang dilantik ini dia tidak *responsible to the government* ataupun JKR yang melantik dia. Dia lebih hendak melihat kepentingan kontraktor terjaga daripada kepentingan kerajaan. Jadi, dengan sebab itu kalau ada juga kes-kes di mana kontraktor tidak melaksanakan dia punya kerja mengikut *specification,* dia tutup mata sahaja. Dia tutup mata! Dulu ada seorang wakil rakyat kata dalam Dewan bukan, sudah tidak ada. Dia dari Melaka. Bukan tutup sebelah mata, dua belah mata dia tutup.

Itu kes bawa kayu daripada Sumatera. Ini pun macam itulah. Konsultan-konsultan JKR ini ada yang tutup dua belah mata apabila kontraktor-kontraktor tidak buat kerja ikut *specification...*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah habis pun.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

3.53 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 00600; dan juga Butiran 02800, sekali gus. Pertama, ucapan tahniahlah kepada Yang Berhormat Pasir Salaklah, berkobar-kobar membela kepentingan bumiputera. Jadi Tuan Pengerusi, tadi pun disebut oleh Yang Berhormat Lipis. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat terutamanya Kementerian Kerja Raya. Semua tahu ini bukan perkara baru. Cuma hendak ulang balik. Iaitu jalan daripada Karak ke Kota Bharu. Di mana kita dapati jalan daripada Bentong sampai ke Gua Musang amat teruk sekali.

Kemudian daripada Kuala Krai ke Kota Bharu. Saya baca laporan ada di bawah program ECER, jalan Bentong-Raub akan tetapi di bawah *rolling plan* tahun 2013. Akan tetapi bagaimana pula jalan daripada Kuala Krai ke Kota Bharu. Jalan ini adalah jalan yang memang penting. Kesesakan tidak payah cerita. Saya mencadangkan kalau dibuat lebuh raya laluan ini ianya saya percaya *bankable.*

Sama dengan Lebuh Raya Utara-Selatan. Kalau ini dapat dilakukan, perjalanan di antara rakyat Pantai Timurlah, khususnya orang Kelantan sampai ke Kuala Lumpur mungkin makan masa tiga hingga empat jam sahaja. Ia boleh menjanakan banyak pertumbuhan ekonomi. Jadi, saya tidak tahu bila hendak dibuat. Di mana tempat-tempat lain lebuh raya bertingkatlah, itulah, inilah! Akan tetapi ini yang diperlukan. Kalau susah buat cara penswastaan.

Saya percaya kalau di pecah-pecahkan pakej dari segi penswastaan ianya boleh dilaksanakan. Kerajaan Kelantan baru-baru ini ada cadang hendak buat cara penswastaan daripada Kuala Krai ke Kota Bharu, RM1.2 bilion... *[Ketawa]* Saya pun baca tergelak. Ini hendak cakap untuk tujuan orang kata politiklah. Gimik politik, akan tetapi hakikat sebenarnya tidak mungkin. Ini jalan Kerajaan Pusat. Saya hendak mintalah supaya diberi perhatian dan saya hendak dengar jawapan daripada Kementerian Kerja Raya, jawapan yang sungguh-sungguhnya.

Apa perancangan daripada Bentong sampai ke Gua Musang, daripada Kuala Krai sampai ke Kelantan, sebab daripada Gua Musang ke Kuala Krai sudah ada lebuh raya. Itu pun bukanlah lebuh raya seperti Lebuh Raya Utara-Selatan, empat lorong. Cuma elok sedikit sahaja. Saya hendak tahu bila akan dilaksanakan? Adakah perancangan supaya ianya memberi kemudahan kepada pengguna-pengguna jalan raya terutamanya rakyat yang berulang di antara Kuala Lumpur dan Pantai Timur.

Tidak sedikit kakitangan pun JKR pun anak Kelantan. Mereka pun bercakap dengan saya Yang Berhormat. Saya kata *you* duduk di JKR, *you* buatlah kata. Ini bukan kerja saya. Akan tetapi mereka sendiri merungut. Jadi itu yang pertama.

Kedua, Tuan Pengerusi saya hendak sebut mengenai dengan Butiran 20000 – Membina Persimpangan Bertingkat dan Jejambat. Tahun lepas ada dalam peruntukan, RM10 juta tidak silap saya *bypass* di Pasir Mas. Mungkin RM10 juta untuk bayar kepada konsultan atau apa. *Design.* Jadi dalam peruntukan bajet baru ini saya tengok tidak ada. Apa jadi. Buat apa *bypass* ini? Ini kerana mengikut kefahaman saya *bypass* yang dimaksudkan ini ialah hendak menyelesaikan masalah kesesakan yang berlaku di Jambatan Pasir Mas-Salor di sebelah Lemal yang juga amat kronik sekarang ini dengan jumlah kenderaan.

Saya sudah cadangkan jambatan ini dinaikkan taraf ke jambatan empat lorong. Empat lorong! Saya pernah juga cadang jambatan ini dinamakan sempena seorang pemimpin negara kita dulu yang banyak berjasa iaitu Tun Abdul Ghafar Baba. Oleh sebab dia banyak jasa juga kepada rakyat Kelantan dan saya kira legasinya boleh diabdikan di Jambatan Pasir Mas-Salor ini dan dipercepatkan projek *bypass* yang ada kena mengena dengan jambatan Pasir Mas-Salor ini.

Saya hendak tahu juga kedudukan Jambatan Sultan Yahya yang dinaikkan taraf keempat lorong. Bersilih ganti kontraktornya, daripada satu kontraktor ke satu kontraktor. Dia jual projek itu macam jual kacang. Mula-mula orang ini dapat, jual dekat orang ini, orang ini jual dekat orang ini, orang ini jual dekat orang ini! Sudah berapa syarikat. Sudah berapa banyak kos yang terlibat dengan projek Jambatan Sultan Yahya ini. Saya hendak tahu berapa banyak kos dan bilakah sebenarnya projek ini akan di siap dan boleh digunakan. Kalau ikut perhatian saya lambat lagi. Sebelah satu lagi belum pun lagi dibuat *piling*nya. Walaupun ada kemajuan akan tetapi sudah berapa lama projek ini? Minta pendapat penjelasan.

Tuan Pengerusi, Butiran 60000 – Naiktaraf Jalan Raya dan Laluan. Ini saya hendak tanya. Jalan daripada Tanah Merah ke Lemal, Pasir Mas dan daripada Pasir Mas ke bulatan Pasir Pekan. Jalan itu jalan utama, yang saya percaya sudah lama lulus naik taraf. Bila hendak dibuat? Sudah patut empat lorong juga. Jalan ini adalah jalan yang paling penting dan sibuk di Kelantan kerana jalan ini juga merupakan laluan ke Rantau Panjang.

Dari segi jumlah dagangan, kenderaan yang menggunakan untuk jalan ini dari segi perdagangannya, dari segi kegunaan orang ramainya, Yang Berhormat sendiri boleh pergi tengoklah. Bila hendak dibuat ini? Saya berharaplah kalau boleh dipercepatkan. Saya boleh cadang ini sahajalah seperti mana kata Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

■1600

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh soal Butiran 085000 – Projek Keselamatan Jalan raya. Ini saya hendak tarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sedang sibuk dok membaca itu. Tengok dekat saya ini. Ini saya hendak tunjuk ini keratan akhbar. Banyak lagi saya bawa. Iaitu di jalan Tanah Merah ke Pasir Mas, jalan raya ini yang saya katakan tadi patut dinaikkan taraf jadi empat lorong, sentiasa berlaku kemalangan sebab di selekoh-selekoh tidak ada lampu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya kadang-kadang terfikir hendak cabut beberapa tiang lampu di KL hendak pikul bawa balik ke Kelantan hendak dipacak di situ. Kalau saya mampulah. Kalau saya jadi *incredible hulk,* saya hendak cabut tiang lampu itu saya hendak bawa hendak pergi pacak. Saya hendak baca ini. Ringkas sedikit Tuan Pengerusi. *"Laluan gelap tanpa kemudahan lampu jalan merunsingkan ribuan penduduk di sepanjang jalan Pasir Mas-Tanah Merah sejak sekian lama. Keadaan jalan yang hanya diterangi lampu kereta berbahaya, malah jalan yang berselekoh sering kali mengundang kemalangan maut. Malah kejadian itu berlaku..."* Inilah. Panjanglah kalau saya hendak baca. Menghabiskan masa. Cukup saya menyebut kepada Yang Berhormat, mintalah.

Ini bukan besar sangat peruntukan. Ada lah dana mana-mana dalam kementerian itu, arahlah JKR Pasir Mas atau Tanah Merah pasanglah lampu ini. Kalau tidak semua pun, di tempat-tempat yang selekoh. Saya hendak tengok sejauh mana cekapnya. Saya percaya selepas saya bercakap ini, mungkin sebulan dua nanti naiklah lampu-lampu di tempat selekoh ini. Saya doakan semua yang membantu nanti semoga panjang umur. Semoga panjang umur kerana ini doa dan permintaan pengguna-pengguna yang berjumlah ribuan yang bangkit masalah kebimbangan dari segi keselamatan. Tuan Pengerusi, sekian. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Besar.

4.02 ptg.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya pendek sahaja. Sebenarnya saya telah pun menyuarakan perkara ini dan kawan-kawan lain seperti Yang Berhormat Arau menyebut berkenaan dengan pembinaan dua jejambat besar di pekan Padang Besar. Saya mintalah. Pada Parlimen yang lalu, sebelum Parlimen ini, saya bertanya kenapa dan bilakah jejambat itu akan disiapkan setelah permulaannya dibina, kontraknya diluluskan dan jejambat, kontrak berjalan sejak tahun 2006 tetapi sampai hari ini belum selesai.

Pada Parlimen yang lalu, saya bertanya dalam soalan bertulis. Dijawab bahawa kontraktor pertamanya gagal dan kontraktor yang baru telah pun dipilih. Saya menunggu. Sebelum Parlimen ini saya dimaklumkan peruntukan sudah ada, silingnya sudah lulus, sudah ada, tetapi sampai hari ini projek berkenaan masih terbengkalai. Jadi yang saya bangun di sini ialah untuk meminta JKR agar lebih *urgent,* ada satu minat *urgency* melaksanakan sesuatu yang telah pun ada peruntukan yang telah lama pun terbengkalai, saya malu dan telah pun menjadi isu dalam pilihan raya yang lalu. Malu kerana di situlah pintu masuknya orang dari Thailand ke Malaysia dan melihat pemandangannya begitu buruk dan orang-orang kampung tempatan marah dan ini akan menjejaskan sokongan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional.

Jadi saya mintalah JKR, dua hari yang lalu saya pulang tetapi belum lagi mula. Mintalah kalau boleh esok dimulakan. Hujung minggu ini saya akan pulang dan saya mahu melihat JKR memulakan projek-projek berkenaan kerana semua telah ada dan kita tidak sanggup menunggu terlalu lama lagi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Telok Kemang.

4.05 ptg.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan bersama membahaskan B.27 dan P.27 khususnya Butiran 10001; Butiran 31000; Butiran 60000; Butiran 61000; dan Butiran 81000 sekali gus. Kita dapat melihat bahawa anggaran perbelanjaan pembangunan tahun ini ada sedikit pertambahan berbanding dengan tahun lalu iaitu kurang daripada tahun sebelumnya. Penambahan ini daripada RM2.4 bilion tahun 2011 kepada RM3.7 bilion tahun depan. Saya ingin mendapat penjelasan kementerian mengenai peruntukan ini iaitu meliputi projek-projek baru, projek dalam pelaksanaan iaitu *work in progress* dan juga peruntukan mengenai dengan projek terbengkalai. Projek baru memang telah diperuntukkan dalam bajet ini tetapi apa yang perlu huraikan di sini ialah projek-projek yang dalam pelaksanaan dan juga projek terbengkalai.

Saya menyentuh kepada konsep sistem tender kita seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain. Mengikut makluman saya, dahulunya dalam perjanjian kita ada *price fluctuation clause*, kita ada *performance* bon dan juga kita ada syarat yang mana kementerian perlu meluluskan sekiranya ada pelantikan subkontraktor. Kita mengambil iktibar bahawa keperluan itu penting.

Pertama, *price fluctuation clause.* Ini kerana ini disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kebanyakan projek yang gagal ialah sebab kenaikan harga bahan. Akan tetapi, harga bahan ini tidak akan melonjak begitu tinggi dan kita boleh menjangka sewaktu kita membuat perancangan kadar kenaikan dalam masa kontrak dalam perjalanan. Ini kita buat satu peruntukan dalam kontrak iaitu *price fluctuation clause.*

Kedua yang saya sebutkan tadi ialah nama subkontraktor. Disebutkan oleh rakan-rakan tadi ialah mengenai dengan projek yang diagihkan kepada subkontraktor-subkontraktor lapisan kedua dan ada juga lapisan ketiga dan seterusnya. Dahulu perlu mendapat kelulusan kementerian dan kementerian memberi kelulusan apabila mengetahui bahawa subkontraktor itu mempunyai kemampuan. Akan tetapi sekarang ini saya tidak tahulah cara mana, kerana kalau projek ini diagihkan berlapis-lapis, penting bagi kementerian untuk mengetahui sebenarnya siapa yang akan melaksanakan projek ini dan juga harga yang telah pun diagihkan ataupun ditentukan oleh kontraktor utama. Ini kerana ini ada kaitannya dengan pelaksanaan.

Sekiranya harganya akhirnya nanti tidak memberi keyakinan kepada kementerian bahawa subkontraktor yang ditugaskan atau yang akan melaksanakan kerja itu tidak akan mampu melaksanakan kerja kerana dengan harga yang telah pun diberikan oleh kontraktor utama, jadi *from the start,* dengan izin Tuan Pengerusi, *is going to be a failure*.

■1610

Pelaksanaan tidak akan dapat diteruskan dan projek akan terbengkalai. Jadi timbul pula soalannya di sini iaitu apabila projek itu terbengkalai, disebutkan juga projek itu akan diadakan *mutual termination*. Saya tidak fahamlah *mutual termination*. Pohon penjelasan kerana apabila projek itu gagal, ada *performance bon* dan di situ kerajaan berhak *cash out performance bon* dan mendenda kontraktor yang gagal melaksanakan kerja. Ini perlu dilakukan kerana ada dapat maklumat bahawa *mutual termination* ini tidak melarang kontraktor asal itu mengambil bahagian kembali apabila tender ini dikeluarkan semula. Ada kes bahawa kontraktor yang gagal ini telah mendapat kerja apabila projek yang sama dikeluarkan tender. Ini saya perlu penjelasan daripada kementerian. Apakah maklumat yang saya terima ini benar?

The first contractor who failed was awarded when the project, the same project was retendered. Maknanya dia daripada kontraktor yang gagal, menjadi kontraktor yang penyelamat. Ini tidak masuk akal bagi saya. Jadi saya minta penjelasan sekiranya ada kes-kes seperti ini.

Jadi Tuan Pengerusi, dalam menaik taraf jalan raya dan jalan laluan, saya perlu bertanya kepada kementerian usaha untuk menaik taraf plaza tol kerana banyak tempat sekarang ini yang dibina pada 20 tahun yang lalu masih lagi pada tahap yang lama dan ada peningkatan sekarang yang ada mengenai dengan jumlah kenderaan yang menggunakan jalan itu. Tempat itu tidak lagi sesuai. Dulunya mungkin dua laluan cukup tetapi sekarang ini tidak kerana kita ada sekarang ini laluan untuk *SmartTag*, ada *Touch `n Go*, ada yang bayar tunai, ada tempat untuk tambah nilai dan sebagainya. Jadi di sini perlulah kita membuat peruntukkan daripada kementerian untuk menaik taraf tempat-tempat yang berkaitan khususnya kepada laluan, kepada pekan-pekan kecil. Ada juga kepada pekan utama seperti di Seremban. Di Seremban masih lagi dua laluan pada satu hala.

Tuan Pengerusi, ada juga projek yang siap. Projek yang disiapkan oleh syarikat konsesi yang tidak mengikut spesifikasi. Ini seperti mana yang disebutkan tadi ialah pengawasan oleh pihak kementerian, Jabatan Kerja Raya. Bagaimana perkara ini boleh berlaku? Yang pertama kerana tidak mengikut spesifikasi, yang kedua boleh diluluskan iaitu diberikan *Certificate of Fitness* dan jalan raya ini digunakan oleh pengguna-pengguna. Ini termasuk juga bangunan-bangunan yang dibina...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada satu minit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: ...Oleh kementerian yang lain tetapi di bawah pengawasan kementerian, *as Supervising Officer* dan berlakunya kerja-kerja yang kurang mutu dan ini telah pun diakui siap dan disahkan oleh kementerian. Tidak sampai dua tiga tahun kita dapat kerosakan, keretakan dan sebagainya dan perlu mengadakan peruntukan yang baru.

Akhir sekali ialah mengenai dengan peruntukan bagi projek yang tergendala sampai ke tiga hingga empat tahun. Projek tergendala sudah begitu lama tetapi tidak dapat diteruskan oleh kerana tidak mempunyai kewangan ataupun peruntukan. Saya sebut ini oleh kerana projek seperti contoh Seremban-Telok Kemang-Linggi yang tergendala tiga hingga empat tahun ini tidak dapat diteruskan oleh kerana tidak mempunyai tambahan peruntukan kerana kosnya sekarang sudah meningkat dan kebanyakan peruntukan yang lama telah pun diberikan ataupun dibayar kepada kontraktor yang lama. Jadi inilah sedikit sebanyak daripada masa yang diperuntukkan untuk saya walaupun ada yang lain. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Limbang.

4.16 ptg.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang perkara berkaitan dengan Parlimen yang banyak disentuh oleh rakan-rakan tadi. Saya pun memang tidak bersetujulah sekiranya kalau betullah klinik akan ditempatkan di *basement.* Pada masa ini sendiri kalau kita lihat di bangunan lama kita di sebelah sana, sedangkan kita membina *elevator (*lif*)* untuk kegunaan orang-orang yang bermasalah untuk gunakan tangga, apatah lagi kalau yang memang menghadapi masalah saat bersidang atau di mana-mana. Kita kena pergi turun tangga pula. Jadi logiknya tidak ada. Jadi mestilah dikekalkan di mana pada *the same level with the* Dewan *or* di mana di dalam *design* yang baru itu.

Keduanya saya juga bersetuju dengan rakan-rakan yang lain bahawasanya *the client is the* Dewan Rakyat. *The Speaker is the client* dan *we are the end users,* dengan izin. Ahli-ahli Parlimenlah. *We are the end users* zaman berzaman. Bukan setahun atau dua tahun tetapi zaman berzaman. Jadi kita kena lihat jauhlah perkara ini supaya memastikan *the end users* ini dapat, *we have a say, our own input* dalam *design* baru itu.

Saya hendak menyentuh tentang butiran-butiran iaitu berkaitan dengan penyelenggaraan jalan. Jadi apa yang saya dapati juga sekarang ini saya ingin hendak bertanya kepada JKR.

Apakah yang seperti mana yang disuarakan oleh rakan-rakan yang lain masalah jalan diselenggara, selepas itu ulang lagi balik. Jadi kita hendak tanya *are the sub contractors* yang dilantik oleh konsesi-konsesi ini *qualified too…, they have the knowledge – proper knowledge to maintain the road. Even to repair a pothole, are they doing it correctly? We can go to that detail* yang sebenarnya. Sebab itulah perkara ini berulang-ulang. *Repair* sana, esok dua hari sedangkan *pot-hole* itu kalau ikut, *it should be repaired within 24 hours.* Akan tetapi selepas *repair* macam tahi lembu sahaja. Simpan situ letak *pap, pap, pap*, lepas itu jalan. *Is that correct?* Jadi ini yang kita kena perhatikan. Saya minta kepada kementerian supaya memastikan konsesi-konsesi ini melantik subkontraktor-subkontraktor mereka ini yang betul-betul *road maintenance contractors with the qualified technician how to repair a road.* Itu satu.

Keduanya lagi ialah tentang permohonan di bawah butiran pembinaan jalan baru ini. Saya dengan rakan daripada Sipitang ingin hendak bertanya juga kepada kementerianlah. Mudah-mudahan jalan daripada Miri ke Kota Kinabalu itu akan dapat dilaksanakan secepat mungkin iaitu *the dual carriageway* yang telah pun disuarakan oleh Menteri hari itu di peringkat dasar.

Satu lagi ialah tentang pelebaran jalan. Di kawasan saya di Parlimen Limbang iaitu daripada pekan Limbang menuju ke Jambatan Temburung, Pandaruan yang akan dibina itu. Sebenarnya jalan itu bukanlah standard *Pan Borneo* sebab lebarnya masih 20 kaki lagi. Tidak pernah dilebarkan. Masa ini bukannya R5. Jadi saya minta ia di naik taraf menjadi R5, kelebarannya itu diluaskan lagi. Satu lagi ialah tentang sebagai permintaan untuk pengguna-pengguna jalan raya di Sarawak. Sebagaimana disuarakan oleh Yang Berhormat Bintulu, memang betul Bintulu-Sibu, Bintulu-Miri, keadaannya tidaklah memuaskan. Amat berbahaya pada masa ini. Jadi kita mintalah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya melihat perkara ini supaya pembaikan, penyelenggaraan ke atas jalan raya tersebut disegerakan.

■1620

Satu lagi ialah tentang lampu jalan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas, keadaan lampu jalan ini, khususnya di kawasan sayalah yang menuju ke sempadan, menuju ke Brunei ini, di sebut oleh Yang Berhormat Arau tadi, negara kaya ini. Sebenarnya, yang menyuarakan tentang ini bukan di Limbang sahaja, rakyat-rakyat negara jiran yang datang banyak ke tempat kita, ke Limbang, ke Miri, ke Kuching dan sebagainya. *The comment is very bad* bila sampai Limbang. Kenapa terlalu gelap masuk Limbang? Lepas itu Brunei terang balik, masuk Lawas gelap balik. Jadi, inilah ceritanya, jadi kita minta kepada kementerian supaya melihat perkara ini. Kita tidaklah minta supaya, kata orang, tiap-tiap 40 kaki satu tiang lampu, tidak adalah. Akan tetapi sekurang-kurangnya yang menuju ke sempadan Brunei ini. Memang betul, selekoh pun banyak, *accident* pun sudah banyak juga disebabkan keadaan gelap ini. Kita mintalah kepada kementerian untuk tambah lampu-lampu jalan raya menuju ke sempadan ini.

Satu lagi ialah tentang disebut tadi oleh Yang Berhormat Arau tadi. Kita ucapkan terima kasihlah kepada kerajaan kerana jambatan di Sungai Penderuan, pemecahan tanah sudah pun dibuat. Saya ingin bertanya, apakah statusnya sekarang sebab rakyat bertanya juga kepada saya, betulkah ini Yang Berhormat, betulkah. Saya cakap betul, sudah pecah tanah pun tetapi kalau boleh saya mintalah juga sebagai wakil rakyat di sana, *if you can update me from time to time*. Sebab *the people are so eager about it*. Mungkin yang disebut Yang Berhormat Arau tadi tentang kita yang berjiran, negara jiran, bagaimana rupa bentuk jambatan tersebut nanti akan dikongsikan bersama oleh kedua-dua pengguna, rakyat Malaysia dan juga negara Brunei.

Jadi, kita yang hari-hari akan berhadapan dengan orang jiran kita ini, kita tidak hendaklah dengar nanti kalau siapnya jambatan ini ada ungkapan-ungkapan seperti macam ini sahajakah? Macam ini sahajakah jambatannya? Jadi, kita tengok-tengoklah bagaimana supaya maruah kita, negara kita, kita pun banyak kepakaran, *we have very good architects, we have very good engineers, we know that, we acknowledge about the expertise* dalam *our professionals* yang ada di dalam Kementerian Kerja Raya. Jadi, kita tengok-tengok untuk antara estetik kata orang, dengan *our structural needs*lah. Jadi, kita lihat juga ini.

Satu lagi ialah tentang permohonan-permohonan yang lain tentang penjadualan baru tadi, berkenaan jalan untuk membina dari Miri ke Kota Kinabalu ini. Jadi, saya difahamkan *feasibility study* pernah pun dibuat. Jadi, rasa-rasanya tidak ada sebablah kenapa kalau kita hendak dengan peruntukan yang ada ini, ianya dapat dipercepatkanlah pembinaannya. Saya masih ingat lagi masa itu Timbalan Menteri Kerja Raya pernah pergi Lawas bagi *briefing* tentang *feasibility study* yang dibuat. Masa itu saya JD di sanalah, jadi saya ingat itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sepatutnya kementerian ini habis pada pukul 5.30. Jadi, banyak yang hendak bercakap, semua hendak cakap. Jadi, kalau inilah di*continue,* sampai minggu hadapan pun tidak boleh habis. Jadi, saya ingat, saya bagi dua sebelah sini, dua sebelah situ, lepas itu Menteri menjawab. Kalau mahu lima minit, saya boleh bagi lima minit.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Lima minit? Okey. Yang Berhormat berucap lima minit itu ikut cara Jawatankuasa. *Identify the project,* minta maaflah saya sebutkan ini. Lepas itu tanya soalan apa masalah, kenapa tidak buat dan sebagainya. Itu cara Jawatankuasa. Okey, saya minta lima minitlah ya. Okey.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

4.24 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, lima minit, okey. Saya cepat sahaja. Butiran 060200 - Bayaran Pampasan Tol.

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Tuan Pengerusi, DAP sudah banyak Tuan Pengerusi, PKR pun banyak, PAS tidak dapat langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya sudah terlanjur jemput Yang Berhormat daripada Serdang. Saya faham Yang Berhormat, saya ada lihat senarai, ada dekat sini. Sila Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Okey, saya cepat sahaja. Saya hendak sentuh tentang Lebuh Raya Cheras-Kajang kerana saya rasa ini adalah sebuah lebuh raya yang telah dibina pada tahun 1999. Kos untuk pembinaan lebuh raya tersebut adalah sebanyak RM282 juta dan kos penyelenggaraan dan operasi sejak hari itu sampailah Disember tahun yang lalu adalah sebanyak RM147.3 juta.

Maksudnya, tetapi setakat 31 Disember tahun lepas jumlah kutipan yang telah dikutip oleh syarikat konsesi adalah sebanyak RM585.5 juta. Maksudnya, setakat ini keuntungan syarikat konsesi untuk Lebuh Raya Cheras-Kajang adalah sebanyak RM156.2 juta. Akan tetapi saya tidak faham kenapa pada dahulunya, sebenarnya apabila perjanjian konsesi ditandatangani, tempoh konsesi adalah setakat 2025. Akan tetapi sekarang tempoh konsesi ini telah dilanjutkan kepada September 2030.

Jadi, saya rasa ini tidak munasabah kerana setakat ini syarikat konsesi sudah ada keuntungan tetapi Kementerian Kerja Raya lagilah melanjutkan tempoh konsesi ini. Jadi, saya hendak minta satu penjelasan kenapa Kementerian Kerja Raya tidak membela rakyat jelata dalam isu ini?

Isu kedua adalah tentang Terowong Kajang Utama di Kajang. Pembinaan Lebuh Raya SILK telah mengakibatkan penduduk-penduduk Taman Kajang Utama perlu mengambil perjalanan lebihan sebanyak lima kilometer setiap kali mereka keluar masuk dalam taman mereka. Satu terowong yang menghubungkan Taman Kajang Utama dengan bandar Kajang telah dipersetujui oleh bekas Menteri Kerja Raya ketika merasmikan operasi Lebuh Raya SILK pada Jun 2004. Akan tetapi selepas tujuh tahun, terowong tersebut masih belum dibinakan lagi kerana tidak dapat peruntukan dari EPU.

Jadi, saya rasalah kerana penduduk-penduduk di Taman Kajang Utama sudah tunggu sebanyak tujuh tahun. Sebenarnya, pembinaan Lebuh Raya SILK telah menjejaskan kegiatan sosio ekonomi di kawasan Kajang Utama dan juga kawasan Kajang Central. Sebab itu Kementerian Kerja Raya telah pun mengkaji melalui LLM untuk mengemukakan cadangan kepada EPU supaya cadangan untuk membina terowong dapat disegerakan. Untuk mengatasi kemerosotan kegiatan sosioekonomi di kawasan tersebut. Seramai 7,000 penduduk Taman Kajang Utama terpaksa menempuh laluan sejauh lima kilometer untuk ke Kajang sedangkan kawasan perumahan ini hanya 500 meter dari bandar tersebut. Jadi, saya haraplah bahawa walaupun sekarang Menteri Kementerian Kerja Raya sudah tukar beberapa kali tetapi saya haraplah bahawa Kerajaan Persekutuan bolehlah menunaikan apa yang telah di janji oleh bekas Menteri. Supaya memanglah penduduk-penduduk di Taman Kajang Utama ini mereka bolehlah menikmati dan bukanlah mereka telah banyak disusahkan oleh pembinaan Lebuh Raya SILK. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat kerana tepat lima minit. Saya tengok muka yang jarang-jarang bercakap ini, saya faham. Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Lenggong, jarang-jarang bercakap. Yang Berhormat, saya mengetahui, saya duduk dekat sini. Untuk itu PAS baru dua orang, DAP baru tiga orang. DAP ada 29 ahli, PAS ada 23, jadi tidak ada banyak itu. Masih boleh *proportion* kata orang. Jadi, saya jemput Yang Berhormat Sekijang. Lima minit Yang Berhormat.

4.29 ptg.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi... *[Disampuk]* Ada giliran masing-masing... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun hendak ringkas juga. Saya ingin menyentuh Butiran 030100 - Cawangan Jalan. Pertamanya, saya hendak membangkitkan dan saya sebenarnya telah membangkitkan beberapa kali dalam Dewan ini. Ini yang mana berkaitan dengan pembinaan jalan pintas yang telah dibuat oleh JKR di mana ianya selepas daripada Bandar Putra yang menuju ke Labis di dalam kawasan saya ini.

■1630

Di mana kalau tidak silap saya, pembinaan jalan ini dibuat oleh Syarikat Perimbun yang lalu iaitu merupakan jalan pintas yang dibuat dan saya kira ia tidak begitu teratur dan disusun dengan baik kerana saya mendapati bahawa *culvert* yang dipasang di kawasan tersebut adalah terlalu kecil. Ibarat orang pakai baju besar, kasut pakai dua inci. Jadi akibat daripada itu, apabila hujan lebat, air tersangkut dengan situ untuk keluar kerana laluan *culvert* yang kecil tadi dan mengakibatkan banjir di satu perkampungan orang India Genuang Baru ini.

Jadi saya mintalah kepada kementerian untuk melihat perkara ini kerana saya telah pun sebenarnya beberapa kali pergi ke situ termasuk bersama dengan jurutera daerah yang mana saya difahamkan telah dimohon peruntukan sejak daripada tahun 2009 dahulu. Akan tetapi sampai hari ini masih lagi belum diterima peruntukan itu dan saya pun terutamanya di musim-musim yang hujung tahun ini takut hujan turun dengan banyak dan kampung ini akan tenggelam lagi kerana akibat daripada perbuatan kita. Jadi, rakyat marah dengan kita kerana disebabkan oleh pembangunan pembinaan yang tidak teratur ini. Jadi saya minta kepada kementerian untuk melihat perkara ini.

Perkara kedua ialah tentang pembinaan Jalan Segamat ke Tangkak ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga Yang Berhormat Menteri Kewangan serta juga pihak JKR yang menguruskan pembinaan ini. Cuma saya hendak bertanya sedikit tentang jalan ini. Saya difahamkan bahawa jalan ini ia akan membuat empat lorong iaitu dua pergi dan dua balik di mana ia akan terus menuju kepada Lebuh Raya Utara-Selatan. Namun saya difahamkan jalan ini dibina untuk kelajuan 80 kilometer atau 90 kilometer sahaja.

Jadi saya rasa kalau daripada laluan Lebuh Raya Utara-Selatan dan kita masuk ke jalan itu, lebih ramai lagi yang akan kena saman kerana keadaan yang saman. Ini kerana daripada lebuh raya kita masuk ke jalan itu pun dua lorong. Jadi saya rasa kalau kelajuannya direndahkan kepada 80 kilometer atau 90 kilometer, yang ini saya ingat lebih banyak saman yang akan dikeluarkan oleh pihak polis atau penguat kuasa yang lain. Akan tetapi saya mintalah supaya ia dikaji agar ia dapat dipertingkatkan kelajuan yang dibenarkan di lebuh raya ini.

Ketiga dan yang terakhir Tuan Pengerusi ialah tentang Butiran 41000 - Kajian Kemungkinan Jalan (Projek Baru). Saya telah pun mengajukan untuk dibina satu jalan pintas di Daerah Segamat yang kita namakan sebagai Jalan Tenggara dan pihak JKR di daerah pun saya rasa telah memajukan permohonan ini kepada JKR Ibu Pejabat. Ini kerana apabila dibina jalan ini iaitu yang bermula daripada Jalan Mua-rSegamat ataupun yang lebih tepat daripada Kampung Batu Badak menuju ke Kampung Pogoh, ke Kampung Segamat menuju ke Kampung Melayu Bukit Siput ke Genuang Baru dan sampailah keluar ke kawasan industri dua.

Kalau ini dapat dibina, saya percaya kesesakan ataupun perkara-perkara yang ada di tengah bandar yang menyebabkan kelewatan dan gangguan-gangguan kepada kenderaan ini dapat kita selesaikan. Ini kerana ia saya kira tidak memerlukan perbelanjaan yang begitu besar. Ia mungkin boleh dibuat kajian yang sebaik mungkin kerana laluan ini pun saya rasa tidak sampai kepada 20 kilometer. Mungkin bawah daripada 15 kilometer. Jadi saya mintalah kepada kementerian ataupun kepada kerajaan untuk diambil perhatian perkara ini supaya dapat menyuraikan desakan yang berlaku di Bandar Segamat ini yang tiap kali bila ada sahaja daripada mereka yang hendak bekerja atau pergi ke pejabat dan melalui kesesakan, akan terlewat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Bagi Ahli Yang Berhormat Baling. Tanya soalan Yang Berhormat, macam Ahli Yang Berhormat Segambut, satu minit sahaja.

4.34 ptg.

Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh terus ke Butiran 030600 - Cawangan Kerja Pendidikan dan Pengajian Tinggi.

Sebuah sekolah menengah kebangsaan dibina di Batu 48, Bongor Baling di mana pembinaan dahulu melibatkan cerun bukit. Sekarang cerun itu agak tinggi dan di bawah cerun tadi ada sebuah Sekolah Menengah Agama Maahad Mahmud. Keadaan agak kritikal sekarang ini kerana musim hujan. Cerun itu tadi tidak diselesaikan dengan sewajarnya oleh pihak kontraktor. Boleh dikatakan sekarang menunggu hari. Dengan cuaca begini, kalau cerun itu rosak, maknanya boleh menimbus asrama Sekolah Maahad Mahmud Baling. Jadi ini keadaan yang cukup kritikal dan saya rasa jasa baik pihak kementerian seberapa segera perlu ambil tindakan dan carilah mana-mana peruntukan kalau boleh disegerakan.

Keduanya mengenai dengan Butiran 31000 - Pembinaan Jalan dan Jambatan (Projek Baru) sekali gus dengan Butiran 60000 - Naiktaraf Jalan Raya dan Laluan iaitu menyambung Jalan BKE, Butterworth Kulim Express ini yang melibatkan juga sambungan ke timur-barat. Jalan ini berlopak-lopak banyak sekarang ini. Kita lihat dalam masa dua atau tiga tahun ini, hanya pihak JKR menampal sahaja. Sekarang ini sudah cukup kritikal sebab sudah menjadi macam bawa kereta dekat tempat itu macam kita naik kuda sahaja lagi. Jadi maknanya banyak kemalangan berlaku terutama sekali kepada penunggang motosikal dan lopak-lopak itu telah pun begitu luas lebih-lebih lagi kalau kita memandu pada waktu malam dan waktu hujan.

Satu perkara juga saya ingin menyentuh pembahagi jalan di pekan Kuala Ketil, Kedah iaitu kawasan Baling yang tidak berlampu. Di tengah-tengah pekan itu sendiri tidak ada lampu pembahagi jalan. Jadi ini menyebabkan keadaan yang kabur begitu serta menyebabkan kemalangan yang sering berlaku.

Di bawah itu saya rasa di bawah Butiran 81000 - Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru) dan juga saya ingin menyentuh mengenai Butiran 80000 - Membina Jalan-jalan Baru iaitu yang jalan dari Binjol, Kuala Ketil ke Sungai Petani yang pernah saya kemukakan permohonannya kepada pihak kementerian yang diberi pengakuan untuk disudahkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ini sebab jalan itu sekarang ini dibuat kajian oleh pihak JKR sendiri. Penggunaannya begitu rancak iaitu dianggarkan 22,000 buah kenderaan menggunakan jalan itu dalam satu hari sedangkan jalan masih di tahap lama, bengkok-bengkok di mana kedudukan jalan tidak lagi untuk menampung kebanjiran 22,000 buah kenderaan dalam masa satu hari. Jadi kita cadangkan supaya jalan ini dipertingkatkan yang kalau boleh kepada empat lorong. Maknanya dua lorong pergi balik.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, pembesaran jalan daripada Padang Meha menyambung ke BKE berakhir di persimpangan jalan untuk Kulim Hi-Tech. Itu pun penggunaan jalan itu sekarang begitu rencam oleh sebab kawasan industri yang melibatkan banyak pengangkutan berat sedangkan jalan hanya jalan satu lorong, pergi dan balik. Ini agak kritikal dari segi pertumbuhan ekonomi kawasan itu dan juga dari segi penggunaan yang begitu rencam daripada pihak pengguna jalan raya.

Di bawah Butiran 60000 - Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan itu juga saya melihat jalan-jalan di kawasan Bandaraya Alor Setar kerana antara pembahagi jalan dengan tempat-tempat *U-turn.* Ini adalah tidak selari lagi dengan kedudukan kepesatan penggunaan sekarang. Ini kerana di tengah-tengah perjalanan itu kita lalu, tiba-tiba ada *U-turn*. Jadi inilah yang menyebabkan dua lorong telah menjadi satu. Jadi ini menambahkan kedudukan yang dikatakan *crowded* lagi. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

■1640

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Dungun.

4.41 ptg.

Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya mengambil masa yang singkat sahaja. *Insya-Allah* lima minit.

Butiran 31000 - Pembinaan Jalan dan Jambatan. Sukalah saya sebut di sini kepada kementerian supaya bina sebuah jambatan di sebuah Kampung Pasir Raja kerana kampung ini yang sudah sekian lama minta, merayu-rayu kepada kerajaan yang sebelum merdeka lagi sampai sekarang. Di sebelah seberang sana kawasan dusun yang boleh meningkatkan ekonomi mereka dan ada penduduk hendak sampai ke sekolah kena pakai perahu seperti di Sarawak juga. Jadi, harapan supaya jambatan yang cantik sedikit dibina kerana kawasan ini, kampung ini juga menjadi destinasi pelancongan. Ramai orang datang dan ada *homestay*. Saya harap dapat dibina oleh pihak kementerian.

Kedua, Butiran 60000 - Menaik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Saya tengok di kawasan yang menghala ke Kuala Terengganu dari Dungun ke Kuala Terengganu ke Kampung Serating sudah bertahun-tahun malah belasan tahun. Mana ada lagi jalan simpang siur, bengkang-bengkok seperti datang ke Kuala Lumpur pada tahun 60-an. Kawasan ini juga pernah berlaku kemalangan. Sehari sahaja hujan, air melimpah di atas jalan. Yalah, kita berterima kasih kerana air melimpah kerana penduduk dapat duit tolak kereta yang mati tengah-tengah tetapi mangsa kepada pemilik kenderaan. Inilah rayuan daripada pemilik kenderaan yang datang dari jauh dan dekat.

Ketiga, Butiran 60000 juga. Kita minta supaya Dungun ke Kuala Terengganu ada laluan. Empat laluan. Bukan seperti hari ini, dua laluan. Kita tengok kemalangan sering kali berlaku. Mantan Yang Berhormat Ahli Parlimen Dungun, Dato' Awang Jabar pun kemalangan berlaku di Kampong Pulau Kerengga, di kawasan yang sering kali berlaku kemalangan. Jadi, harap pihak kementerian mengambil inisiatif ini laksanakanlah kerana sudah sampai masanya. Kita sudah 54 tahun merdeka. Buatlah sesuatu yang boleh memberi kepentingan kepada rakyat dan kepada pengguna jalan raya.

Seterusnya Butiran 81000 - Membina Jalan-Jalan Baru. Projek baru dahulu ada dinyatakan satu jalan baru yang memendekkan perjalanan ke lebuh raya. Dari Batu Tujuh ke Kampung Che Lijah. Ini lebih kurang boleh jimatkan sampai sepuluh kilometer yang lalu ke kawasan Lebuh Raya Baru.

Kedua jalan Kampung Landas ke Kampung Mercang yang boleh memendekkan dan memberi keuntungan untuk perdagangan dua hala antara Kampung Landas dengan Kampung Mercang ini yang ada sebuah jambatan yang menguruskan perladangan dan *insya-Allah* orang Kampung Landas, ia jauh dengan laut. Ia boleh dapat ikan yang segar dan orang kawasan Kampung Mercang boleh menghantar bekalan mereka ke kawasan Kampung Landas.

Ketiga, jalan Bandar Al-Muktafi Billah Shah ke Bandar Dungun ataupun ke Kampung Serdang. Hari ini daripada Dungun ke Bandar Al-Muktafi Billah Shah ialah 160 kilometer. Barangkali kalau dibuat jalan pendek, jalan pintas ini dapat jimatkan 30 kilometer dan boleh memberi pembangunan yang efisien kepada masyarakat di Bandar Al-Muktafi Billah Shah. Oleh kerana jalan jauh ini, Bandar Al-Muktafi Billah Shah kekurangan pendatang ataupun orang-orang untuk urus niaga di kawasan Bandar Baru iaitu bandar wilayah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya rasa itu sahaja. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya. Yang Berhormat Kelana Jaya.

4.44 ptg.

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 08250. Sehari sebelum tragedi tanah runtuh Hulu Langat yang telah mengorbankan nyawa anak-anak yatim pada Mei lepas, kejadian tanah runtuh di kawasan perumahan Bandar Puteri 9 di Puchong. Para penduduk mendapati langkah-langkah membaiki yang dijalankan oleh pihak pemaju hanyalah tindakan kosmetik semata-mata tanpa sebarang proses menambah baik. Ini dibuktikan apabila pihak IKRAM sendiri mengakui bahawa kerja-kerja membaiki tersebut tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan dan tidak dapat menjamin keselamatan para penduduk.

Selain daripada itu, tanah bersebelahan kawasan tanah runtuh terbabit telah digazetkan sebagai tanah untuk sebuah sekolah kebangsaan Cina. Tambahan lagi pihak JKR terutamanya Cawangan Kerja Cerun dan Unit Forensik Tanah Runtuh tidak menjalankan tanggungjawab mereka dalam kes ini. Perwakilan JKR hanya menghadiri mesyuarat MPSJ pertama dan menghilangkan diri selepas itu. Justeru, saya amat berharap agar pihak berkuasa yang terbabit termasuklah JKR dan IKRAM dapat turun padang dan memberikan penyelesaian kepada masalah ini, seterusnya memastikan pihak pemaju bertanggungjawab dan tidak cuba lepas tangan.

Selain daripada itu, pihak JKR perlu menyenaraikan kawasan-kawasan cerun berisiko tinggi dan menyatakan apakah langkah pencegahan yang telah diambil. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Terengganu.

4.46 ptg.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Butiran 00500 berkenaan dengan Jalan Simpang Pulai-Lojing Gua Musang-Kuala Berang. Saya lihat peruntukan sebanyak RM2 juta. Satu peruntukan yang rasa tidak munasabah dan pembinaan selama ini hanya setakat Kenyir dan kira-kira ada 30 kilometer lagi untuk sampai ke Kuala Berang. Jadi, saya tidak faham kenapa peruntukan sebanyak itu untuk pembaikan jalan ini dan saya nampak bahawa kerosakan yang berlaku di jalan ini ialah kerana laluan kenderaan-kenderaan berat yang membawa bijih dari Gua Musang ke Kuantan. Saya rasa kalau kita tidak kawal penggunaan jalan ini, nampak bahawa ini merugikan kerajaan sekiranya dibiarkan kenderaan yang bawa bahan kira-kira 80 hingga 100 tan itu terus gunakan jalan tersebut.

Kedua, saya dapati bahawa jalan ini juga nampaknya sampai ke Kuala Jeneris dan disambungkan ke Kuala Telemong tetapi saya difahamkan bahawa peruntukannya hanya separuh sahaja. Ini menimbulkan keraguan penduduk kerana kalau kita tidak teruskan sampai ke destinasi yang dikehendaki menyebabkan ia merupakan satu pembaziran.

Tuan Pengerusi, Butiran 31000 - Pembinaan Jalan dan Jambatan Baru. Saya merayu kepada pihak JKR supaya membina satu jambatan yang menghubungkan Kampung Kuala Pueh dengan Kampung Dusun. Itu satu penempatan yang berhampiran benar dengan Empangan Kenyir iaitu satu tempat yang sangat memberi sumber tenaga ke seluruh negara kita. Pembinaan ini merupakan satu pembinaan yang dapat merancakkan dan mendekatkan hubungan antara dua tempat yang diputuskan oleh Sungai Terengganu.

Tuan Pengerusi, Butiran 71000 iaitu Memperelok dan Membaik Pulih Jalan (Projek Baru). Saya telah membangkitkan ketika membahaskan dasar bajet kita iaitu pembinaan jalan di antara Kampung Machang dengan Jalan Dato' Amar di kawasan Ajil. Saya dapati jalan tersebut dibina di hujung dan dipangkalnya tetapi terputus di tengah di antara dua jalan tersebut sehingga orang kampung menggelarnya Jalan Abu Nawas iaitu jalan di hujung ada, di tengahnya kosong, di hujungnya ada. Jadi, kita minta yang terputus sebanyak empat kilometer itu diteruskan oleh pihak kerajaan supaya gelaran Abu Nawas tadi akan terhilang dengan sendirinya.

Tuan Pengerusi, Butiran 30600 berkenaan dengan hal pendidikan. Saya dapati bahawa kalau kita sebut pembinaan bangunan sekolah, sebut sahaja di mana-mana di Hulu Terengganu, pasti bahawa pembinaannya terlalu lewat daripada yang dijadualkan. Jadi kita harap bahawa pihak JKR akan memastikan bahawa bangunan-bangunan yang dibina ini supaya dipercepatkan pembinaannya dan kalau kedapatan adanya kontraktor-kontraktor yang nampak tidak mampu meneruskan, kita tamatkan sahaja dan digantikan dengan kontraktor-kontraktor yang baru.

■1650

Akhir sekali, saya hendak tanya juga berkenaan dengan stadium negeri yang telah runtuh. Bukan sahaja hati sakit, mata pun turut sakit melihat bangunan yang tidak dibaiki dan entah bila akan dibaikpulihnya. Jadi sampai bila? Kita hendak bahawa stadium ini disegerakan sama ada hendak diruntuhkan dan dibina yang baru ataupun dibaiki apa yang telah rosak tersebut.

Berkenaan dengan Lebih Raya Pantai Timur...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat itu yang terakhir sekali tadi.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Berkenaan Lebuh Raya Pantai Timur yang saya dapati telah dua laluan dibuka iaitu dari Ajil ke Bukit Besi dan dari Bukit Payung ke kawasan Besut.

Saya dapati bahawa tempat-tempat lain itu masih lagi dalam keadaan yang tidak siap dan saya dimaklumkan bahawa kos pembinaan yang diuruskan oleh PLUS berbeza dengan yang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya dan ini menyebabkan yang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya lambat siap dan ianya tentulah menyusahkan.

Satu lagi hal berkenaan dengan pembinaan lebuh raya ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah lebih masa Yang Berhormat. Tiga kali yang akhir itu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Masa sudah habis? Iaitu kita dapati bahawa pembinaan lebuh raya ini menyekat laluan kepada orang-orang kampung yang selalu menggunakan jalan ke kebun mereka. Apabila ada pembinaan jalan raya ini, kita dapati mereka terputus perhubungan. Oleh yang demikian, kita minta pihak JKR supaya jalan-jalan yang terputus disebabkan adanya pengadang lebuh raya ini dibina laluan baru supaya ia tidak menyakitkan hati kepada pekebun-pekebun kecil yang rasa mereka tertindas akibat pembinaan lebuh raya ini. Sekian, saya menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja. Takkan tak nak dengar wanita seorang bercakap Yang Berhormat.

4.53 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja. Saya ingin ke Butiran 040000 – Sektor Pakar. Hanya soalan sahaja untuk Menteri. Berapa ramaikah juru ukur bangunan yang JKR ada dan apakah peranan mereka?

Kedua, saya ingin kepada Maksud Pembangunan 27, Butiran 60000 - Naiktaraf Jalan Raya dan Laluan. Saya ingin bertanya bilakah Jalan Persekutuan B3, Jalan Kebun dan Jalan B12, Jalan Bukit Kemuning akan dinaiktarafkan? Keadaannya amat teruk sekali tanpa lampu jalan terutama Jalan B3 ini, dan menyebabkan banyak kemalangan, Selain tidak rata, jalan ini juga tinggi daripada tebing. Jadi kadang-kadang pada waktu malam motosikal boleh terbabas dan jatuh di tepi bahu jalan itu sendiri. Sekian, itu sahaja Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Putatan.

4.54 ptg.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Akhirnya dapat juga. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dia dekat sangat dengan saya, muka macam nak marah sahaja, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Lagi sedikit, lagi bagus Yang Berhormat. Beri peluang kepada kawan.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Bagi Maksud Pembangunan 27, Butiran 81000 dan Butiran 08260. Pertama saya ingin tanya dengan kementerian, adakah Jambatan Petagas yang sedang dibina itu sudah siap 100 peratus ataupun tidak? Kedua, bila jalan alternatif yang dijanjikan itu akan dibina dari hujung KKIA, *Airport* Kota Kinabalu, sampai ke Taman Sabindo? Lakaran yang disediakan oleh JKR adalah dari hujung KKIA itu kepada Jalan JKR yang menembus jalan ke Penampang yang berdekatan dengan Pekan Putatan sendiri. Itu saya rasa kami sudah bantah kerana itu tidak sesuai kerana ia menyebabkan kesesakan. Putatan adalah *the king of all jams in Sabah. The king of the jam.* Tidak kira masa, *jam* selalu.

Akan tetapi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana dari Kepayan, dari Tanjung Aru ke Petagas sudah pun dilebarkan jalannya. Terima kasih. Itu okey. Yang dari Petagas yang sedang bina jambatan sampai ke Lok Kawi itulah *king of the jams,* sebab *bypass* pintas itu menuju ke *airport* itu juga menuju ke Putatan. Dari Penampang menuju ke Putatan menuju di depan pekan Putatan, itu yang menyebabkan *jam* ini. Jalan yang saya maksudkan Tuan Pengerusi, adalah Pan Borneo yang mana penduduk Sarawak, Brunei, Labuan, Keningau, Tawau melalui jalan ini yang menuju ke ibu kota, Kota Kinabalu. Jadi ini amat-amat *urgent* yang dikatakan sebagai *very critical* untuk diberi tumpuan.

Juga Yang Berhormat Menteri, yang saya minta bertahun-tahun sudah iaitu jejambat di hadapan pos yang itu. Apabila lintasan kereta api itu sudah dibina, dipasangnya pagar, budak-budak sekolah di situ, ibu bapa mahu mengambil budak-budak selepas waktu sekolah turut mengakibatkan *jam* dari Penampang menuju ke Putatan, menuju kepada *Pan Borneo Highway*. Jadi saya minta Yang Berhormat tengok jika jejambat yang sesuai supaya ibu bapa dapat mengambil murid-murid itu di sebelah jalan dan jangan dibiarkan mereka melompat, menggunting pagar landasan kereta api itu.

Juga, *traffic jam* yang saya katakan depan JKR itu, itu penyebab utama *jam,* dan juga *U-turn* di depan Putatan. Putatan ini terbahagi dua oleh *Pan Borneo Highway* ini. Bayangkan kesesakan jalan itu. Itulah orang memaki hamun wakil rakyat, kenapa wakil rakyat tidak suarakan. Sekarang saya suarakan kepada Menteri dan saya harapkan Menteri dapat memberikan reaksi terhadap perkara ini.

Saya juga ingin ikut serta dengan rakan saya berbahas tentang Parlimen ini sebagai ahli dalam *House Committee*. Kita telah pun berbincang lebih lebar tentang *conceptual* Parlimen ini. Ini bukan sahaja setakat merancang apa yang ada sekarang tetapi kita juga merancang kepada..., mungkin bukan kita lagi yang duduk di sini, mungkin Ahli-ahli Parlimen yang lain. Kita mahu Parlimen Malaysia kita ini menjadi satu tanda yang boleh digeruni oleh rakyat agar apabila mereka datang ke sini, mereka merasa lain, iklimnya lain. Jadi itulah kebanggaan kita, satu ikon kepada negara ini yang mempunyai sejarah yang mungkin kita boleh gambarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya menyokong soal media kita ini, kasihan. Bagilah mereka tempat-tempat yang sesuai, meja dengan *connection, laptop* dengan skrin yang besar di luar. Jangan biarkan mereka duduk di lantai yang penuh mereka di luar itu. Saya minta pihak JKR dapat melihat perkara ini kerana ini amat penting sebab menggambarkan Parlimen kita ini selesa kepada media-media, jurugambar kita. Jangan mereka ambil gambar depan pintu dekat *security* itu. Jadi saya mintalah pihak JKR dapat melihat perkara ini secara *urgent*. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tadi saya kata saya hendak berhenti pukul 5 itu. Jadi, Yang Berhormat Bakri ringkas sahaja kan, dua minit. Kalau ikut macam Yang Berhormat Segambut, saya akan bagi Yang Berhormat Kota Melaka selepas itu. Yang Berhormat yang lain selepas ini... *[Disampuk]* Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya akan bagi. Okey, saya bagi Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Bakri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Seminit, seminit.

4.57 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 040000 di bawah B.27 mengenai spesifikasi yang diguna dalam pembinaan lebuh raya.

Menurut komen-komen yang saya terima di mana kebanyakan komen tersebut menggunakan perkataan yang pelik untuk menggambarkan keadaan jalan raya di SDE, kesimpulannya adalah seperti berikut.

Pertama, inilah kali pertama rakyat berjumpa lebuh raya di mana satu lorong satu hala dari Cahaya Baru hingga Desaru. Ramai menganggap lebuh raya satu lorong ini sebagai bahan ketawa kepada dunia dan ia seharusnya dimasukkan sebagai *Malaysia Book of Record*.

Kedua, sekiranya jalan raya tersebut dikategorikan sebagai lebuh raya seperti apa yang dinyatakan oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia di mana piawaian sudah diikuti, sila jelaskan bagaimana sesebuah kereta dapat memotong kereta di hadapan dengan kelajuan 90 km/jam seperti apa yang ditetapkan di satu lebuh raya dengan satu lorong satu hala?

■1700

Ketiga, mengapa pembahagi jalan tidak dibina sepanjang lebuh raya terutamanya di antara laluan Cahaya Baru sehingga Desaru?

Keempat, lorong tersebut terlalu sempit. Sekiranya kecemasan berlaku di tengah jalan, kenderaan lain langsung tiada ruang yang mencukupi untuk mengelak dari tempat kecemasan.

Kelima, lorong kecemasan yang sempit seperti tersebut di atas. Sekiranya berlaku sesuatu kecemasan, kesesakan serius akan berlaku. Tambahan lagi, apakah akan terjadi kepada pengguna motosikal sekiranya mereka ingin mengelakkan kenderaan berat memotong kenderaan mereka?

Selain daripada kelima-lima soalan ini, saya juga ingin kerajaan menjelaskan adakah peruntukan yang di janji telah ditarik balik dan menyebabkan pembinaan lebuh raya satu lorong satu hala? Saya ingin menegaskan bahawa inilah kali kedua dalam dua minggu saya membangkitkan soal ini. Saya harap saya tidak payah tunggu dua jam dan akhirnya Menteri baru cakap hendak bagi jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Jasin.

5.01 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Saya terus kepada Butiran 81000 - Membina Jalan Baru (Projek Baru). Pada tahun 2009, kita telah meluluskan satu peruntukan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM134 juta untuk pembinaan jalan empat lorong dari Tangkak ke Jasin ke Ayer Keroh. Saya ucap terima kasih kepada kerajaan yang telah melaksanakan. Akan tetapi ia hanya dapat dilaksanakan untuk pakej satu dan pakej empat sahaja.

Saya harap Timbalan Menteri jangan jemu dengar ucapan saya kerana setiap kali saya akan bangkitkan perkara ini. Saya fikir sudah empat kali saya bangkitkan. Kali terakhir pada perbahasan bajet pada tahun lepas. Saya tidak tahu apa jawapan daripada kementerian. Duit pakej rancangan ini telah pun di belanja habis, tetapi kenapakah pakej kedua dan pakej ketiga tidak dapat dilaksanakan?

Kita mahu melihat supaya kita benar-benar dapat mengotakan janji kita. Janganlah hendaknya kita tertanya-tanya. Sepatutnya apa yang disebut dan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, platform ini adalah suara rakyat. Jadi kita mahu kalau boleh kementerian kalau cakap akan bertulis, ini bertulis pun tidak ada.

Keduanya saya hendak sebut di sini tentang banyak projek yang kita laksanakan di bandar-bandar. Bagus, kerana untuk kita menjana ekonomi. Akan tetapi seharusnya kita jangan lupa projek-projek luar bandar, jalan-jalan yang patut dinaikkan taraf atau *maintenance,* kerana ini sangat perlu.

Terakhirnya, kita mahu lihat supaya JKR (Jabatan Kerja Raya) ini mestilah kalau boleh menambah baik imejnya. Ini kerana apa yang terjadi sekarang, kebanyakan daripada agensi-agensi apabila kita membuat bajet untuk sesuatu projek, kita terpaksa serahkan kepada JKR untuk pelaksanaan. Kita dapati ia jauh melangkaui daripada bajet yang telah kita harapkan. Kalau bajet yang kita buat daripada jabatan ataupun agensi adalah berdasarkan daripada keperluan yang kita hendak untuk sesuatu projek, tapi kerana pelaksananya JKR, kita dapat lihat satu angka yang cukup menakutkan sekali. Saya pun hendak tahu apa sebabnya itu berlaku. Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Lenggong.

5.04 ptg.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jangan bimbang Yang Berhormat. Saya sudah janji. Saya tahu siapa yang bangun Yang Berhormat. Saya akan bagi semua.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkas.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Butiran 02800; Butiran 08230; Butiran 12001; Butiran 80000; dan Butiran 89000. Saya dah bangkitkan banyak kali berkaitan dengan pembinaan semula jambatan di Kampung Sumpitan, Lenggong, kemudian pembinaan semula Jambatan di Kampung Bor, Kampung Banggol Belimbing. Kedua-dua jambatan ini penting yang menjadi punca kepada sekatan air yang menyebabkan banjir di kawasan berkenaan. Jambatan Kampung Bor hari ini dibina Jambatan Belly sahaja. Oleh kerana ia penting, diharap diberi perhatian sewajarnya oleh kementerian.

Kemudian berkaitan dengan bangunan Pejabat Daerah Lenggong. Tender sudah lama sudah. Saya ingat perlu disegerakan. Saya harap ia dapat dilaksanakan segera. Saya bimbang kalau ia tidak dapat dibuat sehingga pilihan raya ini. Tender sudah dibuat.

Satu lagi ialah jalan, sama juga macam di Hulu Terengganu tadi. Di kawasan saya ada sebatang jalan dari pangkalan bot Durian Pipit hingga ke persimpangan Jambatan Raja Nazrin. Ia di putus di tengah-tengah. Oleh kerana kawasan ini ialah kawasan yang dalam pembinaan beberapa bangunan penting termasuk KKTM atau Kolej Kemahiran Tinggi MARA, dan perlu pembesaran jalan berkenaan, oleh itu saya harap sambungan jalan dari Pangkalan Durian Pipit itu dapat dibuat sehingga ke persimpangan KKTM dekat Jambatan Raja Nazrin.

Perlu juga di kawasan berkenaan dibina *traffic light* memandangkan ini kawasan yang sering berlaku kemalangan jalan raya. Selain daripada itu, saya harap di persimpangan ini juga iaitu selepas Jambatan Raja Nazrin, dibina *traffic light* kerana amat penting kerana kita bimbang dengan kemasukan pelajar-pelajar yang akan ditempatkan di KKTM ini akan menyebabkan kesesakan berlaku di kawasan ini.

Selain daripada itu, satu perkara lagi ialah berkaitan dengan pencerobohan tanah-tanah JKR. Saya harap kawasan tanah JKR berhampiran Jambatan Kampung Luak, Lenggong yang ketika ini di ceroboh oleh pihak-pihak tertentu untuk dibuat markas parti politik dan sebagainya, diambil tindakan oleh pihak JKR kerana jika tidak diambil tindakan, ia menyebabkan kawasan berkenaan menjadi markas yang boleh menyemakkan mata kita di situ. Jadi oleh sebab itu, tindakan mesti di ambil kerana ini tanah milik JKR. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tawau.

5.06 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud P.27, Butiran 08260 - Naiktaraf dan Memulihkan Jalan di Sabah. Saya minta penjelasan mengapa tidak ada peruntukkan diberi kepada Tawau selama dua tahun berturut-turut yang lalu untuk penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan di Tawau seperti mana yang dilaporkan oleh syarikat kontrak Gammerlite? Tawau hanya mempunyai sebatang jalan utama persekutuan ke lapangan terbang dan juga sambung ke Lahad Datu, Sandakan dan Kota Kinabalu.

Sepanjang jalan di kilometer sepuluh terutamanya sekali di sebelah kiri, hanya sesuai diguna oleh kuda dan pada masa kini hanya jalan di sebelah kanan boleh digunakan oleh kenderaan. Ini membahayakan kenderaan kecil. Sangat kurang adil juga untuk ke Sabah atau Tawau apabila Jabatan Kerja Raya mengatur bahawa jalan-jalan berkenaan dirosakkan oleh lori-lori yang membawa beban berlebihan. Padahal, kebanyakan barangan di Sabah hanya bergantung kepada pengangkutan jalan sahaja.

Mengapa jalan-jalan utama di Sabah hanya sekadar standard kelas kedua sahaja iaitu lori-lori 24 tan hanya dibenarkan membawa barangan 21 tan hanya kerana kementerian membina jalan-jalan dan jambatan-jambatan kelas kedua untuk rakyat Sabah.

Saya berharap jalan-jalan bertar yang akan dibina dari Kalabakan ke Tenom adalah mengikut standard kelas pertama seperti mana yang di Semenanjung. Juga saya ingin mendesak kementerian untuk menjelaskan berapa jumlah daripada RM150 juta untuk Sabah akan diberikan kepada Tawau untuk tujuan kerja-kerja membaiki jalan-jalan persekutuan dan juga jalan baru Persekutuan di Tawau yang lama tertunggak. Dengan itu, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Labuan.

5.09 ptg.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dalam Butiran 19180 - Pembinaan Jalan di Labuan. Saya ingin bertanya kepada JKR, apakah status pembinaan jalan dari Simpang Tamu ke Pohon Batu yang sampai saat ini masih belum siap? Kalau dikirakan, jalan itu sudah lama siap tetapi tidak tahu di mana sebabnya. Jadi minta dipercepatkan kerana ini menyebabkan kesesakan lalu lintas di Labuan.

Yang kedua, saya ingin juga menjelaskan kepada kementerian, terutamanya di antara jalan antara bandar dan juga Simpang Tamu iaitu dekat *traffic light* simpang Rancah-Rancah, di mana baru-baru ini terdapat kemalangan maut.

■1710

Ini adalah kemalangan maut yang kelima ataupun yang keenam di tempat yang sama. Apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh JKR kerana tempat itu tempat yang sama melibatkan kemalangan maut lebih daripada empat orang sudah meninggal dunia. Jadi tempat yang sama tidak ada perancangan ataupun langkah-langkah daripada Jabatan Kerja Raya. Saya rasa ini sesuatu yang aneh. Kalau dikirakan kawasan itu berhantu, kita pun tidak tahu di Labuan itu ada hantu ataupun tidak. Akan tetapi sekurang-kurangnya Jabatan Kerja Raya harus mengambil perhatian yang serius tentang kawasan tersebut kerana baru kelmarin, hari Isnin yang lalu, satu lagi meninggal di kawasan tersebut.

Ketiganya adalah peranan konsesi *maintenance* jalan terutamanya di Labuan kalau tidak salah dilaksanakan oleh Lintasan Sdn. Bhd. Jadi kualiti *maintenance* jalan yang dilaksanakan di Labuan itu tidak mengikut spesifikasi yang sebenar. Kalau kita lihat sampai saat ini, Labuan itu *maintenance*nya kalau dahulu dilaksanakan oleh JKR, saya rasa JKR sendiri buat lebih baik daripada Lintasan Sdn. Bhd. itu sendiri.

Jadi apakah cara kita menswastakan ataupun memberi konsesi kepada syarikat yang membuat *maintenance* ini betul-betul mempunyai keahlian yang cukup baik atau mempunyai *engineer* yang berpengalaman untuk membuat *maintenance* jalan-jalan tersebut. Jadi diharapkan cubalah ambil perhatian sedikit walaupun Labuan itu kecil tetapi keperluan harus kita lihat sebaik-baiknya.

Seterusnya adakah kerajaan ataupun kementerian merancang untuk melebarkan jalan antara Simpang Tamu ke kawasan keluar masuk bandar kerana laluan *dual carriageway* yang ada sekarang sudah sesak. Juga diharapkan kementerian mempunyai perancangan yang baik untuk sistem jalan di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk kawasan bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Melaka.

5.12 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 040500, Butiran 02800 dan Butiran 31000 ada berkaitan. Hanya dua projek yang saya ingin menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu pertamanya tentang Jambatan Tambak Bugis di Teluk Mas, Melaka yang sering kali terpaksa ditutup kerana keretakan. Saya ingin bertanya berapa kali pihak JKR telah membuat siasatan atau lawatan ke jambatan tersebut dan apakah *finding* atau keputusan dari kajian dan siasatan tentang kerosakan ini. Adakah dia punya *foundation* di*affected,* dengan izin.

Keduanya ialah tentang lebuh raya atau jalan persisiran pantai bahagian menyambung Taman Melaka Raya dengan Padang Temu. Sudah beberapa kali saya bangkitkan di Dewan ini tetapi saya tidak mendapat satu jawapan yang tepat iaitu adakah ia di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan bilakah ianya akan dapat dibina? Ini dua sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Belud.

5.13 ptg.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya beberapa jambatan sahaja saya minta Yang Berhormat. Satu, ini kawasan, kita kena faham Yang Berhormat Timbalan Menteri keadaan satu buah kampung itu berdepan dengan pekan tetapi dipisahkan dengan sungai. Saya ada dua kawasan di Kota Belud ini iaitu penduduk di kampung itu terpaksa berjalan berpuluh kilometer, lebih kurang 10 kilometer untuk pergi ke kampung itu kerana melalui jalan yang lain sedangkan kampung itu hanya sebelah pekan, jalan besar.

Jadi bayangkan kalau rumah terbakar, bomba terpaksa jalan setengah jam baru sampai sedangkan mereka boleh melihat rumah itu daripada pekan tetapi alangkah tidak bernasib baiknya kerana kereta bomba itu tidak boleh berenang di dalam sungai. Ia terpaksa jalan. Jadi ini sudah terlalu lama Yang Berhormat. Itu satu. Kawasan itu namanya Kampung Linau ke Kampung Kota Belud.

Keduanya di satu kawasan dipanggil Tambatuon ke Kampung Saduk-saduk. Ini juga jambatan. Masalah yang sama. Berdekatan tetapi jauh. Tolong tengokkan dua perkara ini kerana mereka ini adalah penyokong kuat kerajaan yang percaya kepada aspirasi Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Wah!

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Penyokong kerajaan, bukan Barisan Nasional. Saya bukan politik. Sejak merdeka lagi.

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, yang terakhir. Walaupun saya bukan Ahli Parlimen Tuaran tetapi ada satu kawasan kampung di Tuaran. Saya lahir di Tuaran tetapi ada satu kampung di Tuaran itu yang ramai penduduknya mengundi di Kota Belud. Ramai. Ini juga masalahnya. Kampung itu saya sebut Yang Berhormat Menteri iaitu Sungai Damit ke Pekan Tuaran. Tiga-tiga jambatan ini amat mendesak Yang Berhormat bukan sahaja kepentingan pembangunan tetapi untuk keselamatan. Polis, bomba, kesihatan, hospital semuanya berdekatan tetapi jauh. Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas keprihatinan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Maran.

5.16 ptg.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tahu Yang Berhormat Seputeh banyak kali bangun Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Saya, Tuan Pengerusi ada beberapa perkara sahaja. Pertamanya ialah Butiran 60000 - Naik Taraf Jalan. Saya minta supaya JKR memberikan perhatian kepada pembaikan Jalan Maran-Kuala Sentul yang cukup teruk dan sering berlaku kemalangan.

Keduanya ialah saya minta supaya kerajaan memberikan perhatian untuk menaik taraf jalan daripada Kuala Bera ke Paloh Inai. Yang ini banyak digunakan bukan sahaja oleh sebahagian kampung tradisional bahkan penduduk-penduduk di kawasan FELDA di sekitar seberang Sungai Pahang itu.

Berikutnya ialah saya minta satu lagi iaitu jambatan di Kampung Batu 13, jalan lama Maran-Temerloh, Maran-Kuantan, Temerloh-Maran di mana jambatan ini terlalu kecil dan sering berlaku kemalangan. Beberapa kematian telah berlaku. Saya minta supaya JKR memberikan perhatian kerana kalau sudah membina jambatan baru, jambatan Kampung Jengka Batu 13.

Berikutnya Tuan Pengerusi ialah tentang bangunan-bangunan kerajaan. Saya perhatikan banyak bangunan kerajaan di seluruh negara kita ini terbiar. Apabila jambatan ataupun kuarters kerajaan berpindah ke kawasan baru maka bangunan-bangunan lama masih boleh digunakan tetapi tidak dimanfaatkan sebaik mungkin. Saya hendak tahu berapa banyak bangunan ini. Seperti di Maran pun ada bangunan-bangunan ini. Sebahagian daripada kita pandai menggunakan, kita beri kepada badan-badan sukarela. Kita hendak apakah langkah kerajaan bagi mengatasi perkara ini.

Berikutnya ialah tentang Balai Polis Maran yang baru. Balai polis ini telah terbengkalai walaupun di tender semula tetapi sekarang ini masih belum siap. Saya hendak tanya JKR bilakah balai polis ini dapat disiapkan dan bilakah ianya boleh digunakan. Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih banyak. Itu sahajalah. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

5.18 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Banyakkah cerita Yang Berhormat ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak banyak, beberapa isu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya rujuk kepada Butiran 030000, dan Butiran 030100 - Cawangan Jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tunggu Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh, lima minit ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, lima minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Lima minit, selepas itu Yang Berhormat Batu Gajah. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri menjawab minggu depanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya beri semua orang bercakap petang ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia tidak ingat semua ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Isu satu ialah tentang Lebuh Raya SKVE ke Pulau Indah. Ramai pelabur dan juga pengilang di Pulau Indah ini amat prihatin bilakah SKVE ini akan siap kerana apabila kita tanya pegawai sama ada dari LLM ataupun JKR, bilakah jalan yang masuk ke pulau itu disambung, ada yang bagi tarikh yang berlainan. Ada yang kata tahun 2015. Jadi bila kami mendesak mereka, mereka kata tahun 2013, kerana *spec* itu kena tukar, kerana kapal kena melalui di bawahnya dan sebagai. Jadi saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beri satu jawapan yang tetap di Dewan ini, bilakah yang khusus, bukan SKVE dari Putrajaya sampai ke Pulau Indah. Ini kerana di situ agak kritikal.

Sekarang di Pulau Indah hanya ada satu jalan yang masuk ke Pulau Indah dan selalunya kesesakan berlaku. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi ke Pulau Indah sekarang, saya *guarantee* Yang Berhormat akan *jammed* dekat sana dua jam. Selepas itu baru keluar.

■1720

So, ini akan menjejaskan pelabur yang ingin menubuhkan kilang dan juga mereka yang ingin pergi ke Pulau Indah untuk bekerja. Ini satu masalah yang sangat besar di sana dan juga jalan masuk, jalan asal sekarang untuk masuk ke Pulau Indah memang banyak *pot holes* dan juga tidak cukup besar dan juga banyak masalah, semua lampu yang tidak menyala. Saya ingin minta Yang Berhormat ambil perhatian kerana yang masuk dan keluar itu kebanyakannya ialah pelabur asing dan ini boleh menyebabkan banyak kesusahan bagi mereka.

Kedua ialah tentang Rawang. Di Rawang ada banyak kawasan perindustrian tetapi kesannya, jalan selepas Lebuhraya Utara-Selatan, bila kita masuk ke Rawang, kita tentu akan *jam* di plaza tol sekurang-kurangnya dua puluh minit lepas itu baru beratur masuk ke Rawang *town*. Di kawasan sana ada banyak kilang, sepuluh tahun yang lepas, bekas Menteri Kerja Raya, Samy Vellu telah pun janji akan adakan lebuh raya bertingkat dan sebagainya. Sampai sekarang apa-apa pun tidak ada.

Jadi, saya hendak tanya kementerian, apakah rancangan kementerian pada tahun yang akan datang, adakah bahagian lebuh raya di plaza tol itu akan dibesarkan? Bolehkah ia dicepatkan kerana saya difahamkan bahawa Kementerian Kerja Raya hanya buat di bahagian belakang yang mana tidak begitu kritikal, yang kritikal adalah di plaza tol, sampai sekarang pun tidak berbuat apa-apa.

Isu ketiga ialah tentang jalan yang sambung ke *Sepang Gold Coast*. Sebenarnya ada satu *missing link* yang lebih kurang 15 kilometer. Pihak *Sepang Gold Coast* banyak kali minta daripada Kerajaan Pusat untuk tolong sambung satu jalan dari *main road* sampai ke *Sepang Gold Coast* supaya Sungai Pelek boleh dijadikan sebagai salah satu tempat pelancongan dan senang bagi pelancong untuk masuk ke sana.

Jadi, saya ingin minta pihak kementerian untuk mempercepatkan projek ini. Di sini saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang di Jalan Puchong kerana yang projek *Setia Walk. Setia Walk* itu telah menyebabkan kesesakan di tempat itu.

Jadi, pihak SP Setia telah pun setuju untuk membina satu jejambat untuk meredakan kesesakan trafik selepas projek itu siap. Jadi, semua ini perlu kelulusan daripada pihak LLM, minta ini akan diluluskan dengan secepat mungkin untuk meredakan kesesakan trafik di Jalan Puchong.

Akhir sekali ialah saya hendak tanya tentang jalan JKR di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Banyak jalan sangat teruk, adakah ia di bawah JKR atau di bawah DBKL? Bila kita tanya DBKL, mereka mengakui ada banyak jalan berlubang dan rosak, malah berlaku di Bukit Bintang. Itu pusat pelancongan, ramai pelancong duduk di sana dan jalan di sana kerana pembinaan LRT atau apa-apa, jalan sudah banyak berlubang-lubang. Saya tidak tahu ini di bawah bidang kuasa kementerian ataupun DBKL. Minta ambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya hendak buat pengakuan, tadi saya sudah berucap. Memandangkan ada masa lagi dan kerana peraturan mesyuarat tidak ada halang saya, tadi tertinggal satu *point*. Jadi, boleh saya bangkitkan? Ya, terima kasih.

5.23 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya diminta oleh Yang Berhormat Ipoh Barat yang membangkitkan Butiran 028000 di mana menyatakan bahawa Jalan Persiaran Kuala Kangsar, Lot 4451 Taman Fu Onn, Ipoh, telah dibuka Jalan Persiaran Kuala Kangsar tersebut tetapi ada sebuah rumah masih berada di Jalan Persiaran tersebut. Rumah-rumah yang lain telah diusir keluar. Jadi, saya diminta untuk membangkitkan bagi pihak Yang Berhormat, hendak tanya apakah sebab hanya rumah tersebut sahaja dibenarkan terus berada di tapak tersebut menyebabkan halangan kepada kenderaan umum. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itu sahaja Yang Berhormat? Okey, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia tidak sedialah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat, tidak boleh buat macam itu Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Timbalan Menteri tidak sedia kan, ada banyak isu. Kalau tidak saya bangkitkan lagilah.

Dato' Yong Khoon Seng: Saya sedia, saya duduk pagi sampai sekarang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kita tolong dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.24 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kasih kepada 33 Ahli Yang Berhormat, 33 kerana Yang Berhormat Batu Gajah diberi dua kali. Tahniahlah. Ada juga beberapa orang mencelah masa kita bincangkan hal di bawah Kementerian Kerja Raya dalam Jawatankuasa. Saya akan menjawab banyak isu tetapi saya tahu masa sudah tidak mengizinkan. Saya akan mula dengan jawapan dan harap dapat disambung hari Isnin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Mesti sambung Yang Berhormat, saya bagi peluang Yang Berhormat buat jawapan baik-baik, jawab hari Isnin. Akan tetapi sekarang kena sampai pukul 5.30 juga Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Ya, ada lima minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya tolong, saya tolong, ada isu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jangan Yang Berhormat, jangan buat macam itu Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hendak tolong dia, ada empat minit lagi. Saya tanya isu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak boleh Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Yong Khoon Seng: Ya, Yang Berhormat Sri Gading ada mencadangkan beberapa buah projek supaya ianya direkodkan kerana keperluan untuk rakyat jelata. Pertama, beliau menimbulkan jalan masuk keluar dari *PLUS Highway* pergi ke Batu Pahat. Memang saya tahu ini tidak ada jalan *feeder* pergi ke Batu Pahat dari *PLUS Highway*. Mereka perlu melalui Ayer Hitam atau melalui Yong Peng. Jaraknya adalah lebih panjang, 30 kilometer dan masa diambil memang 40 minit lebih. Ini kita ambil perhatian kerana saya sendiri pun ada melalui tempat, pergi ke Batu Pahat dan betul-betul kita perlukan satu lencongan jalan supaya Batu Pahat dapat dihubungi dengan satu jalan lencongan terus masuk sebagai *feeder road*.

Yang Berhormat Sri Gading juga menimbulkan jambatan baru yang diperlukan di FT005 kerana jambatan sedia ada adalah tidak cukup lebar dan kesesakan berlaku. Oleh itu, kajian kemungkinan bagi menentukan jajaran yang sesuai bagi jalan dan jambatan baru akan dimulakan awal tahun 2012. Tempoh kajian adalah dua belas bulan.

Yang Berhormat Bintulu, memohon peruntukan yang diberikan tidak mencukupi bagi tiga butiran berikut, membaiki jalan dan menurap jalan, membina jalan-jalan baru, pembinaan jalan raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bintulu, peruntukan RM4 juta yang telah dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat di bawah Butiran 09270 - Membaiki dan Penurapan Jalan, adalah khusus bagi penutupan akaun projek membaiki cerun-cerun di Jalan Mengkalap ke Panduran, Limbang.

Bagi kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh negeri Sarawak pula untuk tahun 2012, dianggarkan peruntukan sebanyak RM108 juta akan disalurkan di bawah belanja mengurus Butiran 28000. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM21.7 juta akan diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan berkala di Jalan Bintulu-Sibu.

Butiran 09280 - Membina Jalan-jalan, sebanyak RM176.6 juta akan diperuntukkan untuk membiayai sepuluh projek jalan yang sedang dilaksanakan termasuk Jalan Sibu-Bawang-Asan-Seriding, Jalan Lubok Antu-Lemanak-Engkari dan sebagainya.

Bagi Butiran 09800 - Pembinaan Jalan Raya. Peruntukan RM1 juta adalah khusus bagi membiayai penutupan akaun satu projek jalan yang sudah siap iaitu projek membina jambatan Sungai Teru di Jalan Beluru-Long Teru-Long Lama. Projek ini dimulakan pada Julai 2009 dan telah disiapkan pada Oktober 2011.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini di tangguh sehingga jam 10 pagi hari Isnin 14 November 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.